

DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA

Bil. 20	Isnin	12 Disember 2005
----------------	--------------	-------------------------

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DIPERTUA:	
- Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman 1)
URUSAN MESYUARAT	(Halaman 2)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 2)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2006	(Halaman 26)

DN.12.12.2005

(1)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 12 Disember 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang

[*Setiausaha membacakan Perutusan*]

8 Disember 2005

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat
Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Kewangan 2005; dan
2. Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2005.

Yang ikhlas.

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT

URUSAN MESYUARAT

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan kali ketiganya di mesyuarat ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan supaya dapat memantau pengeluaran Al-Quran palsu yang dikeluarkan oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab di mana sesetengah ayat Al-Quran di dalamnya ditukar dengan ayat lain. Jika pengeluaran ini tidak dibendung dengan segera ia dapat memesongkan akidah umat Islam terutamanya bagi mereka yang kurang arif tentang Al-Quran.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan Tuan Wan Nordin adalah seperti berikut – Bahagian Kawalan, Penerbitan dan Teks Al-Quran Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, bertanggungjawab bagi memastikan setiap teks dan bahan Al-Quran yang dicetak, terbit, import, jual dan edar hari ini bersih daripada sebarang kesilapan dan kesalahan. Dalam konteks ini Bahagian Kawalan, Penerbitan dan Teks Al-Quran Kementerian Keselamatan Dalam Negeri akan mengeluarkan perakuan betul, pruf akhir teks Al-Quran kepada setiap teks atau bahan Al-Quran yang telah disemak dan diluluskan oleh Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran.

Bagi mengawal dan memastikan percetakan, penerbitan, jualan, pengimportan dan pengedaran teks atau bahan Al-Quran itu sah dan terkawal, bahagian ini telah menjalankan beberapa cara iaitu:

- i) melalui naziran yang dijalankan setiap minggu;
- ii) melalui penguatkuasaan undang-undang;
- iii) penyelarasan tugas bersama agensi-agensi lain peringkat negeri;
- iv) mengadakan bengkel dan taklimat mengenai Akta Pencetakan Teks Al-Quran; dan

- v) Bahagian ini turut menerima aduan mengenai pengeluaran al-Quran yang palsu yang mana antara kesalahan pada teks dan bahan tersebut seperti kesilapan susunan muka surat, susunan ayat yang bercampur aduk, bilangan ayat yang tertinggal cetak dan sebagainya.

Sekiranya perkara ini berlaku Kementerian Keselamatan Dalam Negeri akan bertindak segera dengan mengeluarkan surat amaran dan arahan pemeriksaan semula dari pasaran, menarik semula dari pasaran kepada pencetak, penerbit dan pengimport yang berkaitan dan memaklumkan kepada agensi lain serta kepada media untuk disampaikan kepada orang awam khususnya masyarakat Islam.

Aktiviti pemantauan premis-premis percetakan, penerbitan dan penjualan teks serta bahan Al-Quran juga dijalankan setiap minggu oleh pegawai-pegawai bahagian ini yang telah diberi kuasa di bawah peruntukan Akta Percetakan Teks Al-Quran 1986. Daripada aktiviti ini juga makluman mengenai kesahihan Al-Quran di peroleh sebelum tindakan selanjutnya diambil. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan wan Nordin dan selepas ini Puan Siti Zailah.

Tuan Wan Nordin bin Che Murad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam usaha kita untuk memastikan ayat-ayat Al-Quran ini tidak dipalsukan apakah strategi dan rancangan Jabatan Perdana Menteri, pihak Kementerian Keselamatan Dalam Negeri untuk memastikan supaya selain daripada usaha-usaha memalsukan Al-Quran ini begitu juga dengan program atau ceramah-ceramah yang dilaksanakan dengan memutar belitkan ayat-ayat Al-Quran.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tindakan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dalam memastikan supaya tidak ada pemalsuan teks Al-Quran. Ianya seperti mana yang telah saya nyatakan tadi termasuk mengambil tindakan dalam penyebaran teks Al-Quran ini yang mana tindakannya seperti mana saya nyatakan tadi ialah melalui pemeriksaan, penguatkuasaan undang-undang juga mengadakan ceramah-ceramah atau pun bengkel-bengkel kepada masyarakat umum khususnya kepada masyarakat Islam mengenai Akta Percetakan Teks Al-Quran itu.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, selain daripada dakyah melalui media cetak dan ada juga dakyah melalui bahan elektronik untuk merosakkan akidah umat Islam. Jadi, saya ingin

penjelasan adakah apa-apa peruntukan dalam akta di negara kita untuk menyekat supaya gejala murtad tidak berlaku dalam masyarakat kita. Terima kasih

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tindakan kita di ambil di bawah undang-undang Akta Percetakan Teks Al-Quran. Jadi, penguat kuasa akan dilakukan kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang mana akhirnya mereka akan didakwa di mahkamah.

2. Tuan Lee Sing Chooi minta Menteri Kerja Raya menyatakan mekanisme dan kaedah untuk memastikan nilai projek kerajaan yang siap setanding dengan perbelanjaan peruntukan bagi projek tersebut untuk mencegah rasuah dan kebocoran, dan wang ringgit yang dibelanjakan itu dapat memberikan manfaat yang maksimum kepada rakyat.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian memang sentiasa mengambil perhatian dalam memastikan setiap peruntukan bagi projek-projek yang dikendalikan dibelanjakan dengan sewajarnya dengan izin, *value for money* serta terhindar dari unsur rasuah dan kebocoran. Oleh itu kementerian telah melaksanakan beberapa langkah bagi tujuan tersebut antaranya:

- i) dari segi ketelusan kontrak kerja ditawarkan melalui sistem tawaran tender. Langkah ini membolehkan ramai kontraktor mendapat peluang untuk menyertai dengan harga yang lebih kompetitif serta memenuhi syarat-syarat tender yang ditetapkan. Dalam penilaian tender pula kementerian tetap memastikan keupayaan kewangan dan teknikal iaitu dengan izin, *financial and technical capability of the contractor* .sebagai satu kaedah yang diambil kira dalam memastikan hanya kontraktor yang layak dan berkemampuan sahaja akan diberikan kerja kontrak itu;
- ii) dari segi kebocoran. Kementerian sentiasa melaksanakan langkah-langkah kerahsiaan dan keselamatan agar pengurusan pengendalian tender berjalan dalam suasana yang terpelihara dari kebocoran maklumat. Dalam konteks ini kementerian telah menetapkan agar seorang pegawai yang bertanggungjawab dalam pengeluaran tender tidak dibenarkan melaksanakan :-

- Tugas penilaian tender berasingan pegawai tanggungjawab
- Konsultan yang mengeluarkan tender kerja tidak dibenarkan membuat penilaian tender
- Bilik khas sulit bagi urus setia tender yang diadakan dan hanya dianggotai oleh dua orang pegawai yang bertanggungjawab sahaja.

Tuan Lee Siang Chooi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, dengan menekankan keberkesanan kos berapakah efektifnya langkah-langkah yang digunakan oleh kerajaan dan juga bila terdapat perbezaan yang ketara antara nilai projek yang siap dengan perbelanjaan, adakah mekanisme untuk membawa pihak yang berkenaan ke mahkamah. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jikalau ada juga kes-kes seperti itu, bukan sahaja kita bawa mereka ke mahkamah tetapi, mereka boleh juga berdisiplin dan juga mengambil tindakan jabatan sendiri.

Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, memang pihak kementerian dan penjelasan Yang Berhormat Menteri telah mengambil berbagai langkah untuk mencegah rasuah, penyelewengan, kebocoran dan sebagainya, tetapi umum mengetahui bahawa banyak projek tergendala dan antara sebabnya ialah berlaku perkara-perkara tersebut. Berasaskan kepada pengalaman Yang Berhormat Menteri, selaku Menteri Kerja Raya yang kalau tidak silap saya lebih dari 30 tahun, Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan saya ialah di peringkat manakah pada penilaian Yang Berhormat berlakunya perkara-perkara ini. Adakah di peringkat Perdana Menteri, Menteri Kewangan, Menteri, Ketua Setiausaha, Ketua Pengarah, jurutera, *technician*, kerani atau *office boy* yang menyebabkan berlakunya masalah-masalah nilai projek itu tidak setanding dengan penghasilan projek itu. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, nilai projek akan ditetapkan dan ini juga akan disimpan sebagai satu *guidelines* untuk kita dalam penilaian tender. Ada juga kadang kalanya harga ditetapkan oleh JKR akan bocor dan kontraktor-kontraktor mengikuti dengan harga yang ditetapkan oleh JKR, tetapi pada masa itu JKR tidak menimbang harga yang ditetapkan. Kita menimbang tender yang paling rendah

sahaja sekarang. Ini sudah menjadi amalan baru, tender yang paling rendah, itu diambil. Jikalau tender itu dan kontraktor itu tidak mempunyai pengalaman, tidak mempunyai *expertise* dan lain-lain, masa itulah kita bagi kepada nombor 2 atau nombor 3, bukannya dengan harga yang ditetapkan oleh JKR.

Berkenaan dengan projek-projek tergendala itu, bukan oleh kerana mereka dapat maklumat-maklumat daripada pihak pegawai-pegawai JKR dan selepas itu mereka menender dan mereka tidak boleh menjalankan kerja-kerja itu. Ada juga beberapa sebab mengapa kontraktor-kontraktor tergendala. Ini oleh kerana apabila mereka menender suatu harga dan selepas itu harga barang naik, mereka menghadapi masalah. Jikalau mereka tidak mendapat bayaran daripada JKR, mereka akan menghadapi masalah dan juga beberapa masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka akan diatasi oleh Jabatan Kerja Raya untuk mereka meneruskan dengan projek. Jikalau kita nampak mereka tidak layak untuk menjalankan projek itu, kita tender semula dengan kebenaran daripada Kementerian Kewangan. Itulah sejarahnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagi menghormati kehadiran Menteri, saya benarkan satu lagi soalan tambahan. Silakan Yang Berhormat Tay Puay Chuan.

Tuan Tay Puay Chuan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah adakah kementerian tegas mengenakan denda ke atas kontraktor yang lewat menyiapkan projeknya seperti yang termaktub dalam kontrak ataupun sama ada mengenakan sesuatu denda itu tertakluk kepada budi bicara pegawai kementerian.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, lewat pembinaan atau lewat melaksanakan projek itu ada juga beberapa sebab. Sebab yang pertama di seluruh negaranya ialah apabila kita menjalankan projek-projek kita tidak boleh mengambil balik tanah mengikut dengan masa yang ditetapkan oleh kita. Itu diletakkan dalam agensi-agensi yang lain. Di kala kita menetapkan projek ini mula pada 25 Januari, selesai dalam dua tahun, kita boleh tetapkan, tetapi pengambilan balik tanahlah masalah yang pertamanya.

Yang kedua, masalahnya iaitu memindah perkhidmatan-perkhidmatan yang sedia ada iaitu paip air, elektrik, dan juga paip-paip yang lain. Di kala kita minta agensi-agensi untuk memindah, satu keputusan telah dibuat oleh kerajaan, jikalau kita minta agensi memindah mana-mana perkhidmatan itu, mereka akan memindah dengan kos dibiayai oleh mereka sendiri. Banyak di antara kerajaan negeri tidak mempunyai peruntukan untuk membiayai kos. Jadi, saya telah membangkitkan perkara ini kepada

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga di dalam Jemaah Menteri, perkhidmatan ini mesti dibayar oleh Kerajaan Pusat di mana kita boleh juga menjalankan projek itu dengan segera. Jadi, inilah dua masalah yang penting dalam melaksanakan projek.

Masalah yang ketiga iaitu masalah kontraktor. Kadang kalanya masalah itu, sebelum kita bagi kontrak kepada mereka, dia banyak aktif, boleh dikatakan, dengan izin, *super active* tetapi apabila sudah dapat kontrak dia mula tidur, tidak mahu mula kerja, bulan pertama, bulan yang kedua, bulan yang ketiga, kita kena tunggu tiga bulan untuk memberi notis kepada mereka. Selepas itu untuk membatalkan kontrak, notis sekali lagi, oleh kerana inilah prosedur-prosedur telah ditetapkan oleh kerajaan, kita tidak boleh tarik balik mana-mana satu projek. Kalau kita mahu juga membatalkan kontrak itu, kita kena tulis balik kepada Kementerian Kewangan dan mendapatkan kebenaran daripada mereka dan kita akan menender semula lagi.

Jadi, inilah Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang dihadapi oleh Jabatan Kerja Raya. Kalau nampak di luarnya mereka kata ini Jabatan Kerja Raya jangan kerja rajin-rajin, itu semua satu tuduhan tanpa kebenaran. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, telah jelas pihak kementerian adalah tegas dalam masalah ini. Terima kasih. Silakan Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad.

3. **Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** meminta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan apakah rancangan susulan bagi pihak PDRM untuk menolak budaya rasuah dengan hanya memakai lencana 'Saya Anti Rasuah'. Adakah pihak PDRM bersedia untuk memberi pengisian kepada anggota melalui latihan berstruktur yang bersandarkan Pelan Integriti Nasional.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. PDRM melaksanakan dua pendekatan semasa membasmi amalan rasuah dengan ahli pasukannya iaitu pendekatan jangka pendek dan pendekatan jangka panjang.

Bagi pendekatan jangka pendek, tindakan dibuat melalui pemakaian lencana "Saya Anti Rasuah", pelekat kereta pasukan, risalah dan poster. Kempen ini bertujuan membangkitkan kesedaran dan pendidikan kepada ahli-ahli pasukan di seluruh negara. Manakala tindakan jangka panjang pula dan berterusan secara terancang melalui aktiviti-aktiviti seperti berikut :

- (i) membuat pemeriksaan mengejut atau naziran terhadap anggota ketika menjalankan tugas di tempat kerja seperti tugas *bid* dan *patrol*, trafik, MPV dan balai-balai dan lain-lain secara menyeluruh;
- (ii) modul integriti disediakan di semua Pusat Latihan PDRM secara berterusan dan penekanan integriti dilaksanakan di peringkat awal kepada pelatih-pelatih ketika kemasukan mereka ke dalam pasukan;
- (iii) latihan dalam perkhidmatan mengenai integriti juga dibuat secara berterusan; dan
- (iv) dialog, bengkel, seminar diadakan menjurus kepada Pelan Integriti Nasional.

Berdasarkan kepada pelan tindakan jangka panjang yang di nyatakan di atas, dibuktikan bahawa pihak PDRM sedia memberi pengisian kepada anggota melalui latihan berstruktur yang bersandarkan kepada Pelan Integriti Nasional. Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahap amalan rasuah di negara kita khususnya di kalangan anggota PDRM belumlah kritikal dan peratusannya masih kecil dan saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat iaitu tentang apakah punca utama pada pandangan Yang Berhormat, yang menyebabkan amalan rasuah di kalangan anggota PDRM. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di Pertua. Saya ucapkan tahniahlah, terima kasih kerana membagi pujian kepada pihak pasukan polis yang mana dari segi penglibatan anggota-anggota memang begitu kecil. Kalau dilihat dari segi data-data yang ada yang disediakan oleh pihak polis bahawa angka penglibatan pegawai dalam rasuah ini berbanding dengan populasi polis, kalau dalam tahun 2002, hanya sebanyak 81 orang saja yang terlibat di semua peringkat pegawai dan *rank-and-file* dan daripada ini kita lihat hanya 0.1% sahaja yang terlibat dengan rasuah berbanding daripada populasi 82,383.

Begitu juga dalam tahun 2001 di mana kita lihat anggota yang terlibat hanya sebanyak 104 orang sahaja, *all ranks*, dengan izin. Ini melibatkan sebanyak 0.3% berbanding total populasi anggota PDRM. Bagi tahun 2002 hanya 80 orang sahaja yang terlibat dan dari segi peratusan berbanding dengan total populasi sebanyak 84,223 hanya 0.09% dan bagi 2003 hanya 86 anggota yang terlibat. Dari segi peratusan ialah 0.01% daripada anggota *population* polis sebanyak 68,739. Begitu juga 2004, 80 orang iaitu 0.09% yang meliputi *total population* polis 87,965 orang dan bagi tahun 2005

sehingga November tahun ini, hanya dalam 65 orang sahaja iaitu 0.06% iaitu *total population* 89,479 orang.

Kalau kita lihat perbandingan daripada segi *population* yang meningkat dan penglibatan anggota PDRM dalam rasuah adalah kurang, menurun. Ini melihatkan bahawa tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak PDRM untuk mengatasi masalah-masalah rasuah yang dilakukan oleh pihak anggota berkesan, malahan sebelum daripada cadangan-cadangan yang dibuat oleh Suruhanjaya Diraja baru-baru ini, malah polis telah pun mengambil tindakan untuk memastikan supaya perbuatan rasuah ini dapat diatasi di kalangan ini.

Soalan kedua, sebab mengapa anggota terlibat dalam rasuah ini, saya percayalah apabila ada pemberi dan ada penerimanya. Tetapi masalah kita hari ini, lebih menekan kepada penerima, kita tidak menekankan kepada pemberi. Pemberi ini juga membuat satu kesalahan yang besar juga. Jadi bagi pihak kita, kita seharusnya mengambil tindakan yang serupa kepada pemberi-pemberi dan dari segi undang-undang, kita kadang-kadang pemutihan daripada keterangan *accomplish* ini merupakan dalam undang-undang adalah *accomplish* mungkin tidak dapat beri tekanan dalam penerimaan. Jadi, kalau kita hendak ambil tindakan tatatertib juga, tidak ada peraturan di mana kita boleh mengambil tindakan tatatertib kepada pemberi-pemberi. Jadi, ini masalah yang besar yang harus kita lihat, yang harus kita memberi penekanan kepada pemberi-pemberi ini juga.

Selain daripada itu, mungkin pada kemudahan-kemudahan yang diterima oleh pihak polis ini tidak mencukupi. Umpamanya seperti pemberian elaun telefon hanya sebanyak RM150 kalau dibandingkan dengan tugas yang menggunakan telefon ini lebih daripada itu dan banyak lagi yang kemudahan-kemudahan yang baru-baru ini kerajaan memperkenalkan COLA, tetapi apa dapat rungutan daripada pegawai-pegawai, kalau pegawai ini mendapat rumah bahawa mereka tidak mendapat COLA sama sekali dan inilah di antara yang boleh menjadi sebab. Ini ibarat nyiur setandan, ada yang busuk dan orang inilah yang mengambil kesempatan.

Bagi pihak polis, pihak polis tidak ada bertolak ansur. Mereka sentiasa mengambil tindakan yang tegas untuk membanteras rasuah di kalangan anggota polis ini. Pertamanya yang kita lihat IGP yang begitu tegas sekali dalam mengambil tindakan supaya anggota polis ini begitu telus dalam menjalankan tugas mereka. Terima kasih.

Tuan Chua Kim Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam usaha anti rasuah PDRM telah mengumumkan bahawa seorang anggota polis boleh melaporkan kes rasuah orang awam yang dia ketahui, soalan tambahan saya, kalau seorang anggota polis mendapat tahu ada anggota polis sepejabat terlibat dalam rasuah, bolehkah pihak polis melaporkan kes itu dan adakah ini digalakkan dan berapakah jumlah kes sedemikian yang berlaku?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini memang digalakkan bukan sahaja di kalangan pihak polis - polis memang ada kuasa. Kalau kita ada melihat *the commission of an offence*, dengan izin bahawa polis ada kuasa untuk menangkap. Begitu juga macam orang awam, kalau ada rasuah berlaku di hadapan mata orang awam, kalau mereka hendak mengambil tindakan, mereka boleh kerana *commission of an offence* telah berlaku. Jadi dia boleh membuat *citizen's arrest* dan akhirnya selepas membuat *citizen's arrest* mereka boleh membuat laporan kepada polis.

Dari segi berapa jumlah anggota polis yang telah mengambil tindakan terhadap rakannya, tetapi oleh kerana ini merupakan soalan spesifik, saya tidak ada angka untuk memberi jawapan kepada soalan ini. Saya minta maaf kerana saya tidak dapat memberikan angka yang tepat bagi menjawab soalan Yang Berhormat.

4. **Datuk Kalakau bin Untol** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan sejauh manakah pencapaian untuk menjadikan negara kita sebagai satu 'hub pendidikan' di rantau ini. Berapakah jumlah pelajar luar negara dan dari negara mana yang menunjukkan minat untuk belajar di negara kita serta anggaran kewangan bagi setiap pelajar.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sektor pendidikan tinggi telah mencapai perubahan dan kemajuan yang besar sejak 15 tahun kebelakangan ini. Kini terdapat 17 buah universiti dan kolej universiti awam (IPTA), 561 buah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di mana 28 buah daripadanya bertaraf universiti, 20 buah politeknik dan 30 buah kolej komuniti yang menawarkan pelbagai jenis kursus dalam peringkat sijil, diploma, ijazah sarjana muda dan pascaijazah. *Enrolment* di IPTA ialah lebih kurang 325,000 pelajar dan bagi IPTS ialah 320,000 pelajar, politeknik 71,000 pelajar dan kolej komuniti 9,953 orang pelajar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, akibat kemajuan tersebut peluang dan akses kepada pendidikan tinggi telah dipertingkatkan ke 28% untuk belia dalam *cohort* umur 18 hingga 23 tahun berbanding dengan 19% pada tahun 1990.

Selain daripada itu Malaysia telah berjaya menarik 40,600 orang pelajar antarabangsa dari 150 buah negara untuk belajar di Malaysia. Antaranya 8,300 pelajar belajar di sekolah rendah dan menengah manakala 6,300 pelajar mengikuti pengajian di IPTA dan 26,000 pelajar di IPTS.

Bilangan pelajar antarabangsa tertinggi ialah daripada lima buah negara iaitu China - 9,379 orang, Indonesia - 8,653 orang, Thailand - 1,712 orang, Bangladesh - 1,699 orang dan Korea - 1,660 orang. Anggaran kos perbelanjaan seorang pelajar antarabangsa semasa di Malaysia ialah RM30,000 setahun untuk yuran penginapan, makanan dan perbelanjaan harian. Anggaran ini tidak mengambil kira perbelanjaan sampingan seperti penerbangan, lawatan saudara mara dan sebagainya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Chin Fook Weng dan selepas itu Tuan Ismail bin Kasim.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan Tambahan saya, tadi kita mendengar ada ramai juga pelajar dari luar negara yang belajar di IPTA. Di IPTS hanya 6,000 orang tetapi di IPTA bilangannya begitu ramai. Adakah ini telah lari dari falsafah di negara kita supaya kita memberi keutamaan kepada rakyat untuk mengisikan tempat-tempat di IPTA. Memandangkan begitu banyak tempat di IPTS masih kosong, kenapa pelajar ini tidak digalakkan ke IPTS dan kenapa kita begitu rela hati memberi tempat di IPTA dan ini telah menyebabkan pengorbanan daripada rakyat sendiri. Adakah ini bertentangan dengan konsep untuk mendidik setiap rakyat negara kita? Sekian, terima kasih.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, bilangan pelajar yang belajar di IPTA adalah daripada mereka di bawah biasiswa yang dibiayai oleh kerajaan dan pelbagai agensi dan ada juga di bawah kerjasama antara kerajaan dengan kerajaan. Dasar kerajaan sekarang ialah mengizinkan IPTA merekrut tidak melebihi daripada 500 jumlah *enrolment* di sesebuah universiti untuk kursus yang kurang kompetitif. Ingin saya mengulangi, untuk kursus yang kurang kompetitif. Ini bermakna kursus seperti perubatan, farmasi, *accountancy* dan sebagainya yang kompetitif, kita tidak mengizinkan bagi pelajar antarabangsa. Ini adalah salah satu langkah pengantarabangsaan di mana kita mengharapkan dengan kehadiran pelajar antarabangsa, maka ia akan

memperkayakan lagi suasana pembelajaran dan pengajaran di IPTA tempatan. Ini bermakna kepentingan pelajar dan peluang pelajar tempatan untuk memasuki IPTA memang tidak terjejas.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada statistik yang diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita lihat masih ada negeri-negeri tertentu yang belum diberi fokus, yang pada pandangan umum negeri-negeri berkenaan seperti di negara-negara Timur Tengah atau *Middle East countries*, dengan izin dan juga Thailand, jiran kita yang terdekat, yang masih memilih Singapura, Filipina dan negara-negara lain dan bukan Malaysia sebagai hak terpenting untuk mereka melanjutkan pelajaran. Adakah kekurangan pelajar-pelajar di negara-negara yang saya maksudkan tadi disebabkan oleh kurang promosi ataupun tanggapan negatif yang menunjukkan kualiti institusi pendidikan tertinggi di negara kita tidak mencapai standard yang ditetapkan? Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, negara Thailand merupakan negara yang tertinggi menghantar pelajar mereka untuk belajar di Malaysia dan untuk negara-negara misalnya di Asia Timur, memang kini bilangannya masih kecil tetapi ada tanda-tanda menunjukkan bilangan kian menambah dan untuk terus mempromosikan pendidikan Malaysia di seluruh dunia, kementerian telah menubuhkan empat pejabat promosi di luar negara iaitu di Dubai, Indonesia, Vietnam dan Beijing dengan harapan kita akan menambah dan memperluaskan kedatangan pelajar antarabangsa dari seluruh dunia. Sekian, terima kasih.

Tuan Chiam Yong Tee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, daripada penjelasan Timbalan Menteri tadi, tahap pencapaian untuk menjadikan negara kita sebagai satu hub pendidikan di rantau ini adalah pada tahap sederhana sahaja. Saya ingin tahu, apakah kelemahan-kelemahan yang wujud di pusat pengajian tinggi kita dan cara manakah kelemahan-kelemahan itu ditangani untuk menarik lebih ramai pelajar asing ke negara kita? Terima kasih.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, kementerian kini sedang memantapkan program promosi dan pemasaran pendidikan tinggi di luar negara, dan selain daripada itu kementerian juga sedang mempertingkatkan lagi usaha mendapat pengiktirafan daripada luar negara terhadap kelayakan-kelayakan yang ditawarkan oleh IPTA dan IPTS di negara Malaysia. Kita juga sentiasa menyeru bahawa IPTS perlu mempertingkatkan perkhidmatan pelajar antarabangsa. Itu bermakna sesiapa yang

telah diberi kebenaran untuk merekrut pelajar antarabangsa mereka perlu menubuhkan satu unit pelajar antarabangsa yang menjaga kebajikan dan memberi perkhidmatan yang sempurna kepada pelajar antarabangsa. Itu adalah satu faktor yang amat penting dan sentiasa diungkit oleh ibu bapa di luar negara. Selain daripada itu apa yang lebih penting ialah IPTS perlu menawarkan kursus yang berkualiti dan memenuhi keperluan tenaga manusia se pasaran dan yang semasa. Sekian, terima kasih.

5. **Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan apakah badan yang bertanggungjawab memantau penyiaran stesen TV dan radio swasta. Apakah kod etika yang sama diguna pakai bagi stesen swasta dan RTM.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) adalah merupakan badan kawal selia industri komunikasi multimedia yang berperanan memantau siaran stesen-stesen TV dan radio swasta di negara ini. SKMM bekerjasama rapat dengan Lembaga Penapisan Filem (LPF) untuk memastikan kesemua bahan siaran ditapis terlebih dahulu sebelum disiarkan di TV swasta negara ini.

Bagi kandungan yang disiarkan oleh Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) pemantauan siaran dilaksanakan oleh Kementerian Penerangan sendiri. Walau bagaimanapun, bagi tujuan penyelarasan, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan Pemantauan siaran stesen televisyen dan radio awam serta swasta untuk menyelaraskan pandangan semua kementerian dan agensi yang berkepentingan terhadap isi kandungan yang disiarkan oleh stesen-stesen penyiaran awam dan swasta menegur, mengadakan penerangan serta mencadangkan tindakan-tindakan yang sesuai diambil ke atas stesen-stesen penyiaran swasta yang menyeleweng dari peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Pemantauan siaran TV dan radio swasta dilaksanakan oleh SKMM melalui tiga cara iaitu:

- (i) pemantauan secara *on air*,
- (ii) penilaian pemantauan lesen (*licensing compliance assessment*); dan
- (iii) aduan awam mengenai kandungan (*content complaints*)

Ketiga-tiga peraturan di atas hanya terpakai kepada stesen TV dan radio swasta sahaja, manakala Radio dan Televisyen Malaysia dikawal secara langsung oleh

Kementerian Penerangan melalui garis panduan penyiaran dan kod pengiklanan. SKMM juga mengadakan perbincangan dengan stesen-stesen penyiaran dari masa ke semasa serta menegur kandungan-kandungan yang tidak sesuai untuk disiarkan. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, peranan media elektronik yang semua kita tahu adalah cukup penting dan berpengaruh kepada masyarakat kita, apakah setakat ini telah ada tindakan yang dibuat terhadap pelanggaran akta, berapa kes telah diambil tindakan dan apakah kod etika pemakaian yang diguna pakai dalam stesen-stesen swasta ini berbeza dengan apa yang ditonjolkan oleh media kerajaan? Saya ingin penjelasan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang saya nyatakan tadi bahawa kod yang dipakai adalah daripada Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang secara dasarnya adalah sama dengan yang digunakan oleh RTM sendiri. Dari segi syarikat-syarikat swasta yang melanggar peraturan SKMM ataupun Akta Komunikasi dan Multimedia ini pernah di suatu masa, satu syarikat stesen TV swasta dikenakan tindakan, dikenakan kompaun kerana menyiarkan siaran iklan yang berunsur arak, maka tindakan diambil ke atas stesen swasta tersebut. Terima kasih.

6. Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid minta Perdana Menteri menyatakan sama ada objektif untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum benar-benar telah tercapai selepas 30 tahun pelaksanaannya. Jika tidak tercapai apakah langkah-langkah untuk memastikan objektif ini tercapai.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, agenda membasmi kemiskinan adalah salah satu agenda utama Kerajaan Barisan Nasional diperkenalkan pada tahun 1971 apabila kita memulakan Dasar Ekonomi Baru dan secara keseluruhannya kita telah mencapai banyak kejayaan. Walaupun setakat ini kemiskinan belum terhapus sepenuhnya. Kita dapati angka kemiskinan telah berkurangan iaitu tahun 1970 sebanyak 49%, hari ini kira-kira 5% sahaja dan kalau kita lihat kepada kemiskinan tegar pula iaitu mereka yang benar-benar miskin yang mendapat pendapatan kira-kira separuh daripada jumlah yang diperolehi oleh keluarga miskin ia turun kepada 1% sahaja.

Kalau kita bandingkan pencapaian Malaysia dengan negara-negara lain, kejayaan kita amatlah membanggakan dan kita menjadi model kepada negara-negara membangun yang lain. Tidak ada negara di dunia yang telah berjaya untuk mengurangkan kadar kemiskinan yang begitu ketara, iaitu daripada kira-kira 50% kepada hanya 5% pada hari ini. Kejayaan kita amatlah membanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi strategi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, ini akan terus menjadi salah satu teras agenda pembangunan Kerajaan Barisan Nasional. Apa yang telah kita lakukan sebelum ini, akan kita teruskan selain itu kita akan memperhebatkan lagi pembangunan wilayah di mana kawasan-kawasan atau negeri-negeri yang kurang maju termasuk Sabah, Sarawak, Kelantan dan lain-lain akan diberi perhatian yang lebih dan kita akan lebih *target* spesifik dalam strategi kita termasuklah untuk memastikan kumpulan minoriti bumiputera tertentu diberi perhatian lebih, diberi perhatian kepada kemiskinan luar bandar dan Orang Asli.

Ini antara perkara-perkara yang akan diberi tumpuan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan adalah menjadi matlamat kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan tegar sepenuhnya menjelang akhir Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu tahun 2010. Terima kasih.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun banyak langkah dan strategi diatur, namun seperti mana yang dipaparkan oleh media terutama TV3, kita lihat masih banyak lagi masalah ini belum dapat diatasi terutama sekali rakyat masih kebuluran di setengah-setengah kawasan pedalaman iaitu di negeri Sarawak di mana ada orang terpaksa makan siput babi.

Begitu juga di kawasan pilihan raya kawasan Pangkalan Pasir baru-baru ini, masalah kemiskinan dipaparkan setiap hari. Saya ingin tahu apakah masalah ini disebabkan oleh Wakil Rakyat tidak buat kerja ataupun kerajaan negeri tidak buat kerja ataupun negeri Kelantan ini apakah disebabkan oleh negeri itu diperintah oleh parti pembangkang. Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, memang Kelantan mempunyai salah satu kadar kemiskinan yang tertinggi di negara kita dan ia ada kaitan kerana negeri tersebut diperintah oleh pembangkang iaitu kerajaan PAS yang memang tidak mampu untuk membela masalah rakyat termasuklah rakyat miskin di dalam pilihan raya kecil N12 baru-baru ini.

Daripada pemerhatian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan pemimpin-pemimpin Kerajaan Pusat yang lain kita dapati bahawa bilangan yang berada dalam keadaan miskin ini begitu ramai sekali. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, besok 13 Disember, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri akan melawat ke N12 untuk menyusuli perkara ini termasuklah keadaan kemiskinan di DUN N12 ini untuk menunaikan janji-janji pilihan raya dan pihak ICU telah pun diarahkan dan saya telah mengadakan perbincangan dengan Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan di UPP ataupun di JPM untuk mengambil langkah-langkah *preemptive* bagi cuba mengatasi masalah-masalah yang timbul di DUN Pangkalan Pasir yang mana kita baru sahaja selesai pilihan raya kecil.

Kita memberi jaminan di sini bahawa Kerajaan Barisan Nasional bertekad dan berazam untuk menghapuskan kemiskinan tegar dan ia merupakan suatu agenda penting Perdana Menteri pada Rancangan Malaysia Kesembilan dan kita memberi jaminan di sini bahawa menjelang akhir tahun ataupun menjelang akhir Rancangan Malaysia Kesembilan perkara ini ataupun masalah kemiskinan tegar ini akan dapat kita atasi.

Sehubungan dengan ini kita berharap Ahli-ahli Parlimen, Senator dan Ahli Dewan Negeri memainkan peranan untuk memberi input kepada kerajaan tentang masalah-masalah di peringkat bawah.

Berkaitan dengan isu kebuluran di negara kita, ia tidaklah berbangkit kerana kita ada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang mana ia dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk memastikan rakyat dapat hidup. Kalau ada kes-kes sebegini, Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah melaporkan kepada kerajaan. Kita mengakui kadang-kadang ada kes-kes yang dipaparkan dalam media, mungkin ada kadang-kadang tanggungjawab Wakil Rakyat tidak sampai ke tempat berkenaan.

Di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat lebih 100,000 orang rakyat Malaysia diberikan bantuan setiap bulan, yang papa kedana, yang buta, yang kurang upaya lebih 100,000 orang rakyat Malaysia dan jika ada lagi yang belum dapat dibantu, yang berada di dalam keadaan amat daif, Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah mengemukakan nama-nama orang berkenaan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk diberikan bantuan sewajarnya. Terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soal kemiskinan di Kelantan ini khusus, satu keputusan pilihan raya itu membuktikan ataupun tindakan perlu diambil dan juga janji-janji akan ditunaikan oleh Barisan Nasional. Bagi *check and balance* dalam Barisan Nasional ini, kita juga kena ambil perhatian dan juga terdapat hanya sekolah yang canggih dibina di bandar-bandar besar tetapi muridnya berkurangan tidak berapa banyak dan kita juga terdapat sekolah-sekolah di pedalaman yang tiada air dan tiada elektrik. Setakat manakah perbelanjaan kerajaan yang *mismatch* ini yang menjejaskan peningkatan pencapaian objektif pembasmian kemiskinan. Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Saya cuba jawab soalan Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya pelajaran ataupun pendidikan adalah suatu strategi yang amat penting dalam membasmi kemiskinan. Kita dapati kalau seorang pelajar dapat belajar di sekolah rendah, sekolah menengah dan seterusnya dapat menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi maka adalah mustahil untuk pelajar berkenaan tergolong dalam golongan miskin. Dengan lain-lain perkataan, kalau kita dapat pendidikan yang sempurna maka kita akan terkeluar daripada golongan miskin dan kejayaan negara kita untuk mengurangkan kadar kemiskinan kepada 5% adalah kerana kejayaan besar kita membangunkan sektor pelajaran dan pendidikan dalam negara ini.

Oleh yang demikian, ia merupakan suatu strategi utama kerajaan dan kita banyak membelanjakan wang untuk sektor ini, lebih 20% daripada perbelanjaan kerajaan setiap tahun secara purata dibelanjakan untuk pembelajaran dan pendidikan. Ini merupakan peruntukan terbesar yang disediakan oleh kerajaan kerana kita yakin inilah satu-satunya strategi yang terbaik.

Mengenai *mismatch* yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, memanglah ada kes-kes di mana sekolah canggih tetapi murid tidak ada dan luar bandar, ada kes-kes sekolah tidak ada bekalan elektrik, bekalan air, kerajaan sedar perkara ini. Ia dalam perhatian khusus oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan beliau telah menjadikan salah satu perjuangan untuk memastikan perkara ini dapat diatasi dalam tempoh terdekat iaitu sekolah-sekolah di kawasan pedalaman yang tidak ada kemudahan asas ini, insya-Allah kita akan dapat atasi dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan khususnya di sekolah-sekolah di Sabah dan di Sarawak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya benarkan satu lagi soalan tambahan untuk mendengar apakah sebenarnya yang menjadi masalah di negeri Kelantan supaya pihak kerajaan boleh menjawab. Silakan Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin sedikit makluman daripada Yang Berhormat Dato' mengenai dengan gambaran pendapatan sebenar rakyat Malaysia kalau boleh mengikut kaum dalam negara kita dan adakah Yang Berhormat Dato' mempunyai maklumat daripada siaran '*Bersamamu*' itu berapa orang berasal dari negeri Kelantan. Terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Kita mengenai pendapatan, kita ada maklumat tepat kerana kita ada angka-angka umpamanya pendapatan per kapita ataupun purata pendapatan rakyat Malaysia sekarang ini kira-kira RM16,000 seorang, di Kelantan umpamanya pendapatan per kapita kira-kira RM7,000 iaitu tidak sampai separuh daripada pendapatan purata rakyat Malaysia. Itu mengenai pendapatan purata ataupun per kapita negara dan juga Kelantan. Juga kita ada angka-angka pendapatan mengikut kaum, bumiputera, Cina, India umpamanya nisbah pendapatan antara Bumiputera dengan orang Cina pada hari ini ialah 1.8 nisbah 1 bagi setiap RM1.80 yang *earn* dengan izin oleh orang Cina, orang Bumiputera menerima RM1.00.

Oleh itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjadikan salah satu agenda pembangunan untuk mencapai apa yang dipanggil '*income parity*' untuk menyamakan sebanyak mana boleh pendapatan antara kaum di negara kita. Angka-angka ini kita ada tepat, ia dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan.

Ada satu lagi soalan yang saya tidak berapa jelas Tuan Yang di-Pertua. Mungkin Tuan Yang di-Pertua boleh bantu saya. Tidak jelas soalan yang ditanya. Satu lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Wang Ubaidah binti Omar: Saya ulangi.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang terakhir apa itu?

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Adakah Yang Berhormat mempunyai maklumat mengenai dengan bilangan orang-orang yang disiarkan dalam '*Bersamamu*' itu berapa orang dari negeri Kelantan.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Yang disiarkan dalam apa?

Timbalan Yang di-Pertua: '*Bersamamu*'. Rancangan TV '*Bersamamu*'.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Maaf saya. Mohon maaf saya, tiga minggu lalu saya berada di Pangkalan Pasir, saya tidak tengok rancangan TV [*Ketawa*].

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Terima kasih.

7. **Tuan Saravanan a/l Murugan** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang telah disusun atau diambil oleh kementerian bagi memastikan masalah kekurangan murid di peringkat sekolah rendah dapat diatasi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, secara am sekolah kurang murid atau SKM iaitu sekolah rendah yang mempunyai murid yang kurang daripada 150 orang memainkan peranan yang amat penting kepada masyarakat kerana melalui sekolah-sekolah ini, kemudahan pendidikan boleh diadakan di kawasan-kawasan terpencil yang mempunyai bilangan penduduk yang kecil terutama di luar bandar dan pedalaman.

Sebagai usaha yang berterusan, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa mengambil langkah bagi memastikan segala kemudahan di sekolah-sekolah ini yang meliputi kemudahan fizikal, pengajaran dan pembelajaran dan juga kemudahan guru disediakan dengan sebaik-baiknya.

Kementerian juga akan terus meningkatkan dan memperbaiki kualiti dari segi semua aspek pendidikan di sekolah kurang murid bagi memastikan kemudahan dan peluang pendidikan yang diadakan di kawasan luar bandar dan pedalaman adalah setanding dengan kemudahan yang diperolehi di kawasan bandar. Sekian, terima kasih.

Tuan Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, saya baru-baru Menteri Pendidikan telah mengeluarkan *concern* beliau mengenai sekolah-sekolah rendah khususnya sekolah-sekolah Tamil yang menghadapi masalah kekurangan murid-murid. Saya minta pihak kementerian, adakah pihak kementerian membuat sebarang kajian untuk menempatkan sekolah-sekolah ini ke tempat yang lebih *viable* kerana sebelum ini di negara ini pernah ada lebih kurang 800 buah sekolah Tamil dan angka ini kini sudah sampai ke tahap 524. Saya tidak mahu pihak Kementerian Pendidikan menggunakan ini sebagai alasan untuk mengurangkan sekolah-sekolah Tamil pada masa yang akan datang.

Misalnya di Wilayah Persekutuan dua kawasan Parlimen iaitu Setia Wangsa dan Wangsa Maju terdapat lebih kurang 20,000 kaum keturunan India tetapi tidak ada sebarang sekolah Tamil. Saya minta pandangan pihak kementerian dan saya merayu kepada pihak kementerian supaya mengkaji semula perkara ini. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya sebutkan tadi, Kementerian Pelajaran akan terus mempertingkatkan usaha untuk menambah baik taraf sekolah yang *berenrolment* kecil ataupun disebut sekolah kurang murid dan kementerian memang tidak ada dasar untuk menutup mana-mana sekolah termasuk sekolah kurang murid.

Ini adalah kerana sesebuah sekolah itu merupakan - sekolah itu dianggap bukan sahaja sebagai satu *entity* fizikal tetapi juga dilihat dari segi faktor manusia dan persekitaran yang berhubung kait dengan sekolah berkenaan dan sesebuah sekolah itu diwujudkan untuk membekalkan pendidikan asas kepada masyarakat tempatan dan banyak masyarakat kita dapati bahawa guru-guru sekolah khususnya guru-guru daripada sekolah SKM ini dilihat sebagai pakar rujuk dan juga sebagai penasihat kepada warga kampung.

Sebelum kementerian mengambil keputusan untuk mencantumkan sekolah ataupun menutup mana-mana sekolah, kami akan mendapat ataupun mendapat pandangan daripada penduduk di kawasan di situ daripada ibu bapa dan guru-guru yang berkenaan. Terima kasih.

Tuan Osman bin Bongsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Berdasarkan daripada sekolah-sekolah yang di pedalaman, terdapat 93 buah sekolah Orang Asli di kawasan pedalaman. Kita melihat keciciran terlalu tinggi di peringkat sekolah rendah. Ini disebabkan kemudahan-kemudahan yang terdapat di kawasan sekolah pedalaman ini agak kurang. Kita juga melihat tenaga pengajar dan juga guru-guru yang dibekalkan ke kawasan pedalaman sebagai menghantar guru-guru yang dalam keadaan tertekan di kawasan dalam bandar. Jadi apakah strategi yang telah disusun oleh pihak kementerian bagi meningkatkan kemudahan terutamanya elektrik dan juga peralatan-peralatan yang berkaitan dengan pembangunan pendidikan di kawasan luar bandar. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik Kementerian Pelajaran, kita dapati bahawa hampir 30% daripada sekolah rendah adalah sekolah kecil dan hampir 90% sekolah kecil ini terletak di luar bandar. Beberapa langkah telah

pun diambil oleh kementerian untuk memelihara taraf pendidikan yang ditawarkan di sekolah-sekolah kurang murid ini. Di antara langkah-langkah dan juga usaha-usaha yang sedang dilaksanakan adalah untuk meningkatkan prasarana dan tahap kemudahan dengan menggunakan reka bentuk bilik darjah yang sesuai dengan keperluan kelas bersaiz kecil dengan organisasi bilik darjah pengajaran kelas bercantum dan juga menyediakan makmal komputer.

Pada masa yang sama, kami juga menawarkan Program Rancangan Makanan Tambahan dan juga Rancangan Makanan Tengah Hari untuk murid-murid. Kita juga ada program untuk pemulihan dan untuk mengatasi masalah murid-murid yang buta huruf. Kita meningkatkan kualiti guru melalui program-program latihan dan kursus dalam aspek pengajaran kelas bercantum dan pemulihan. Kita juga ada program-program *outreach* kepada masyarakat dan program ini dilakukan dengan kerjasama pemimpin-pemimpin tempatan.

Dari segi menyediakan jana kuasa elektrik di mana sekolah-sekolah yang tidak mempunyai elektrik daripada kemudahan awam, kami menyediakan 'genset' untuk sekolah-sekolah ini supaya kelas-kelas tidak ada *interruption*, dengan izin.

8. **Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk meminda "Kaedah Tatatertib" yang mana memudahkan kakitangan awam yang tidak menjalankan tugas dan melanggar disiplin dihukum atau dibuang kerja.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini peraturan berhubung dengan kelakuan dan tatatertib pegawai awam telah ada iaitu mengikut Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Sejak ia berkuat kuasa pada 15 Disember 1993 sebanyak tiga kali pindaan telah dibuat iaitu pada 21 September 1995, 26 September 1996 dan pindaan yang terakhir ialah pada 20 Jun 2002 bertujuan untuk mengemas kini lagi peraturan tatatertib.

Jabatan Perkhidmatan Awam sedang menyemak semula Peraturan-peraturan Pegawai Awam 1993 untuk dikemas kini sepanjang masa. Di antara hukuman yang diambil kepada pegawai-pegawai yang melanggar peraturan ialah:

- (i) diberi amaran;
- (ii) denda;
- (iii) lucut hak emolumen;

- (iv) tangguh pergerakan gaji;
- (v) turun gaji;
- (vi) turun pangkat; dan
- (vii) dibuang kerja.

Pada masa ini kita dapati bahawa peruntukan yang sedia ada adalah cukup untuk menangani masalah disiplin di kalangan pegawai kerajaan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahap dan prestasi perkhidmatan awam di negara kita memang dianggap terbaik di dunia. Soalan tambahan saya, sejauh mana keberkesanan dari segi dasar penurunan kuasa daripada Pusat kepada ketua-ketua jabatan telah mempertingkatkan lagi prestasi perkhidmatan awam dan yang kedua mungkin jumlah tindakan tatatertib telah diambil pada perkhidmatan awam, kalau ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kalau kita lihat daripada statistik yang ada iaitu tindakan tatatertib yang kita ambil setakat ini adalah berkesan iaitu hasil daripada tindakan-tindakan yang kita buat. Pada tahun 2003, kes salah laku dan juga salah laku tatatertib di kalangan pegawai kerajaan ialah sebanyak 5,543 kes. Pada tahun 2004 ialah sebanyak 3,592 kes iaitu turun dengan begitu besar sekali jumlahnya.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita mempunyai dua jawatankuasa tatatertib iaitu satu dipengerusikan oleh SPA sendiri yang kita bermesyuarat boleh dikatakan tiap-tiap hari Isnin yang melibatkan pegawai gred 48 ke atas iaitu tindakan yang boleh diambil ialah buang kerja. Satu lagi ialah jawatankuasa kedua yang dipengerusikan oleh KSN iaitu bagi gred 41 dan gred 44; dan gred 40 oleh ketua jabatan. Mereka ini bersidang pada tiap-tiap bulan dan jawatankuasa-jawatankuasa ini akan melaporkan kepada Jawatankuasa Keutuhan Peringkat Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tiap-tiap tiga bulan sekali mereka bersidang.

Jadi saya rasa tindakan dan kuasa yang telah diturunkan kepada pihak-pihak tertentu, saya ingat sudah mencukupi untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dari segi tatatertib dan salah laku pegawai-pegawai kerajaan. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah pun memberi gambaran kepada kita iaitu begitu ramai sekali pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam tindakan tatatertib.

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, dari segi jabatan, jabatan manakah yang paling banyak sekali tindakan tatatertib dikenakan kepada pegawai dan kakitangannya dan jabatan mana pula yang langsung tidak ada tindakan tatatertib. Adakah kerana suasana seperti itu menggambarkan jabatan-jabatan yang demikian baik ataupun tidak baik.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Yang ada pada saya ialah yang paling banyak ialah kementerian. Kes yang paling banyak sekali pada tahun 2004 ialah Kementerian Pelajaran sebanyak 291 kes, diikuti oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri – 176 kes, Kementerian Pertahanan – 175 kes. Di peringkat negeri pula, negeri yang banyak sekali ialah negeri Sarawak, diikuti oleh Pulau Pinang dan Negeri Sembilan. Dari segi badan berkanun Persekutuan, yang paling banyak ialah UKM – 49 kes, diikuti oleh MARA – 25 kes dan UiTM – 20 kes. Bagi majlis tempatan pula, pihak berkuasa tempatan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang paling banyak sekali – 90 kes, Bandaraya Johor Bahru – 56 kes dan Majlis Perbandaran Subang Jaya. Itulah di antara perkara-perkara yang saya dapat beritahu. Itu tindakan yang dibuat di peringkat jabatan dan juga kementerian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ini semua merupakan maklumat-maklumat yang baru.

[Soalan No. 9 – Dato' Rhina Bhar tidak hadir]

10. **Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah bentuk insentif yang akan digunakan kementerian untuk mempercepatkan proses pengeluaran waran dan bil pembayaran projek-projek kerajaan bagi RMK-9 memandangkan ia merupakan masalah utama di dalam pengurusan dana dan menyebabkan ramai di kalangan kontraktor yang bergantung kepadanya menghadapi masalah kewangan dan gulung tikar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan akan mengeluarkan waran am tahunan pada setiap penghujung tahun semasa sebelum sesuatu tahun bajet berkenaan bermula. Tetapi memandangkan ianya dikeluarkan pada penghujung tahun semasa, sebagai langkah persediaan, Kementerian Kewangan akan mengingatkan semua kementerian dan jabatan agar membuat persediaan awal bagi pengeluaran sub waran

bagi agensi-agensi pelaksana. Ini membolehkan peruntukan dapat digunakan sebaik sahaja waran am diterima oleh kementerian dan jabatan tersebut.

Malah Kementerian Kewangan telah mengingatkan kementerian dan jabatan di dalam teks ucapan Bajet 2006 menyatakan semua kementerian dikehendaki mengeluarkan sub waran, memberi kuasa berbelanja kepada agensi pelaksana di bawah bidang kuasa mereka selewat-lewatnya sebelum penghujung bulan Mac setiap tahun. Oleh yang demikian, pembayaran kepada kontraktor dan pembekal dapat dijelaskan dengan lebih cepat, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berapa peratus kontraktor yang telah gulung tikar sekarang?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila ulangi, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad: Berapa peratus kontraktor yang telah gulung tikar sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Berapa peratus kontraktor yang telah pun gulung tikar.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya perlu notis untuk jawapan ini kerana ia perlukan angka-angka yang tepat.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya membuat sedikit pembetulan kepada soalan nombor 11, "menyatakan apakah kementerian berhasrat untuk menambah subsidi benih sawit kepada pekebun-pekebun kecil", perkataan memberi kepada menambah. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 11.

11. **Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan apakah kementerian berhasrat untuk memberikan subsidi benih sawit kepada pekebun-pekebun kecil dan berapa banyakkah subsidi yang diberi kepada setiap pekebun kecil dalam masa setahun.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kementerian saya melalui MPOB ada melaksanakan Skim Bantuan Anak Benih Sawit untuk para pekebun kecil daif, khususnya di Sabah dan Sarawak yang memiliki keluasan kebun tidak melebihi 4 hektar dan berpendapatan isi rumah kurang daripada RM600 sebulan bagi petani-petani di Sarawak atau RM690 sebulan bagi petani-petani di Sabah. Tujuan skim ini adalah untuk membantu para pekebun kecil tersebut menanam semula atau

memulakan tanaman baru dengan menggunakan anak benih yang berkualiti dalam usaha mempertingkatkan pendapatan mereka.

Permohonan untuk skim ini telah pun dibuka mulai bulan September 2005 sehingga 30 Jun 2006. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah skim ini tidak terdapat jumlah bantuan yang akan dikeluarkan kepada setiap pekebun kecil. Ianya tertakluk kepada keperluan anak benih sawit mengikut keluasan kebun dan dimiliki oleh mereka dan input-input lain.

Adalah dianggarkan setiap hektar keluasan tanah, pekebun kecil akan dibekalkan dengan 160 anak pokok sawit, khidmat pengangkutan dan baja yang kesemuanya bernilai lebih kurang RM1,220. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Apakah cadangan jangka panjang kementerian untuk menaiktarafkan pekebun-pekebun kecil ini kerana hingga hari ini mereka ini masih lagi di takuk yang lama iaitu kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang. Terima kasih.

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, selain daripada membekalkan anak benih, kementerian saya melalui MPOB juga ada syarat-syarat untuk mereka yang dibekalkan dengan benih ini mesti bersedia menerima nasihat dan tunjuk ajar berkaitan penanaman dan penyelenggaraan sawit. Ini untuk kita melaksanakan satu dasar atau satu *good agriculture practise* di mana kita boleh menaikkan taraf hasil FFB. Sekian.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat telah memberitahu bahawa bekalan-bekalan benih adalah daripada anak-anak benih yang berkualiti. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu berapakah jenis ataupun nama-nama jenis yang dikenal pasti tentang anak-anak benih yang berkualiti ini kerana kalau dari segi jangka panjang, jika benih ini baik, alhamdulillah, kalau tidak baik, maka meranalah pekebun-pekebun kecil.

Jadi, yang keduanya, bolehkah Yang Berhormat memberi jaminan semua benih yang dibekalkan ini boleh memastikan bahawa ianya semua boleh memberi hasil yang baik dan jika tidak, adakah jaminan-jaminan lain kepada pekebun-pekebun kecil?

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Terima kasih Yang Berhormat. Hasil minyak sawit atau kelapa sawit bergantung kepada banyak faktor. Jenis anak benih adalah salah satu faktor sahaja. Seperti apa....

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Yang Berhormat, saya betulkan soalan saya ini. Faktor lain semua sama, cuma faktor benih sahaja.

Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat: Di bawah MPOB, kita ada siasatan. Kita ada banyak jenis anak benih. Tujuan atau sasaran kita di kementerian adalah kita akan capai 35:25. Ini bermakna 35 tan satu hektar dan 25 tan *oil extraction rate*. Ini adalah sasaran jangka panjang dan kita berharap, kita boleh. Sebab pada masa ini, *average* cuma 4 tan minyak sawit sehektar sahaja. Tetapi kalau kita boleh capai ke sasaran itu, kita boleh naik kepada lebih kurang 8 tan sehektar. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Masa bagi jawab lisan telah pun cukup.

[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006

Bacaan Kali Yang Kedua

11.18 pagi.

Menteri Kewangan Kedua [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]: Bismillahhir rahmannir rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2006 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu" dibaca bagi kali yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua: Pembentangan Yang Berhormat.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Syukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan kurniaNya, dapat saya membentangkan Bajet 2006 di Dewan yang mulia ini. Bajet ini merupakan bajet tahun pertama bagi Rancangan Malaysia Kesembilan dan permulaan Fasa Kedua Wawasan 2020. Bajet ini telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 30 September 2005 dan telah pun diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Kerajaan kini sedang merumus dasar dan strategi utama termasuk penekanan kepada aspek pembangunan modal insan, Penumpuan kepada sumber pertumbuhan baru, pembasmian kemiskinan dan pemilikan bumiputera supaya matlamat jangka sederhana dan panjang negara tercapai dengan jayanya. Insya-Allah, kesemua ini akan digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Parlimen pada awal bulan April tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2006 yang bertemakan "Membina Ketahanan Menghadapi Cabaran" memberi tumpuan kepada beberapa langkah khusus bagi menjana pertumbuhan lebih berkualiti bagi mengekalkan prestasi ekonomi negara secara berterusan. Bajet ini memberi penekanan kepada langkah mengukuhkan daya tahan dan keberkesanan negara dalam menghadapi cabaran perkembangan ekonomi dunia yang tidak menentu seperti kenaikan harga minyak, peningkatan kadar faedah serta persaingan global yang semakin sengit. Bajet ini juga mengandungi langkah proaktif bagi membangun ekonomi luar bandar termasuk menyediakan infrastruktur fizikal yang mencukupi seperti bekalan air dan elektrik serta kemudahan pendidikan.

Fokus juga diberi untuk membangunkan *soft-infrastructure* termasuk bina upaya modal insan, sistem pengurusan organisasi dan menyemai budaya penyelenggaraan, Insya-Allah. Dengan langkah ini kita yakin, diyakini ekonomi negara akan kekal kukuh dan menjana pendapatan untuk meningkatkan kesejahteraan semua rakyat dalam usaha membina sebuah negara yang aman, makmur dan bersatu padu. Ekonomi negara terus kekal hatta dalam tempoh sembilan pertama tahun ini.

Walaupun perkembangan ekonomi global lebih sederhana serta peningkatan paras harga minyak antarabangsa yang ketara, keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) berkembang sebanyak 5.3% dalam tempoh tersebut. Didorong sebahagian besarnya oleh permintaan domestik dan disokong oleh aktiviti sektor swasta. Pertumbuhan yang tinggi daripada jangkaan sebanyak 5.3% dalam suku ketiga tahun ini adalah amat menggalakkan jika dibandingkan dengan prestasi ekonomi negara lain di rantau ini.

Walaupun kita menganggarkan pertumbuhan sebanyak 5% pada keseluruhan tahun ini, namun prestasi sehingga kini menunjukkan kita mampu untuk terus mencapai peratusan yang lebih tinggi, insya-Allah. Pencapaian pertumbuhan ekonomi ini telah diiringi oleh pengukuhan dalam imbalan pembayaran negara serta kadar inflasi yang terkawal dan guna tenaga penuh lebih semasa imbalan pembayaran kekal tinggi

secara purata 12% setahun daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) dalam tempoh enam tahun dan dijangka meningkat kepada 15.7% tahun ini.

Berikutan peningkatan eksport yang ketara, pendapatan per kapita dianggar meningkat kepada RM17,741 pada tahun 2005 berbanding RM16,616 pada tahun 2004. Dari segi kuasa beli, ianya meningkat daripada USD9,630 kepada USD10,323 dalam tempoh yang sama. Prospek ekonomi luar negara dijangka lebih mencabar. Disebabkan lonjakan harga minyak dan kadar faedah yang semakin tinggi, khususnya di negara maju, terutamanya Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, kerajaan percaya dengan langkah khusus yang diumumkan dalam bajet ini, prospek pertumbuhan ekonomi negara dijangka terus bertambah kukuh dalam tahun 2006.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua, strategi Bajet 2006 akan ditumpukan kepada pertama, melaksanakan langkah pro aktif kerajaan ke arah memesatkan kegiatan ekonomi. Kedua, menyediakan persekitaran mesra perniagaan. Ketiga, membangunkan modal insan. Keempat meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah, matlamat kerajaan untuk terus mengurangkan defisit bajet telah pun dicapai. Defisit fiskal Kerajaan Persekutuan telah pun dikurangkan daripada 5.6% daripada KNK pada tahun 2002 kepada 3.8% yang dianggarkan pada tahun ini tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara. Bagi tahun 2006, defisit fiskal dijangka dapat dikurangkan lagi kepada 3.5%. Dengan itu kerajaan mencadangkan sebanyak RM136.8 bilion diperuntukkan bagi Bajet 2006 iaitu meningkat sebanyak 5% berbanding dengan peruntukan tahun 2005. Daripada jumlah ini, sebanyak RM101.3 bilion adalah bagi peruntukan mengurus dan RM35.5 bilion untuk peruntukan pembangunan.

Bahagian terbesar daripada peruntukan pembangunan sebanyak RM14.4 bilion ialah untuk sektor ekonomi bagi membiayai sektor pertanian, perindustrian dan infrastruktur. Manakala sebanyak RM9.9 bilion diperuntukkan kepada sektor sosial iaitu pendidikan, kesihatan dan perumahan. Selaras dengan hasrat kerajaan untuk membawa pembangunan yang seimbang dan komprehensif, sebanyak RM5.7 bilion akan disediakan untuk merangsang kegiatan ekonomi dan menaik taraf infrastruktur luar bandar. Kerajaan sentiasa prihatin terhadap keluhan orang ramai mengenai

kemudahan infrastruktur asas yang tidak mencukupi dan kurang sempurna terutama di luar bandar.

Oleh itu, Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat dan pegawai pembangunan negeri serta pegawai daerah digesa untuk mengenal pasti dan menyediakan senarai projek infrastruktur asas seperti jambatan kecil yang diperlukan segera di setiap kawasan Parlimen untuk dikemukakan kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

Negara telah mencapai tahap pembangunan yang tinggi dilengkapi dengan pelbagai kemudahan infrastruktur moden sementara pembangunan infrastruktur fiskal diteruskan. Kerajaan akan memberi penekanan kepada pembangunan *soft-infrastructure*, dengan izin, termasuk memupuk budaya penyelenggaraan dan meningkatkan keupayaan modal insan. Bagi program penyelenggaraan, selain peruntukan tahunan sebanyak RM4.3 bilion, kerajaan juga akan menyediakan peruntukan tambahan RM1 bilion lagi pada tahun hadapan. Bagi meningkatkan kecemerlangan modal insan pula, sebanyak RM29 bilion atau 1/5 daripada peruntukan Bajet 2006 disediakan untuk memberi pendidikan dan latihan kepada 5.7 juta pelajar.

Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lebih efisien dan mesra pelanggan akan terus dipertingkatkan bagi melicinkan pelaksanaan projek kerajaan. Bagi mengatasi kelewatan pengeluaran *sub-warrant* oleh kementerian kepada agensi di bawahnya, semua kementerian dikehendaki mengeluarkan *sub-warrant* selewat-lewatnya sebelum penghujung bulan Mac setiap tahun. Pengukuhan sistem penyampaian perkhidmatan awam untuk menjadi lebih efektif dan lebih efisien akan terus menjadi agenda utama kerajaan.

Selaras dengan ini beberapa agensi kerajaan akan diperkukuhkan untuk menyegerakan urusan dengan orang awam melalui penambahan 600 anggota pasukan *flying squad* di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. 334 jawatan di semua pusat sehenti PBT dan peningkatan kapasiti Perbadanan Harta Intelek Malaysia. Prosedur pemberian visa kepada pekerja berpengetahuan dan golongan peniaga asing akan dipermudahkan melalui pengukuhan Unit Jawatankuasa Pegawai Dagang dan Unit Naziran di Jabatan Imigresen.

Unit Pelancongan kesihatan akan ditubuhkan di bawah Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan kualiti bekalan perkhidmatan kesihatan bagi menarik lebih ramai pelancong kesihatan.

Penggunaan ICT dalam urusan orang awam dengan agensi kerajaan akan dipertingkatkan melalui *e-payment*. Menggunakan kad kredit di kaunter dan secara on-line di Jabatan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Imigresen dan KWSP serta hospital. Sistem perolehan kerajaan pula akan diperbaiki dengan memperkenalkan kaedah *e-bidding* atau *reverse option* dalam usaha mengurangkan kos, menjadi lebih telus dan memastikan nilai berpatutan atau *value for money*.

Di samping itu badan berkanun bersumber kewangan sendiri akan diberi fleksibiliti menentukan skim perkhidmatan mereka bagi merancang dan mengurus tenaga kerja seperti menambah produktiviti organisasi.

Badan berkanun yang telah dikenal pasti adalah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, SOCSO dan Bank Simpanan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat dengar betul-betul ucapan Yang Berhormat Menteri terutama mengenai penekanan-penekanan yang diberi kepada subjek-subjek tertentu supaya dalam ucapan nanti tidak membangkitkan perkara-perkara yang remeh. Strategi yang digunakan, pendekatan-pendekatan jelas ditekankan oleh Yang Berhormat Menteri dalam jawapan di sini.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sementara itu Kumpulan Wang Amanah Pencen juga akan dijadikan badan berkanun dan akan diberi fleksibiliti yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, kita terus menyokong peranan sektor swasta sebagai penjana pertumbuhan ekonomi negara. Kerajaan akan memastikan pelaksanaan dasar dan langkah mesra perniagaan serta penyediaan persekitaran yang lebih *conducive*.

Kerajaan komited untuk terus menambah dan memperbaiki lagi insentif yang diberikan untuk mengurangkan lagi kos kendalian perniagaan dan meningkatkan daya saing negara. Antara langkah-langkah yang akan diambil adalah:

- i) memberi '*growth relief*' kepada syarikat dalam kumpulan yang sama dengan pemilikan minimum antara mereka sebanyak 70% *growth relief*. *Growth relief* ini membenarkan 50% daripada kerugian tahun setahun sesuatu syarikat ditolak daripada keuntungan sesuatu syarikat lain dalam kumpulan yang sama;

- ii) Supaya kerugian terkumpul dan elaun modal yang tidak diserap dalam tempoh galakan taraf perintis di benar dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan *post pioneer*;

Tuan Yang di-Pertua: Ini yang dimaksudkan dengan di antara langkah mesra perniagaan Yang Berhormat.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

- iii) bagi menarik lebih banyak pelaburan di Koridor Timur termasuk di Sabah dan Sarawak. Galakan cukai sedia ada bagi projek yang ditempatkan di koridor tersebut dilanjutkan untuk tempoh lima tahun lagi iaitu sehingga 31 Disember 2010;
- iv) pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti pelaburan oleh syarikat pemegang pelaburan yang tersenarai Bursa Malaysia diberi layanan cukai sebagai pendapatan perniagaan dan oleh itu perbelanjaan syarikat tersebut tidak lagi dihadkan bagi tujuan pengiraan cukai. Walau bagaimanapun kerugian dan elaun modal yang tidak diserap tidak dibenarkan dibawa ke hadapan;
- v) memandangkan pentingnya pematuhan urus tadbir korporat yuran juruaudit syarikat dibenarkan sebagai potongan;
- vi) Memberi lebih fleksibiliti dengan membenarkan syarikat membuat anggaran cukai pada tahap tidak kurang 85% daripada anggaran cukai tahun sebelumnya berbanding dengan 100% pada masa ini;
- vii) aset bernilai kecil iaitu yang bernilai tidak melebihi RM1,000 setiap unit layak menuntut elaun modal sepenuhnya dalam tahun perolehan tertakluk kepada jumlah tuntutan maksimum RM10,000 setahun; dan
- viii) bagi menggalakkan syarikat pembangunan hartanah membina rumah kos rendah, anggaran kerugian daripada projek rumah kos rendah dibenarkan ditolak daripada anggaran keuntungan dari projek pembangunan hartanah yang lain bagi tujuan perkiraan cukai.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan pesat dalam pasaran bon dan ekuiti.....

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna Yang Berhormat, terdapat lapan langkah mesra perniagaan.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Ya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna suasana berniaga di negara kita seharusnya setanding dengan suasana berniaga di negara mana sekalipun.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Di negara-negara maju sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat ambil maklum terhadap langkah-langkah tersebut.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, perkembangan pesat dalam pasaran bon dan ekuiti telah merencanakan pasaran modal negara yang akan membantu dan memudahkan lagi sektor swasta untuk menerajui pertumbuhan ekonomi negara.

Dalam konteks ini kerajaan mencadangkan pengecualian duti setem dan cukai keuntungan hartanah diberikan ke atas percantuman dan pengambilalihan syarikat yang diluluskan oleh suruhanjaya sekuriti mulai 1 Oktober 2005 sehingga 31 Disember 2007 bagi syarikat tersenarai di Bursa Malaysia dengan syarat pelaksanaan percantuman selesai selewat-lewatnya pada 31 Disember 2008. Dengan itu kerajaan juga bercadang untuk membatalkan Seksyen 132 G dalam Akta Syarikat 1965, untuk memudahkan dan memberi lebih fleksibiliti bagi syarikat untuk melaksanakan percantuman dan pengambilalihan serta untuk menstrukturkan semula perniagaan mereka.

Untuk mempermudah dan mempercepatkan lagi proses kelulusan cadangan korporat semua prospektus yang diterima oleh *Securities Commission* bermula 3 Oktober 2005 akan dikaji secara pasca penelitian atau *post waiting* dengan izin supaya prospektus dapat dikeluarkan dalam tempoh dua minggu setelah diserahkan kepada SC.

Di samping itu, untuk mengurangkan tempoh penyempurnaan syarikat yang terlibat dalam pengambilalihan perlu mengeluarkan dokumen tawaran yang mengandungi syarat terperinci dalam tempoh 21 hari dari tarikh pemberitahuan pengambilalihan bercadang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ada sedikit kenyataan yang diguna bagi pemahaman saya sendiri. Pada satu ketika negara telah memperkenalkan seksyen 132D pandangan kepada gejala-gejala tertentu yang membangkitkan sektor

syarikat dan dengan tabah dan rasional supaya Ahli-ahli Yang Berhormat lebih maklum dan supaya perbincangan mereka lebih bermutu lagi.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam tahun 80an telah timbul beberapa masalah dari segi *corporate governances* di mana pemilik harta yang juga merupakan pemilik-pemilik syarikat-syarikat tersenarai telah menggunakan kesempatan untuk memasukkan harta-harta yang dimiliki oleh mereka ke dalam syarikat-syarikat tersenarai dan mengeluarkan dengan menggunakan harga yang tinggi.

Dalam misalan Tuan Yang di-Pertua harga harta mereka ialah RM100 juta. Mereka masukkan harta ini ke dalam syarikat tersenarai yang dikuasai oleh mereka dengan harga RM200 juta dan oleh yang demikian mengeluarkan wang RM100 juta dan ini adalah satu fenomena yang kurang baik sebab ini akan merugikan minoriti *share holder* dalam syarikat-syarikat tersenarai dan fenomena ini begitu luas digunakan oleh pihak-pihak tertentu pada tahun 80an.

Memandangkan ini adalah satu masalah yang rumit, kerajaan telah mengambil tindakan dengan memperuntukkan 132G untuk menegahadkan atau mengelakkan kejadian-kejadian seperti yang berlaku. Tujuan murni kerajaan ini telah pun dicapai pada tahun 80an dan 90an. Kini masalah seperti yang saya sebut tadi Tuan Yang di-Pertua tidak timbul lagi dan juga pada tahun 90an dan sehingga sekarang banyak peruntukan telah diluluskan oleh kerajaan untuk menyokong minoriti dengan penumpuan *Securities Commission* dan mengadakan kelulusan diberi kepada Bursa Malaysia untuk mengeluarkan *guideline* tertentu dan sungguhpun dengan tidak adanya 132G maksud kerajaan masih tercapai.

Tuan Yang di-Pertua: Tahap amalan *best practice* dan sudah...

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Itu sudah pun diamalkan di negara dan pada masa yang sama 132G yang tujuan asalnya ialah untuk mengelakkan penyalahgunaan pengaruh oleh pemilikan harta. Juga telah menjadi satu kekangan dan masalah sebab banyak isu-isu percantuman dan pengambilalihan telah tidak dapat dilaksanakan oleh kerana masalah-masalah teknikal yang mengakibatkan dari 132G.

So, oleh kerana kita kerajaan ingin memastikan bahawa Bursa Malaysia dan syarikat-syarikat yang tersenarai menjadi lebih kukuh, menjadi lebih besar supaya mempunyai lebih *liquidity* untuk menarik minat pelabur-pelabur dari luar negeri kita harus galakkan percantuman dan pengambilalihan dan 132G seperti yang terdapat

sekarang menjadi satu halangan dalam usaha ini dan oleh kerana maksud 132G telah pun dicapai dengan cara-cara lain kerajaan berpendapat adalah kena pada tempat dan masanya 132G ituTuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: bermakna mengurus ekonomi dan kewangan negara ialah satu usaha mencari imbalan.....

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Imbalan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua:tepat dengan realiti.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menggalakkan lebih banyak penubuhan Amanah Pelaburan Hartanah atau RITZ kerajaan bercadang membenarkan potongan ke atas perbelanjaan bayaran guaman, penilaian dan perundingan untuk menubuhkan RITZ. Selain itu, kerajaan mencadangkan supaya syarikat korporat yang menerbitkan bon dibenarkan potongan ke atas perbelanjaan diskaun secara terakru iaitu sepanjang tempoh sehingga tarikh matang bon tersebut. Pada masa ini potongan hanya dibenarkan apabila bon matang.

Untuk menyediakan barisan pengurus dan pengarah syarikat yang berkemahiran dan berwibawa terutama untuk GLC, Akademi Kepimpinan Pengurusan dan Pengarah (*Management Leadership and Directors Academy*) akan ditubuhkan sebagai pusat kecemerlangan kepimpinan yang akan bekerjasama dengan institusi pengurusan bertaraf dunia.

Untuk memantapkan dan mempelbagaikan sumber pertumbuhan ekonomi kerajaan akan mempergiatkan lagi usaha bagi menggalakkan sektor swasta menerokai bidang baru termasuk pertanian berkaedah moden, bioteknologi, nanoteknologi, sektor pembuatan berteknologi tinggi serta bidang perkhidmatan khususnya ICT, pendidikan dan pelancongan. Sektor pertanian perlu menjadi lebih dinamik dengan meningkatkan produktiviti serta daya saing melalui kegiatan menambah nilai dan menggunakan teknologi moden. Bagi tujuan ini sejumlah 2.8 bilion ringgit diperuntukkan untuk perbelanjaan pembangunan pertanian, penternakan, perikanan dan perhutanan.

Bagi meningkatkan lagi keberkesanan program pertanian Jabatan Pertanian akan disusun semula dan diberi penambahan 255 jawatan baru serta pembukaan pejabat kaunselor pertanian di luar negara. Selain itu untuk membangunkan industri halal yang berdaya maju dan kompetitif di peringkat global institusi penyelidikan dan institusi pengajian tinggi perlu meneroka dan memajukan secara agresif R&D berkaitan produk halal serta mewujudkan usaha sama dengan institusi penyelidikan luar negara.

Makmal keselamatan dan kualiti makanan di Kementerian Kesihatan akan disusun semula dan diperkukuhkan supaya dapat memberi khidmat, ujian yang lebih berkesan kepada pengeksport.

Kerajaan akan juga mengutamakan peningkatan produktiviti dan kualiti untuk memastikan bekalan makanan terjamin dan meningkatkan eksport makanan. Tabung makanan akan ditambah sebanyak 300 juta ringgit lagi untuk membiayai sebahagian besarnya kegiatan pengkomersialan keluaran makanan termasuk pemprosesan, pembungkusan dan pemasaran.

Di samping itu peruntukan sebanyak 160 juta ringgit akan disediakan bagi pelbagai program pembangunan perikanan. Bagi projek penanaman semula hutan pula kerajaan akan menubuhkan sebuah syarikat baru dengan modal permulaan sebanyak 200 juta ringgit untuk melaksanakan aktiviti perladangan hutan secara komersial. Kerajaan akan terus menggalakkan GLC terutamanya yang terlibat dalam sektor perladangan, untuk menjadi pemangkin mengkomersialkan sektor pertanian negara termasuk aktiviti pekebun kecil. Dan untuk tujuan ini kerajaan akan menyediakan peruntukan tambahan sebanyak 400 juta lagi bagi membiayai projek pertanian oleh GLC.

Pada masa yang sama Khazanah Nasional akan menubuhkan Syarikat Pertanian dan Makanan Nasional dengan modal 500 juta ringgit untuk menjadi pusat kecemerlangan pengurusan rantai bekalan pertanian. Peranan Koperasi untuk membangunkan pengusaha kecil adalah penting sekali. Oleh itu kerajaan telah melancarkan Dasar Koperasi Negara untuk memacu dan memantapkan lagi pembangunan koperasi. Langkah serta strategi untuk memperkasakan lagi gerakan koperasi juga akan digubal dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Kerajaan telah menubuhkan perbadanan bioteknologi Malaysia bagi memacu pembangunan bioteknologi secara bersepadu dan melaksanakan Dasar Bioteknologi Negara. Kerajaan komited untuk membangunkan pelbagai projek bioteknologi termasuk memperkukuhkan keupayaan institusi penyelidikan serta melancarkan pusat kecemerlangan bioteknologi di dalam bidang pertanian, kesihatan dan ekonomi.

Dalam pada itu *Bioproducts Validation Centre* dengan nilai 30 juta ringgit akan dilancarkan di Johor Bahru. Kerajaan juga akan menubuhkan sebuah dana khas sebuah dana khas *Malaysian Life Sciences Capital Fund*, di bawah pengurusan *Malaysian Technology Development Corporation* untuk melabur dalam projek

bioteknologi. Dana tersebut akan mengumpul pelaburan daripada pelbagai institusi seperti GLC. Untuk melancarkan dana tersebut kerajaan akan menyumbang RM100 juta.

Mengikut juru perunding A.T. Kearney dalam 2005 *Global Services Location Index*, Malaysia masih kekal di tempat ketiga di dunia selepas India dan China dalam industri *shaded services and outsourcing*. Walau bagaimanapun untuk terus kekal kompetitif terutamanya dalam menghadapi persaingan daripada negara-negara ASEAN yang lain, kita harus mempertingkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris, pengetahuan ICT dan kemahiran tenaga kerja. Dalam hal ini kita juga perlu menggunakan sepenuhnya kelebihan MSC yang telah dapat menarik industri SSO *service* dan *outsourcing* dengan melaksanakan langkah-langkah berikut:

- (i) meminda garis panduan pembangunan Cyberjaya termasuk *plot ratio* untuk memudahkan pembinaan lebih banyak rumah yang mampu dimiliki;
- (ii) mempertingkatkan kemudahan pengangkutan awam terutamanya perkhidmatan bas bagi memenuhi keperluan syarikat *shaded services* dan *outsourcing* yang beroperasi 24 jam;
- (iii) menyediakan lebih banyak ruang pejabat bagi syarikat berstatus MSC di Cyberjaya dengan pemberian elaun pembangunan industri IBA bagi tempoh 10 tahun kepada pemilik bangunan baru yang diduduki oleh syarikat bertaraf MSC di Cyberjaya; dan
- (iv) menubuhkan institut pembangunan ICT untuk menambahkan lagi bekalan pekerja berpengetahuan (*knowledge workers*), dengan izin dengan menyediakan kemahiran yang diperlukan oleh industri ICT terutamanya syarikat *shaded services* dan *outsourcing*.

Untuk menggalakkan lagi aktiviti ICT dan multimedia termasuk *shaded service centre* di seluruh negara kerajaan mencadangkan taraf perintis dengan pengecualian cukai pendapatan 50% selama 5 tahun atau elaun cukai pelaburan sebanyak 50% diberikan kepada syarikat terpilih yang menempatkan aktivitinya di luar *Cybercities* iaitu Cyberjaya, Kuala Lumpur City Centre, Technology Park, Bayan Lepas dan Kulim Hi-Tech Park. Galakan ini tertakluk kepada perakuan Perbadanan Pembangunan Multimedia MBC.

Selain itu GLC seperti Permodalan Nasional Berhad dan Khazanah akan dijadikan pusat rujukan (*reference site*) untuk mempamerkan prestasi produk syarikat berstatus MSC ketika memasarkan produk berkenaan pada pelanggan di peringkat global.

Pembangunan sains dan teknologi serta penyelidikan dan pembangunan akan terus digalakkan dengan peruntukan sebanyak RM868 juta disediakan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat saya suka supaya Ahli-ahli Yang Berhormat boleh maklum apa yang telah Yang Berhormat ucapkan tadi. Bermakna dalam dimensi perniagaan yang baru dalam alam k-ekonomi ini dinamakan *shaded services* dan *outsourcing*. Negara kita masih di tempat yang ketiga dengan 26 juta penduduk berbanding dengan China dan India dengan 1 bilion penduduk masing-masing. Adakah itu Yang Berhormat tekankan kita harus pertahankan?

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Memang sungguhpun negara kita negara kecil dan hanya mempunyai penduduk 26 juta berbanding dengan China dan India yang mempunyai penduduk yang begitu ramai, kita masih kenal sebagai sebuah negara yang dapat memberi, yang dapat menarik minat syarikat-syarikat besar untuk menggunakan Malaysia sebagai kawasan *outsourcing*. Ini satu faktor yang boleh dibanggakan oleh negara Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dan saya sebutkan perkara ini sebab bila kita baca majalah antarabangsa kita tidak terdapat kenyataan ini, selalu disebut-sebut India China, India China kita rasakan seolah-olah negara kita sudah ketinggalan.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Itu memang benar Tuan Yang di-Pertua dan mungkin dalam tahun hadapan dan pada masa hadapan kita patut meningkatkan usaha untuk dari segi *marketing* dan dari segi *selling* Malaysia. Kita tidak boleh hanya mengharap kepada televisyen barat ataupun di dalam majalah barat untuk memberi publisiti kepada kita. Dan kerajaan akan mengambil usaha akan gandakan usaha dari segi *marketing* dan *selling* Malaysia dalam bidang antarabangsa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Peranan dan fungsi Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad dan Bank Pembangunan dan Infrastruktur Berhad telah diselaraskan. Hasilnya dua buah bank berasingan telah diwujudkan dalam satu kumpulan. Pertama kumpulan Bank

Pembangunan Malaysia Berhad yang menjadi syarikat induk dengan fokus pembiayaan kepada industri intensif modal dan teknologi tinggi maritim dan infrastruktur.

Kedua, SME Bank yang telah beroperasi sejak 3 Oktober 2005 dengan memberi tumpuan khusus kepada pembangunan, perusahaan kecil dan sederhana PKS akan menubuhkan dana modal teroka berjumlah satu bilion ringgit. Selain itu bagi membiayai perkembangan aktiviti Kumpulan BPMB termasuk SME Bank sebagai RM9 bilion akan diperolehi daripada pasaran modal. Sebahagian dari pinjaman akan digunakan untuk meningkatkan modal berbayar SME Bank kepada satu bilion ringgit.

Berikutan pelarasan fungsi BITMB dan BPIMB, Eksport Import Bank Malaysia (EXIM Bank) yang menyerap fungsi Malaysia Eksport Credit Insurance Berhad akan diperkukuhkan dan skopnya diperluaskan. EXIM Bank akan memainkan peranan yang lebih penting untuk membantu dan menggalakkan pengusaha tempatan terutamanya bumiputera untuk meneroka pasaran global. Bagi tujuan ini dana sebanyak satu bilion ringgit akan diwujudkan.

Untuk mengurangkan lagi kos pembiayaan pinjaman kepada PKS kerajaan mencadangkan PKS diberi pengecualian duti setem sebanyak 50% ke atas surat cara pinjaman yang bernilai tidak melebihi satu juta ringgit. Ini adalah satu usaha untuk memberi bantuan kepada syarikat-syarikat kecil dan medium sains corp. Usaha membangunkan syarikat PKS bumiputera yang berdaya maju dalam sektor peruncitan akan terus dilaksanakan oleh PROSPER iaitu satu badan di bawah PUNB. Dalam tahun 2006 sebanyak 250 permohonan baru dijangka diluluskan. Selain itu untuk meningkatkan bilangan PKS bumiputera yang berdaya maju dalam industri yang strategik, skop PROSPER diperluaskan untuk merangkumi kegiatan secara pukal atau *wholesale*. Usaha akan diambil untuk meningkatkan pegangan ekuiti dan juga pemilikan hartanah bumiputera.

Untuk mempertingkatkan lagi pemilikan hartanah bumiputera Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera akan disediakan dengan modal sebanyak dua bilion ringgit sebagai dana untuk memberi hartanah komersial khususnya di kawasan bandar utama. Tujuan penubuhan yayasan ini adalah untuk meningkatkan pemilikan hartanah komersial oleh bumiputera dan menyediakan lebih banyak ruang perniagaan yang strategik bagi usahawan bumiputera. Yayasan ini akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan sumber manusia perlu digilap dengan.....

Tuan Yang di-Pertua: Sekali lagi saya minta maaf untuk diganggu, jadi dengan penubuhan yayasan ini bagaimanakah ia saling melengkapi UDA dengan yayasan ini, aktiviti mereka boleh saling melengkapi di antara *development authority*.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, tujuan menubuhkan Yayasan Hartanah Bumiputera ini ialah dengan kesedaran bahawa harta bila kita bincang tentang isu harta badan pengagihan kadar, kita selalu memberi tumpuan kepada ekuiti dalam sektor korporat dan kita bincang nisbah kita dan tentang *ratio* kita tahu bahawa pemilikan bumiputera telah meningkat dari 1 atau 2% semasa merdeka kepada 18, 19% sekarang. Tetapi kita kadang-kadang lupa bahawa harta ini boleh dibahagikan kepada beberapa sektor dan ekuiti dalam sektor korporat hanya merupakan satu sektor.

Dua lagi sektor yang penting dari segi pemilikan harta ialah harta hartanah satu dan harta lain yang *liquid* seperti *fixed* deposit, pemilikan bond dan lain-lain. Dari segi *fixed* deposit dan hartanah juga kita dapati bahawa pemilikan kaum bumiputera adalah tidak begitu tinggi dan kerajaan harus mengambil langkah untuk meningkatkan pemilikan UDA bukan sahaja dalam sektor korporat dan tetapi juga sektor-sektor lain, hartanah dan *fixed* deposit dan bond-bond.

Dari segi UDA Tuan Yang di-Pertua, UDA telah ditubuhkan dalam tahun 70 an untuk memastikan bahawa bumiputera mempunyai kemajuan juga pembangunan dan harta-harta yang strategi...di bandar-bandar khasnya. Memang benar UDA telah pun memainkan peranan dengan cemerlang, banyak kejayaan telah dicapai oleh UDA.

Walau bagaimanapun di satu ketika dahulu UDA telah pun di *cooperative* dan di *privatize* dan ada juga terdapat *management buy out* dari segi pemilikan UDA dan UDA yang berbentuk sekarang tidak mempunyai kuasa yang sama dengan UDA yang ditubuhkan dan diwujudkan pada tahun 70an.

Sungguhpun dari segi hasrat dan dari segi tujuan urusan UDA memang hasrat itu masih kekal, hasrat dari segi *socio economic* objektif negara masih kekal dan pengurusan mereka yang memiliki saham dalam UDA, Khazanah khasnya memiliki tujuan yang sama untuk masa itu tidak terbuang.

Kerajaan berpendapat selain daripada merasionalkan UDA, itu satu aspek yang lain adalah kena pada tempatnya kita menubuhkan satu yayasan untuk sebagai satu langkah tambahan untuk memastikan bahawa kaum Bumiputera tidak ketinggalan dari segi pemilikan harta bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi *analogues* kepada Yayasan Pelaburan Bumiputera dalam sektor pemilikan ekuiti?

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, ya itu betul Tuan Yang di-Pertua. Pada masa ini kerajaan telah mewujudkan Yayasan Pelaburan Bumiputera. Di bawah Yayasan Pelaburan Bumiputera terdapat dua institusi, satu PNB (Pelaburan Nasional Berhad) dan satu lagi PUNB.

PNB ialah dari segi pemilikan ekuiti dalam syarikat korporat. PUNB ialah dari segi memberi bantuan kepada Bumiputera secara satu kewangan, yang kedua teknikal, *advisory* untuk memastikan bahawa kaum bumiputera juga mendapat mengambil peranan dan memainkan peranan dari segi perniagaan dan PUNB yang juga di bawah Yayasan Pelaburan Bumiputera telah mewujudkan satu sistem yang diberi nama *PROSPER* dan *PROSPER* ialah untuk memberi galakan dan memberi sumbangan modal kepada peniaga-peniaga kecil untuk membuka kedai-kedai di kawasan-kawasan perumahan dan juga di *shopping mall* dan tidak salah saya pada sebelum hujung tahun depan kita yakin dapat mewujudkan hampir seribudi bawah skim *PROSPER*.

Kedua-dua badan ini ialah di bawah Yayasan Pelaburan Bumiputera, jadi kita menubuhkan satu *analogues* seperti yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua bagi badan yang sama untuk mengawal dan menguruskan unit hartanah dan yayasan ini juga dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seperti juga Yayasan Pelaburan Bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, saya minta maaf ganggu Yang Berhormat.....

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Baik terima kasih.....

Tuan Yang di-Pertua:kerana saya hendak guna kesempatan supaya Yang Berhormat *adequate* Dewan.

Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pembangunan sumber manusia perlu digilap dengan mengutamakan kualiti pendidikan yang membekalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai murni supaya memenuhi kehendak pasaran tempatan dan mampu menghadapi persaingan antarabangsa.

Sejumlah RM5 bilion diperuntukkan bagi perbelanjaan pembangunan pelajaran dan latihan termasuk RM1.3 bilion untuk pendidikan pra sekolah, sekolah rendah, menengah dan matrikulasi serta RM1.4 bilion untuk pendidikan tinggi. Selain itu tumpuan akan diberikan kepada latihan kemahiran dan kepakaran teknikal dengan

menyediakan peruntukan sebanyak RM493 juta bagi menampung *inducement* pelajar sekolah teknikal, vokasional dan latihan kemahiran serta sebanyak hampir RM1 bilion bagi latihan perdagangan dan industri.

Program dua syif juga akan diperluaskan lagi dengan peruntukan sebanyak RM63 juta bagi membolehkan 47 pusat latihan sedia ada menampung pertambahan seramai 9,300 pelatih. Program Pembangunan Kemahiran Teknikal yang dilaksanakan oleh Pusat Latihan Kemahiran di peringkat negeri dan institusi kemahiran MARA akan ditingkatkan dengan peruntukan RM175 juta bagi membolehkan lebih ramai pelajar berpeluang memperoleh latihan kemahiran.

Untuk meringankan beban ibu bapa menanggung kos anak belajar di institusi pengajian tinggi kerajaan mencadangkan pelepasan cukai RM4 ribu diberi secara automatik bagi setiap anak yang belajar di institusi pengajian tempatan dan diperluaskan kepada anak yang belajar di institusi pengajian tinggi di luar negara yang diiktiraf. Manakala anak kurang upaya yang belajar di institusi pengajian tinggi, kini layak mendapat pelepasan cukai berjumlah RM9 ribu tambahan pula untuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat, skop pengajian yang layak mendapat pelepasan cukai di atas yuran pengajian sehingga had maksimum sebanyak RM5 ribu setahun. Bagi pembayar cukai individu akan diperluaskan kepada pengajian profesional termasuk bidang perakaunan dan undang-undang di institusi yang diiktiraf dalam negara.

Institut-institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) memainkan peranan penting dalam menyediakan peluang pendidikan dan menjadikan negara sebagai hak pendidikan di rantau ini. Oleh itu Kementerian Pengajian Tinggi akan menubuhkan sebuah unit bagi membantu IPTS mendapat akreditasi dan pengiktirafan luar negara. Selain itu perbelanjaan IPTS bagi membangunkan dan mematuhi keperluan peraturan dalam memperkenalkan kursus baru diberi potongan cukai untuk dituntut dalam tempoh 3 tahun. Bagi meningkatkan jumlah *scientist* tempatan pula, kerajaan mencadangkan IPTS yang membuat pengkhususan dalam bidang sains diberi insentif elaun cukai pelaburan 100% selama 10 tahun. Untuk membantu siswazah menganggur menyertai aktiviti ekonomi, kerajaan akan melaksanakan beberapa program seperti Skim Usahawan Muda di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Program peningkatan kementerian perindustrian di pusat latihan kemahiran negeri dan program *PROSPER* Siswazah. Bagi menggalakkan syarikat swasta memberi peluang pekerjaan kepada siswazah menganggur, syarikat tersenarai yang

membayar elaun kepada peserta di bawah Program Latihan Graduan Menganggur yang disahkan oleh Suruhanjaya Sekuriti diberi potongan cukai 2 kali bagi tempoh 3 tahun.

Kerajaan juga akan meningkatkan martabat profesion keguruan dengan menaikkan taraf Maktab Perguruan kepada Institut Pendidikan Guru bagi mencapai sasaran untuk mengisi sekolah menengah dengan 100% guru siswazah dan sekolah rendah dengan 50% guru siswazah dalam tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat prihatin terhadap kesan lonjakan harga minyak mentah antarabangsa, ke atas harga domestik dengan terus memberi pengecualian cukai jualan dan subsidi ke atas minyak petrol, diesel dan gas memasak untuk mengurangkan beban rakyat.

Kerajaan kehilangan hasil cukai dan menanggung subsidi berjumlah RM16 bilion pada tahun ini berbanding RM11.9 bilion pada tahun 2004. Untuk meringankan beban kewangan rakyat, kerajaan tidak akan menaikkan harga petrol, diesel dan gas memasak dalam tahun 2005, tidak menaikkan bayaran tol sehingga penghujung 2006, dan mengurangkan cukai jalan kenderaan persendirian dan komersial. Di samping itu bagi meringankan beban golongan kurang bernasib baik, kadar bantuan untuk warga tua daif akan dinaikkan daripada RM135 sebulan kepada RM200 sebulan. Kadar bantuan kanak-kanak yatim dan miskin pula akan ditingkatkan daripada RM80 sebulan kepada RM100 sebulan. Bantuan maksimum sekeluarga dinaikkan daripada RM350 sebulan kepada RM450 sebulan.

Kerajaan komited untuk membasmi kemiskinan di kalangan rakyat dan meningkatkan lagi taraf serta kualiti hidup, golongan berpendapatan rendah. Peruntukan sebanyak RM700 juta akan digunakan untuk tujuan Skim Pembiayaan Ekonomi Desa.

Program bantuan rumah rakyat termiskin di luar bandar menambah baik taman bimbingan kanak-kanak Tabika KEMAS, menaik taraf dan ubah suai sekolah luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak. Membekalkan elektrik kepada hampir 550 buah sekolah dan air kepada 260 buah sekolah serta program meningkatkan taraf hidup orang asli. Dalam usaha meningkatkan kebajikan kanak-kanak di luar bandar melalui penyediaan makanan yang berkhasiat dan seimbang, bantuan kepada tabika di bawah KEMAS akan dinaikkan daripada RM0.60 kepada RM1.50 sehari bagi setiap murid dan RM10 juta diperuntukkan untuk program tambahan makanan seimbang sebagai meneruskan usaha menambah kemudahan membaca bagi murid-murid sekolah di luar

bandar sebanyak RM85 juta akan ditambah di bawah program khas perpustakaan desa untuk membina 400 perpustakaan desa dengan tambahan bahan bacaan.

Kerajaan akan terus meningkatkan usaha penyediaan rumah kepada golongan berpendapatan rendah dengan peruntukan sebanyak RM2.1 bilion. Daripada jumlah ini RM1 bilion ialah bagi menyediakan 21,600 unit rumah kos rendah yang meliputi program perumahan rakyat dimiliki, program perumahan rakyat disewa serta program perumahan rakyat bersepadu. Sebanyak RM1.1 bilion akan diperuntukkan bagi penyediaan 26,000 unit kuarters guru dan anggota beruniform dalam tahun 2006. Selain itu kerajaan akan melaksanakan projek kuarters PDRM bernilai RM2.5 bilion mengikut kaedah *build, lease and transfer*. Bagi menggalakkan penggunaan industri *Industrialised Building System (IBS)* perbelanjaan modal ke atas pembelian acuan untuk pengeluar komponen IBS akan diberi elaun modal dipercepatkan untuk ditentu dalam tempoh tiga tahun supaya dapat mengurangkan kos komponen binaan seperti tiang, rasuk, dinding dan lantai.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat akan diperuntukkan sebanyak RM488 juta untuk meneruskan usaha membantu kaum wanita, institusi kekeluargaan, orang kurang upaya, warga emas dan ibu tunggal. Selain itu bagi memastikan layanan cukai yang saksama, kerajaan mencadangkan pilihan tuntutan pengecualian cukai keuntungan hartanah diberi kepada pemilik rumah sama ada suami atau isteri masing-masing sekali seumur hidup berbanding hanya suami sahaja dibenarkan pada masa kini. Ini satu tindakan yang harus dilakukan Tuan Yang di-Pertua, sebab sebelum ini di dalam satu keluarga, sungguhpun isteri menjual rumah, dia tidak dapat diberi hak pelepasan cukai pendapatan, hak itu hanya diberi kepada suami sungguhpun isteri yang memiliki rumah.

Jadi dengan cadangan ini Tuan Yang di-Pertua, kita beri layanan yang saksama, layanan yang adil kepada isteri dan suami dan juga sebelum ini dalam satu keluarga hanya dapat menuntut pelepasan cukai sekali sahaja tetapi dengan cadangan ini, isteri dapat menuntut hak pengecualian cukai sekali dan suami juga dapat minta hak dia sama sekali. Jadi dalam satu keluarga dengan seorang suami dan seorang isteri dapat pelepasan cukai itu akan dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ok Yang Berhormat.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Memandangkan negara mempunyai masyarakat yang berbilang kaum, tradisi dan adat istiadat kerajaan menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia melibatkan diri dalam usaha penghasilan seni melalui:

- (i) pengecualian cukai ke atas royalti ke atau bayaran daripada penerbitan hasil karya seni atau rakaman *disk* dan pita di bidang dinaikkan daripada RM6,000 setahun kepada RM10,000 setahun;
- (ii) pengecualian duti import dan cukai jualan diperluaskan kepada peralatan yang digunakan dalam industri seni persembahan; dan
- (iii) pendapatan yang diterima oleh tenaga pakar bukan pemastautin yang melatih rakyat Malaysia dalam seni persembahan dan menghasilkan kraf serta bidang teknikal yang berkaitan dengannya dikecualikan daripada cukai pegangan.

Selain itu Skim Perantisan Warisan di bawah Perbadanan Kemajuan Kraf tangan Malaysia akan di perhebatkan untuk generasi muda menjadi perantis kepada pengamal sesuatu kepakaran dalam kebudayaan dan kesenian. Program Tunas Mekar yang menggandingkan pengetahuan dan pelajaran generasi muda dalam bidang pengurusan Akaun dan Perniagaan dengan pengamal kraf berkepakaran dan PKS akan dipertingkatkan. Usaha menggalakkan gaya hidup sihat akan terus menjadi fokus penting kerajaan. Bagi tahun 2006 peruntukan pembangunan bagi Kementerian Kesihatan adalah sebanyak RM1.3 bilion termasuk RM80 juta bagi menyiapkan pembinaan hospital di Alor Setar dan Cameron Highlands, RM229 juta bagi pembinaan dan naik taraf klinik di seluruh negara dan RM131 juta bagi penyediaan makmal dan peralatan di hospital.

Untuk mendorong rakyat mengamalkan gaya hidup sihat pula, cukai ke atas minuman keras dan rokok masing-masing dinaikkan secara purata sebanyak 9 peratus dan 13 peratus. Bagi membendung masalah sosial seperti penagih dadah, HIV AIDS dan jenayah, kerajaan akan mengkaji semula kaedah pemulihan penagih dan memperkemaskan program di pusat pemulihan serta menjalankan kempen yang lebih agresif bersama kerajaan negeri, badan bukan kerajaan dan individu. Untuk mengatasi masalah HIV/AIDS pula, satu panel penasihat akan ditubuhkan Kementerian Kesihatan dengan anggota terdiri daripada NGO untuk membantu menggubal tindakan pelan bersepadu dalam menangani HIV/AIDS termasuk program kesedaran dan pencegahan serta program bagi pesakit HIV/AIDS.

Untuk memastikan golongan muda mengisi masa lapang dengan lebih produktif, lebih banyak aktiviti pembangunan komuniti akan diadakan termasuk menghidupkan semula rukun tetangga. Di samping itu peruntukan sebanyak RM1 juta disediakan untuk

program Rakan Muda dan RM600 juta untuk Program Latihan Khidmat Negara. Sebanyak RM138 juta diperuntukkan kepada NGO termasuk bagi badan kebajikan warga emas, kanak-kanak dan orang kurang upaya serta persatuan sukan dan belia. Pembangunan fizikal negara akan diseimbangkan dengan pemeliharaan alam sekitar supaya pembangunan mapan dapat dipertahankan sebanyak RM1.9 bilion diperuntukkan untuk melaksanakan projek pemuliharaan alam sekitar, RM40 juta untuk memelihara pantai daripada hakisan teruk, RM370 juta untuk perparitan dan tambatan banjir, dan RM114 juta untuk memperbaiki sungai dan kuala sungai. Sebanyak RM991 juta pula disediakan bagi pembaikan loji pemetungan serta pembinaan pemetungan baru dan RM363 juta bagi program pengurusan sisa pepejal.

Kerajaan juga telah mengambil langkah untuk meningkatkan kecekapan pengangkutan awam di Lembah Klang. Sebanyak 250 buah bas Rapid KL yang baru akan beroperasi pada penghujung tahun ini dan 600 buah bas lagi pada tahun 2006 termasuk bas yang menggunakan bahan api gas asli enjin. Di samping itu kerajaan akan memperluaskan penggunaan *Touch N'Go* kepada perkhidmatan bas dan melaksanakan sistem satu tiket bersepadu yang boleh digunakan di semua jenis pengangkutan awam di Lembah Klang. Rangkaian bas dan rel akan diintegrasikan supaya penggunaannya lebih efisien serta rendah kos bagi pengguna.

Kerajaan perlu member tumpuan kepada pembangunan sumber tenaga alternatif seperti gas asli, biodiesel dan solar bagi mengurangkan pergantungan terhadap sumber minyak dan menambah baik usaha pemeliharaan alam sekitar. Bagi menggalakkan penggunaan gas asli oleh lori dan bas, adalah dicadangkan pengecualian duti import dan cukai jualan diberi ke atas *chassis* dengan enjin mono gas serta *conversion kits*. Selain itu geran sebanyak RM50,000 bagi setiap bas mono gas yang diperolehi bagi tempoh sehingga akhir 2008 akan diberi. Galakan cukai akan diberi juga untuk pembangunan rangkaian retikulasi gas (*reticulation gas*).

Tuan Yang di-Pertua, tambahan pula kerajaan sedang merangka dasar biofuel nasional bagi menggalakkan pengeluaran dan penggunaan biofuel secara meluas. Dasar ini akan meliputi penggubalan Akta Industri Biofuel Negara dan pewujudan pelbagai insentif bagi menggalakkan penglibatan sektor swasta.

Kerajaan juga mencadangkan supaya galakan semasa untuk penjanaan tenaga yang boleh diperbaharui, ditambah baik dengan meningkatkan kadar pengecualian cukai pendapatan di bawah taraf perintis daripada 70 peratus kepada 100 peratus. Ini akan

diberi selama 10 tahun dan kadar elaun cukai pelaburan daripada 60 peratus kepada 100 peratus selama lima tahun. Tempoh permohonan bagi galakan ini dilanjutkan sehingga 31 Disember 2010. Di samping itu pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan yang digunakan dalam aktiviti berkenaan yang akan tamat pada 31 Disember 2005 juga dilanjutkan sehingga 31 Disember 2010.

Langkah menjimatkan penggunaan tenaga akan diambil supaya semua agensi kerajaan mencapai 10 peratus penjimatan penggunaan tenaga pada tahun 2006. Selain itu kerajaan akan terus menggalakkan pelaburan di dalam peralatan yang rendah penggunaan tenaganya dengan melanjutkan tempoh insentif yang diberikan kepada syarikat yang menawarkan perkhidmatan penjimatan tenaga untuk lima tahun lagi sehingga tahun 2010. Kerajaan juga bercadang untuk memberikan elaun cukai pelaburan sebanyak 60 peratus ke atas perbelanjaan peralatan bagi meningkatkan penjimatan tenaga kepada pemilik bangunan dan mengemas kini garis panduan pembinaan bangunan baru supaya menekankan aspek kecekapan penggunaan tenaga.

Dalam konteks pembangunan seimbang, kerajaan akan terus melaksanakan langkah khusus di Sabah dan Sarawak untuk menyediakan infrastruktur dan kemudahan awam serta pelbagai program bagi menjana pendapatan di Sabah dan Sarawak. Sabah dan Sarawak masing-masing telah diperuntukkan sebanyak RM2.3 bilion dan RM2.0 bilion dalam Bajet 2006 bagi pembinaan jalan, penyediaan bekalan air dan elektrik serta projek pendidikan dan kesihatan. Antara projek utama di Sabah termasuk pembinaan jalan dari Sepulut ke Kalabakan dan Sipitang ke Tenom dan menaik taraf Lapangan Terbang Kota Kinabalu serta pembesaran Universiti Malaysia Sabah dan Hospital Queen Elizabeth.

Di Sarawak pula antara projek utama adalah pembinaan jalan Serding ke Bawang Asam. Pembesaran Lapangan Terbang Kuching, pembangunan Pusat Pentadbiran Persekutuan Sarawak, pembesaran Universiti Malaysia Sarawak dan projek hidroelektrik Bakun.

Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM telah diumumkan pada 16 Mei 2005. Kerajaan telah mula melaksanakan pelbagai perakuan termasuk pembinaan lebih banyak balai polis dan kuarters serta penyediaan alat kelengkapan sebanyak RM3.5 bilion disediakan untuk perbelanjaan mengurus PDRM dan RM493 juta untuk perbelanjaan pembangunan. Ini merupakan

tambahan kepada RM2.5 bilion yang disediakan bagi pembinaan kuarters melalui kaedah *build, lease and transfer*.

Laporan tersebut juga memperakukan penambahbaikan beberapa elaun yang sebahagian telah pun dilaksanakan. Sebagai tambahan, kerajaan ingin mengumumkan beberapa pemberian elaun berkuat kuasa mulai tahun 1 Januari 2006 seperti membayar balik tempat jahit pakaian seragam bagi anggota polis berpangkat rendah sehingga RM100 sepasang untuk tiga pasang setahun, kenaikan bayaran insentif pemusnah bom dari RM50 satu operasi kepada RM100 satu operasi dan memanjangkan bayaran insentif menyelam yang kini dinikmati oleh anggota Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Perikanan dan Pusat Sains Negara kepada anggota PDRM serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Kadar bayaran insentif akan dinaikkan dari RM50 sebulan kepada RM100 sebulan bagi penyelam dari RM150 kepada RM200 sebulan bagi penyelam ranjau. Memandangkan kos sara hidup yang meningkat, kerajaan akan memberi bantuan sara hidup kepada anggota perkhidmatan awam dalam Gred 1 hingga Gred 54 kecuali mereka yang mendiami kuarters atau yang menerima Elaun Wilayah iaitu RM150 sebulan bagi mereka yang berkhidmat di 12 bandar utama, RM100 sebulan bagi mereka yang berkhidmat di 26 bandar lain dan RM50 sebulan bagi mereka yang bertugas di kawasan lain. Pelaksanaan bantuan ini akan bermula 1 Januari 2006.

Beberapa elaun sedia ada juga akan diperbaiki Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) Gred 41 dan 42 serta pensyarah Gred 45 akan diselaraskan kepada RM300 sebulan, elaun penyelia kelas Al-Quran dan Fardu-Ain (KAFA) dinaikkan daripada RM500 sebulan kepada RM750 sebulan. Elaun guru KAFA ditetapkan sebanyak RM500 sebulan. Bayaran insentif merawat pesakit tibi dan kusta sebanyak RM60 sebulan akan dipanjangkan kepada juruteknologi makmal dan perubatan, pembantu makmal perubatan dan atendan kesihatan yang bertugas di Makmal Pusat Tibi Negara dan Makmal Pusat Kusta Negara.

Bayaran insentif RM100 akan diberikan kepada petugas pembantu perubatan dan pembantu atendan kesihatan yang bekerja di bilik mayat. Selain itu, kerajaan telah memberi bonus sekurang-kurangnya sebulan gaji kepada kakitangan perkhidmatan awam dan pembayarannya telah pun dibuat dalam dua peringkat. Kerajaan berharap peniaga tidak mengambil kesempatan daripada pembayaran bonus dan kenaikan elaun anggota perkhidmatan awam dengan menaikkan harga untuk mengaut keuntungan

berlebihan. Oleh itu, jadilah peniaga, pembekal dan pengilang yang jujur dan bertanggungjawab. Kerajaan telah mengambil langkah tambahan untuk mengawal kenaikan beberapa jenis harga barangan keperluan semasa musim perayaan. Penguasaan pemantauan harga akan dipertingkatkan lagi dengan penambahan seramai 745 anggota.

Kerajaan akan mengambil tindakan tegas ke atas peniaga yang mengaut keuntungan berlebihan termasuk membatalkan lesen. Semua pihak, individu, keluarga, peniaga dan pengusaha perlu mengamalkan sikap berjimat-cermat. Sikap boros dan membazir perlu dikikis. Hasil dan pendapatan harus ditambah dan dipelbagaikan. Jika semua ini dijadikan amalan, maka kita akan menjadi bangsa yang berjaya, berdaya tahan dan menang menghadapi cabaran.

Bersyukur kita sekali lagi kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmatnya, ekonomi negara terus kukuh dan dapat kita kekalkan kestabilan serta mengeratkan keharmonian dan perpaduan rakyat. Pencapaian ini adalah hasil usaha gigih semua pihak, semua rakyat yang telah memberikan sokongan padu kepada kerajaan untuk melaksanakan dasar dan strategi membina negara dengan jayanya. Asas ekonomi yang kukuh akan membolehkan negara melangkah ke hadapan memasuki fasa kedua Wawasan 2020 dengan penuh keyakinan. Marilah kita bersama berikrar untuk melipatgandakan usaha ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara aman, maju dan jaya.

Ketika melangkah ke hadapan, kita sememangnya akan berhadapan dengan pelbagai cabaran dari dalam dan luar negara. Dalam konteks persekitaran antarabangsa yang pantas berubah, kita tidak boleh leka dan senang berpuas hati. Sesungguhnya kita mesti bertekad dan bersemangat cecal untuk terus menguruskan kejayaan yang telah kita kecapai dan sentiasa bercita-cita untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang. KepadaMu Ya Allah, kami berdoa semoga diberi taufik dan hidayah serta mendapat nikmat dan perlindungan dariMu jua.

Butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan bagi anggaran perbelanjaan tahun 2006 adalah seperti dalam penyata anggaran yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 tahun 2005 dan buku Bajet Persekutuan 2006 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22 tahun 2005. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas pembentangan bajet atau belanjawan. Khususnya,

saya mengucapkan terima kasih juga kepada beliau kerana setia membantu menyinari suasana Dewan dengan nur keilmuan agar Dewan lebih berwibawa dan kompetitif. Terima kasih Yang Berhormat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa bajet merupakan di antara instrumen utama bagi pemerintah untuk memelihara keutuhan ekonomi, untuk tegak keadilan sosial dan khasnya di Malaysia juga untuk bina bangsa atau *nation building*.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2006 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka dibahas. Saya harap kita berbahas dengan tahap yang tinggi. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, selepas itu Dato' Dr. Chin Fook Weng, selepas itu Datuk Jins Shamsudin bersedia. Saya sudah nyatakan gilirannya supaya bersedia.

12.38 tgh.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana menggariskan beberapa strategi penting dalam Bajet 2006 dan membuktikan bahawa kerajaan amat komited sebenarnya untuk mengimbangi pertubuhan ekonomi dan defisit fiskal dalam suasana ekonomi yang masih tidak menentu.

Kita juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada kerajaan kerana terus memberikan perhatian untuk menjana sektor pembinaan yang tenat sejak dua tahun lalu yang membawa kesan buruk kepada para kontraktor khususnya kontraktor Kelas F.

Saya yakin kita berada di landasan yang betul apabila kerajaan meningkatkan perbelanjaan sebanyak lima peratus yang seharusnya membawa kesan positif kepada pasaran. Bahkan insentif dalam penggabungan, pengambilalihan syarikat serta

penurunan kos operasi syarikat awam akan meningkatkan lagi kualiti pengurusan serta perniagaan. Bagi saya, ini adalah berita baik kepada pelabur tempatan dan asing yang mahukan ketelusan maklumat kewangan dan pulangan yang lebih baik dalam pasaran modal tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan perbahasan saya ini ingin menyentuh isu bioteknologi. Dalam perbahasan yang lalu, saya juga menyentuh isu ini secara panjang lebar. Oleh kerana bioteknologi adalah satu bidang yang menjadi perhatian kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memantapkan dan mempelbagaikan sumber pertumbuhan ekonomi negara, maka wajar saya membahaskan isu ini terlebih dahulu.

Pada 28 April 2005 yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan dasar bioteknologi nasional yang menggariskan sembilan dasar utama serta menentukan pelan tindakan yang perlu dilaksanakan bermula tahun 2005 hingga 2010. Pelan tindakan tersebut merangkumi langkah-langkah menubuhkan *Malaysian Biotechnology Corporation* sebagai agensi sehenti atau dengan izin, *one stop center*, bagi membangunkan industri bioteknologi dan mewujudkan sebuah rangkaian bioteknologi yang dinamakan sebagai *BioNexus* terdiri daripada institut-institut penyelidikan di seluruh negara.

Saya yakin dasar yang begitu penting semestinya telah digubal dengan mengambil kira hala tuju dan kemampuan pengurusan ekonomi strategik negara, kecukupan sumber dan prasarana sokongan serta telah mengambil iktibar daripada negara-negara lain yang telah mempunyai industri bioteknologi yang mapan ataupun yang baru bertapak. Walau bagaimanapun, ingin juga saya mengambil kesempatan ini untuk mengulangi pandangan saya di Dewan yang mulia ini bahawa sebarang pelaburan dalam industri-industri yang berasaskan pertanian dan bioteknologi harus disertakan dengan penelitian dan rancangan yang rapi untuk mengelakkan projek-projek pembangunan ini menjadi "gajah putih" yang bakal menghantui kita kelak.

Dalam soal bioteknologi, saya mengalu-alukan seperti mana yang dinyatakan tadi, rancangan kerajaan dalam Bajet 2006 untuk memperuntukkan sebanyak RM100 juta untuk melancarkan *Malaysian Life Sciences Capital Fund* dan juga RM30 juta untuk membina *Bioproducts Validation Center* di Johor Bahru.

Saya tetap menyokong langkah kerajaan untuk terus mendapatkan nasihat daripada pakar-pakar antarabangsa untuk tindakan-tindakan khusus yang mahu diambil

untuk menjayakan dasar bioteknologi negara. Saya percaya kerajaan sedar industri bioteknologi penuh dengan risiko tinggi di mana daripada 1,000 inovasi bioteknologi yang dikaji, mungkin hanya satu sahaja yang berjaya menghasilkan kejayaan komersial. Tetapi belum cuba belum tahu. Tanpa langkah yang berani, kita tidak mungkin mendapat hasilnya. Sebenarnya industri bioteknologi dunia hanyalah menyumbang 5% daripada ekonomi keseluruhannya. Ia masih sangat kecil dan sumbangannya kepada pendapatan mana-mana negara masih belum dapat dibanggakan. Malaysia harus meneliti di manakah sebenarnya dengan izin, *pot of gold* ataupun belanga emas bioteknologi untuk negara ini.

Saya sudah mendengar pelbagai usaha termasuk industri minyak ketiar, gamat, kenaf, *roselle*, *hibiscus* dan pelbagai lagi semenjak dua dekad yang lepas. Kebanyakannya hanya tinggal industri sambilan semata-mata. Oleh itu kita perlu berhati-hati dalam mimpi-mimpi bioteknologi kita ini. Walau bagaimanapun, saya ingin berkongsi pendapat serta mendapatkan penjelasan tentang dua perkara yang berkaitan dengan pembangunan industri bioteknologi di Malaysia.

Pertama, dasar bioteknologi negara menyatakan matlamat yang jelas iaitu mahu membina kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan sosial berasaskan premis-premis tersebut. Semestinyalah pelan tindakan dan pelaksanaan keseluruhan dasar ini dipacu ke arah mencapai keseimbangan dalam kedua-dua aspek. Saya akur dengan falsafah bahawa suasana persaingan antara ekonomi dunia kini semakin sengit. Apatah lagi dengan adanya cabaran-cabaran daripada negara-negara membangun seperti mana yang kita dengar tadi iaitu China dan India. Banyak syarikat pembuatan elektronik dan automatif, malah dalam industri kejuruteraan berat, kini lebih cenderung mengalihkan operasi mereka ke China kerana kos *overhead* yang lebih murah.

Pada masa yang sama syarikat-syarikat gergasi dunia dalam bidang perbankan, telekomunikasi dan teknologi maklumat kini berpusu-pusu ke India untuk mendapatkan perkhidmatan pembangunan perisian komputer, pengurusan data, pengendalian *call centre* dan *back office operations*. Salah satu faktor yang sering dirujuk dalam mengulas pertumbuhan pesat industri *outsourcing* di India ini adalah kerana negara ini menawarkan tenaga kerja mahir dan fasih berbahasa Inggeris pada kos yang rendah.

Sehubungan dengan itu, sewajarnya Malaysia merumuskan strategi pertumbuhan ekonomi yang tidak terlalu bergantung kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan sekiranya diuruskan dengan betul, saya percaya industri bioteknologi

mampu menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi baru negara kita. Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bagaimana Yang Berhormat nak kaitkan tadi Yang Berhormat sebut mengenai India dan China dan Yang Berhormat telah pun mendengar Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan bahawa kita masih dapat pertahankan tempat kita di nombor ketiga bukan dalam penilaian kita sendiri, dalam penilaian pihak ketiga, pihak yang lain. Bagaimana rasanya Yang Berhormat berpuas hati ataupun tidak dalam soal ini?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya, saya ada hujah-hujah saya yang kemudian daripada ini Tuan Yang di-Pertua, cuma saya ingin menyatakan di sini bahawa kejayaan seperti India dan China ialah kerana mereka ini mempunyai tenaga kerja yang mahir dan juga penguasaan bahasa Inggeris, sebab itulah dalam hujah seterusnya saya ingin menyatakan bahawa di dalam usaha kita untuk mencapai kejayaan dalam bidang bioteknologi ini, ada perkara-perkara tertentu yang perlu diberikan perhatian terutamanya apabila kita mendapati bahawa sebenarnya industri bioteknologi ini mempunyai risiko yang tinggi, kerana sumbangannya adalah terlalu kecil iaitu sebanyak 5% sahaja kepada pertumbuhan ekonomi yang ada di dunia sekarang ini.

Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan lanjut khususnya daripada kerajaan iaitu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Apakah sukatan yang akan diguna pakai untuk mengukur pencapaian inisiatif bioteknologi ini dalam memakmurkan ekonomi? Adakah hanya dalam bentuk ringgit dan sen atau bilangan syarikat bioteknologi yang ditubuhkan setiap tahun atau jumlah pelaburan bioteknologi dari dalam dan luar negara atau bilangan hasil penyelidikan dengan izin, R&D dari universiti-universiti tempatan yang berjaya dikomersialkan. Memang benar pertumbuhan ekonomi yang pesat dan positif akan memudahkan kerajaan melaksanakan tanggungjawab, menyediakan kemudahan-kemudahan untuk rakyat, tetapi saya berpendapat kita tidak boleh membuat andaian bahawa kesejahteraan sosial hanya akan wujud apabila kita lebih banyak syarikat bioteknologi tempatan muncul atau syarikat-syarikat multi nasional berduyun-duyun datang melabur dalam bidang bioteknologi di Malaysia.

Saya khuatir jika pertimbangan kita hanya berasaskan ringgit dan sen semata-mata, kita akan mengabaikan aspek kemanusiaan dalam pengurusan ekonomi. Contoh yang paling mudah Tuan Yang di-Pertua, ialah bidang penjagaan kesihatan atau

healthcare. Saya difahamkan bahawa kita berniat untuk menarik syarikat-syarikat pembuat ubat ternama di dunia untuk melabur membuka pusat penyelidikan *biopharmaceutical* dan kilang pembuatan di Malaysia. Modal yang akan dikeluarkan oleh syarikat-syarikat ini bukannya sedikit, mereka akan menanggung kos penyelidikan yang rata-rata mengambil masa antara 10 hingga 12 tahun dan menelan belanja berbilion ringgit sebelum sesuatu ubat baru menerima kelulusan untuk dipasarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya berminat terhadap hujah Yang Berhormat tadi tu. Sebagai pemerintah, kerajaan ada satu cara guna ringgit cari kebaikan, perkara yang lain antaranya ialah guna kuasa cari kebaikan. Dalam soal bajet, penekanannya ialah bagi jawab persoalan bagaimana nak guna ringgit nak cari kebaikan? Waima, baik pun dari keadilan sosial, jadi kalau dalam perbahasan bajet kita tak mahu tekankan perkara bagaimana nak guna ringgit nak cari kebaikan, maka kita beralih pula pada soal-soal perundangan yang lain. Bagaimanakah Yang Berhormat dapat selaraskan perkara ini?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin saya bangkitkan di sini ialah bahawa saya ingin mengaitkan tentang ringgit dan sen ini dengan keadilan sosial nanti. Dalam keadaan kita nak menarik pelabur-pelabur dalam bidang bioteknologi khususnya dalam bidang perubatan, akhirnya nanti harga ubat itu akan menjadi terlalu mahal yang tidak akan mampu dibeli oleh masyarakat Malaysia sendiri, orang Malaysia sendiri walaupun ianya dikaji dan juga dikeluarkan di negara kita sendiri. Sebab itulah saya cuba mengaitkan tentang antara ringgit dan sen dan juga keadilan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya ingin berhujah tadi bahawa di dalam kita memberikan fokus dalam bidang bioteknologi yang kita katakan tadi bahawa risikonya tinggi, sumbangannya mungkin tidak begitu besar 5% sahaja, maka jangan nanti kerana pelaburan yang sebegitu banyak akhirnya juga tidak membawa kepada kesejahteraan sosial kepada masyarakat dalam negara sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah perniagaan syarikat pencipta ubat itu semestinya mahu mengutip keuntungan daripada jualan produknya, ia akan memfailkan paten ke atas ubat baru itu yang memberinya hak monopoli ke atas pulangan ekonomi daripada penjualan ubat lazimnya bagi tempoh 20 tahun. Bagaimanapun paten ini akan difailkan pada peringkat penemuan ubat, selepas melalui tempoh penyelidikan dan pembangunan produk antara 10 hingga 12 tahun, ubat baru itu hanya akan menanti kelulusan untuk dipasarkan pada tahun yang ke-13. Ini bermakna syarikat pencipta

hanya mempunyai hak monopoli selama 7 tahun sahaja sebelum paten ke atas jualan ubat itu luput. Harga jualan ubat itu di pasaran akan mengambil kira segala kos yang ditanggung sepanjang tempoh penyelidikan dan pembuatan, sebagai tempoh monopoli yang terhad.

Oleh yang demikian, walaupun mungkin syarikat ubat itu dapat menjimatkan sedikit kos *overhead* apabila membuat ubatnya di Malaysia berbanding di negara Eropah misalnya di Perancis, penjimatan itu tidak semestinya akan menghasilkan harga ubat yang lebih murah, apatah lagi sekiranya ia melibatkan ubat untuk penyakit-penyakit kritikal seperti kanser dan AIDS yang amat diperlukan di seluruh dunia.

Saya merujuk kepada kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kira-kira 2 bulan lepas yang mahukan rakyat Malaysia mempunyai capaian kepada ubat-ubatan pada harga yang berpatutan. Terutamanya ubat untuk penyakit kritikal seperti yang saya sebutkan tadi.

Oleh itu, saya memohon penjelasan daripada Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dan Menteri Kesihatan, apakah pelan tindakan yang telah dirumus untuk memastikan bahawa dalam usaha kita membangunkan industri bioteknologi termasuk bio *pharmaceutical* ini, kerajaan tidak mengabaikan hak asasi rakyat Malaysia terutamanya mereka yang berpendapatan rendah untuk terus mendapatkan ubat-ubatan dan penjagaan kesihatan pada harga yang munasabah dan tidak membebankan. Saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju bahawa sistem penjagaan kesihatan yang sedemikian akan banyak membantu memelihara kesejahteraan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya bangkitkan adalah berkenaan dengan inisiatif menggalakkan para penyelidik di universiti-universiti negara kita untuk mengkomersialkan hasil R&D mereka. Perkara ini digariskan sebagai satu gerak kerja utama dalam dasar bioteknologi negara. Saya amat bersetuju dengan penekanan ini kerana sesuatu idea inovasi yang hanya terakam di atas kertas dan disimpan di perpustakaan universiti tidak akan menjana pulangan ekonomi yang sewajarnya selagi tidak diterjemahkan ke dalam bentuk aplikasi. Walau bagaimanapun saya berpendapat gerak kerja ini seharusnya dikembangkan agar merangkumi semua bidang R&D tidak eksklusif untuk bioteknologi sahaja. Isu pokoknya ialah menggalakkan budaya di mana universiti-universiti mengamalkan pendekatan seimbang antara penyelidikan asas atau *fundamental research*, dan pada masa yang sama peka

kepada perkembangan dunia dan pasaran agar universiti dapat menghasilkan R&D yang relevan kepada keperluan masyarakat dan boleh dikomersialkan.

Universiti-universiti juga perlu memastikan tugas mengajar dan melatih para siswa tidak terjejas. Persoalannya adakah suasana dan persekitaran di universiti kita mampu membantu ke arah penyuburan budaya tersebut? Saya rasa masih banyak perkara yang perlu diperkemas untuk mewujudkan dengan izin, *conducive environment* ini. Antaranya ialah:

Yang pertama, universiti perlu merombak sistem pengagihan sumber manusia agar memastikan ada keseimbangan dalam bilangan tenaga pengajar dan kumpulan penyelidik sepenuh masa.

Yang kedua, universiti perlu memperkemas mekanisme interaksi dengan industri dan sektor swasta. Ini akan melicinkan usaha mendapatkan rakan kongsi untuk pembangunan dan pengkomersialan hasil R&D, sebagai contoh mungkin kita boleh membenarkan seorang penyelidik mengambil *sabbatical leave*, dengan izin selama dua tahun untuk bekerja dengan sebuah syarikat yang bersedia membiayai pengkomersialan hasil R&D penyelidik itu tanpa menjejaskan senioriti penyelidik tersebut apabila dia pulang semula berkhidmat ke universiti berkenaan.

Satu insentif penting bagi para penyelidik untuk mengkomersialkan hasil R&D mereka ialah struktur royalti daripada pengkomersialan yang diagihkan secara adil. Kerajaan mungkin perlu mengkaji semula sama ada peraturan dan garis panduan yang terpakai ke atas universiti berkenaan, hal ini masih relevan atau perlu diubahsuai bagi memenuhi dasar kerajaan menggalakkan inovasi dan pengkomersialan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ingin bertanya Yang Berhormat, Yang Berhormat akan mengambil masa agak berapa lama lagi untuk berucap?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: 45 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Lagi 45 minit, supaya Ahli Yang Berhormat yang berikut boleh bersedia. Sila teruskan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh langkah-langkah kerajaan untuk memesatkan kegiatan ekonomi negara sambil mengurangkan *deficit fiscal* yang kini masuk tahun yang kelapan sejak negara dilanda krisis ekonomi pada tahun 1977.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat lain jangan bimbang, kita ada empat hari untuk membahaskan ucapan bajet

ini. Jadi saya agak semua Ahli Yang Berhormat akan berpeluang. Terima kasih, sila teruskan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Langkah untuk memesatkan pembangunan luar bandar adalah juga langkah yang harus disokong agar masyarakat luar bandar kita tidak ketinggalan dalam menikmati pembangunan pesat yang dialami oleh negara selama ini. Masih banyak yang boleh dilakukan untuk masyarakat luar bandar yang masih mengalami ekonomi berasaskan industri-industri yang asas seperti pertanian dan yang belum melibatkan teknologi tinggi. Kini dengan ekonomi Malaysia berasaskan sektor industri elektronik dan pengeluaran minyak dan gas, lebih banyak yang boleh dilakukan untuk mengurangkan kebergantungan kita ke atas dua sektor ini.

Oleh itu, fokus baru kerajaan pimpinan Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi ke atas sektor pertanian moden dan yang berkaitan pertanian seperti bioteknologi amat dialu-alukan. Tetapi saya masih tertanya-tanya, apakah sebenarnya pertanian moden yang sudah dirancang, sedang dibuat, dan prospeknya dari segi membantu pertumbuhan ekonomi negara pada masa jangka yang panjang. Apakah kita tidak boleh menandingi kejayaan sektor pertanian moden di Thailand, kenapa sampai sekarang kita masih mengimport beras sebagai contohnya daripada negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita mendengar bahawa syarikat penerbangan negara MAS, mengalami kerugian yang kedua berturut-turut sebanyak RM368 juta bagi suku tahun kedua tahun kewangannya. Dengan pelantikan ketua eksekutif Encik Idris Jala, saya amat mengharapkan prestasi MAS dapat dipulihkan kembali. Ini berkaitan dengan yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi tentang penubuhan institut pengurusan yang bertaraf dunia. Alasan bahawa kenaikan harga minyak dan insurans perang menyebabkan kerugian yang besar tidak boleh diterima. Ini adalah alasan lapuk yang sepatutnya sudah diagak oleh pengurusan MAS. Apatah lagi beberapa tahun lepas, masalah ini sepatutnya telah diselesaikan hasil lantikan Consultant Bina Fikir Sdn. Bhd. yang kononnya telah menyelesaikan masalah MAS melalui satu sistem penguraian aset.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa cukup. Yang Berhormat boleh sambung semula selepas Dewan bersidang semula. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang, Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad untuk teruskan perbahasan.

Tuan Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah MAS sepatutnya telah diselesaikan hasil lantikan konsultan Bina Fikir Sdn. Bhd. yang kononnya telah menyelesaikan masalah MAS melalui satu sistem yang dikenali sebagai sistem Penguraian Aset atau pun WAU. Pada masa itu Pengerusi MAS Datuk Munir Majid dan konsultan itu sendiri menyatakan bahawa Bina Fikir berjaya menangani masalah kewangan MAS. Saya yakin mereka mendapat bayaran yang mahal untuk tugas yang dilakukan.

Saya masih teringat bagaimana para pemilik saham dan pengurusan Bina Fikir dengan bangganya mengatakan di dada akhbar bahawa mereka adalah penyelamat MAS. Tetapi hari ini apa yang terjadi, di mana Bina Fikir dan kenapa mereka tidak tampil untuk menerangkan apa yang sebenarnya telah berlaku. Pengerusi MAS dan beberapa orang yang cerdik yang bukan saja bijaksana tetapi juga bijak sini yang dibawa masuk oleh Bina Fikir masih menjadi Pengarah MAS tetapi adakah benar-benar mampu membawa perubahan kepada MAS.

Kita membayar jutaan ringgit untuk mendapatkan khidmat konsultan Bina Fikir, untuk membetulkan kesilapan yang berlaku dalam MAS. Tetapi lima tahun kemudian, MAS masih rugi, kerugian semakin membengkak, pembaziran terus berlaku, perkhidmatan masih di takuk lama. Wang yang disalahgunakan dahulu masih belum dapat dicari dan belum satu pun orang yang didakwa dalam skandal penyelewengan MAS sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, adakah kita mendapat dengan izin, *value of money* dalam mengubah konsultan seperti Bina Fikir itu. Saya ingin tahu berapakah kos yang terlibat bagi membayar *consultant fees* kepada Bina Fikir ini. Bagi saya, MAS gagal kerana ia tidak inovatif, lihat saja perkhidmatan di KLIA yang bercelaru. Dulu MAS banyak mempunyai banyak pusat penjualan tiket, satu di tingkat perlepasan satu di tingkat ketibaan, kini ianya disatukan, hanya di tingkat ketibaan saja. Adakah masuk akal untuk kita membeli tiket sewaktu kita tiba daripada pesawat, tentulah kita membeli tiket

sebelum kita berlepas, sebaliknya MAS tidak mengambil kira faktor ini. Hampir kesemua tiket penerbangan ulang alik ke Singapura, contohnya dijual oleh SIA kerana hanya mereka saja yang mempunyai kaunter jualan tiket di aras perlepasan di KLIA. Tuan Yang di-Pertua, saya pernah membeli tiket di KLIA, daripada tiga orang penjual, seorang pelatih di komputer diawasi oleh dua jurulatih, hanya untuk menjual satu tiket domestik dari Kuala Lumpur ke Johor Baharu. Bayangkanlah pembaziran yang berlaku.

Cuba kita lihat syarikat seperti Air Asia contohnya, yang bergantung lebih daripada 60% daripada penempahan tiketnya melalui internet. Kini mereka mampu memberi layanan dan penempahan tiket melalui SMS juga, MAS masih lagi menggunakan penempahan tiket yang lama dan saya percaya, ramai rakan-rakan saya mengalami kesulitan apabila ke pejabat MAS dan menunggu dengan begitu lama untuk menempah tiket mereka. Malahan syarikat-syarikat terkemuka seperti SIA sendiri mampu untuk mengeluarkan tiket maya melalui laman web mereka.

Saya percaya, banyak juga pihak telah mempersoalkan perbelanjaan MAS yang tidak bertempat. Kalaulah benar MAS kini melantik beberapa orang Penasihat-Penasihat dengan izin konsultan luaran yang begitu mahal kos dan gaji mereka, saya syorkan MAS menghentikan segera perbuatan ini dan bergantung kepada keupayaan dalaman. Tidakkah kita mempunyai antara bakat-bakat yang terbaik dalam negara ini. Tidakkah kita mampu untuk menggembelng tenaga dari dalaman untuk menerajui MAS ke pencapaian gemilang semula. Saya percaya, masih ramai lagi eksekutif-eksekutif kanan yang sedia tampil ke hadapan untuk memberi sokongan kepada Ketua Eksekutif yang baru dalam menurunkan kos operasi dan mengelakkan daripada perlunya membuang pekerja secara VSS. Saya mohon jaminan kerajaan khususnya di bawah pengurusan CEO yang baru, termasuk jaminan Kementerian Pengangkutan dan Sumber Manusia supaya jangan ada pembuangan pekerja secara VSS demi menyelamatkan MAS yang rugi ini.

Saya juga ingin mengesyorkan agar MAS dilayan sebagai entiti komersial yang mempunyai tanggung jawab terhadap dengan izin, *stake holder* syarikat ini iaitu rakyat Malaysia. MAS kini sudah kerap kali melalui perubahan pemegang dan pengurusannya dan kini sudah tiba masanya bahawa Ketua Eksekutif barunya diberi kuasa penuh untuk melaksanakan perubahan tanpa campur tangan mana-mana pihak yang berkepentingan. Oleh itu, saya sokong kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri agar Idris Yala selaku CEO MAS yang baru hanya *accountable* dengan izin

kepada beliau secara langsung. Maka tidak keterlaluan jika kita meminta Pengerusi MAS dan Ahli-ahli Lembaga Pengarahnya yang ada sekarang memberi peluang pengurusan baru bertapak dengan *clean slate* dengan izin, sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, dengan *clean slate*. Bagi saya Datuk Munir Majid faham apa yang saya maksudkan.

Saya juga yakin, adalah adil jika sekiranya Bina Fikir memulangkan balik bayaran *consultant fees* yang sudah dibayar kepada mereka atau pun Bina Fikir mestilah memberikan perkhidmatan konsultan secara percuma kepada MAS sehingga MAS kembali untung sebagai bayaran balik kepada bayaran yang sudah mereka terima sebelum ini.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Minta laluan. Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik dan ingin berkongsi dengan sahabat saya mengenai dengan MAS. Saya tahu bahawa sekarang ini bila kita ada masalah dalam MAS, maka adalah konsultan-konsultan yang dipanggil untuk melihat kenapa MAS rugi. Setiap kali berlaku kerugian dalam MAS, ada saja konsultan yang dilantik dan dibayar berjuta ringgit bagi mengenal pasti kerugian MAS.

Saya nak berkongsi dengan Dr. Puad, sahabat saya, yang saya dapat tahu, baru-baru ini, MAS sekarang kita tahu rugi, tidak menguntungkan tetapi apabila Pengerusi baru masuk menjadi Pengerusi MAS, saya difahamkan pejabatnya telah diubahsuai dan berbelanja berpuluh-puluh atau pun beratus ribu ringgit dan sebuah *drawing* atau pun lukisan yang dibeli oleh MAS berharga satu juta ringgit lebih dipasang di bilik Pengerusi MAS. Inilah masalah yang kita tak tengok, kita dok tengok pengurusan MAS, yang belanja di atas kita tak tengok.

Saya minta kerajaan hari ini supaya kita kena kenal pasti sebab musabab kenapa MAS rugi? Kalau kita tengok Air Asia, yang baru juga untuk kita yang menyediakan tambang murah, boleh untung. Kenapa MAS rugi? Berapa kali sudah pengurusan ditukar? *Management* dan sebagainya. Tetap rugi. Punca dia, dia tidak dapat. Sebab itulah masalah ini sering berlaku.

Saya nak berkongsi dengan Dr. Puad kemungkinankah perbelanjaan yang begitu tinggi oleh pihak pengurusan yang duduk dalam Lembaga Pengarah Syarikat MAS membelanjakan wang sewenang-wenangnya? Adakah perkara ini diawasi oleh pihak kementerian? Yang melantik mereka ini duduk. Saya minta Dr. Puad kalau boleh saya hendak berkongsi pengalaman yang saya ada ini, terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Yang itu, maklumat itu memang saya tidak Tuan Yang di-Pertua. Mengenai dengan beli lukisan sampai hatta RM1 juta dan sebagainya. Tetapi kalau benar, maka siasatan mestilah dilakukan. Laporan mestilah dikemukakan untuk pengetahuan orang ramai. Sebab itulah sebenarnya, saya mempersoalkan, apabila membaca di dalam *STAR*, Bina Fikir membuat satu kenyataan bahawa mereka adalah penyelamat MAS. Tetapi kita lihat rugi juga. Sehingga kita terpaksa melantik CEO baru dan kita meletakkan kesalahan kepada CEO lama, Datuk Fuad. Namanya pun Datuk Fuad juga.

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, kenapa saya ingin membangkitkan di sini bahawa Pengerusi MAS dan Ahli Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab, sebenarnya. Tanggungjawab kepada negara, kepada rakyat Malaysia. Belum kemukakan hasil laporan yang telah dibuat oleh Konsultan Bina Fikir ini. Dalam keadaan kita pun membayar yuran kepada mereka ini, dengan jumlah yang begitu besar. Termasuklah kalau benar, laporan yang mengatakan bahawa sampai beli lukisan pun dengan harga RM1 juta.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, saya telah menyatakan bahawa saya memang mempersoalkan kenyataan Bina Fikir yang bermegah dengan sistem Waunya, yang dikatakan telah berjaya. Bahkan baru-baru ini, kita dengar mengatakan bahawa sistem Wau itu tidak ada salahnya. Tetapi, kenapa MAS masih rugi?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan keupayaan ekonomi orang Melayu pula. Saya juga menyokong penuh langkah kerajaan untuk menggalakkan pemilikan Bumiputera dalam hartanah.

Penubuhan Dana Amanah Bumiputera dengan modal sebanyak RM2 bilion menunjukkan kerajaan amat serius dalam hal ini. Sudah sampai masanya kaum bumiputera mengambil langkah untuk terlibat dalam pegangan hartanah komersial. Namun, saya juga ingin mengingatkan di Dewan yang mulia ini, agar penubuhan dana ini merupakan satu amanah yang serius. RM2 bilion bukanlah banyak dan tidak mampu membeli sesuku pun daripada Berjaya Times Square, misalnya.

Oleh itu, adalah wajar penubuhan Dana Amanah Bumiputera ini disertakan dengan langkah-langkah konkrit untuk memastikannya ia efektif. Saya ingin mengesyorkan supaya dana ini diuruskan secara sebuah syarikat komersial yang mana pembelian, pengurusan, dan pelupusan aset dilakukan melalui proses yang telus termasuklah membeli hartanah daripada pasaran terbuka. Lelongan dan bukan melalui

trity peribadi semata-mata. Selain itu, ia harus mempunyai panel penilai yang bebas dan berkelayakan, termasuk jurunilai antarabangsa. Setiap pembelian haruslah dibuat hanya setelah sekurang-kurangnya Dana Amanah Maafkan saya Tuan Yang di-Pertua, Dana Amanah Bumiputera ini saya sebut tadi bahawa walaupun ia tidak begitu banyak, tetapi mempunyai potensi penyelewengan dalam urusan ini, terutama dalam sektor hartanah yang mempunyai risiko-risiko yang tersendiri.

Kita tidak mahu berlakunya penyelewengan di mana dana ini terpaksa menjadi korban untuk menyelamatkan individu-individu tertentu sahaja, terutama mereka yang gagal melaksanakan projek. Walaupun telah diberi kontrak dan bantuan berjuta ringgit oleh kerajaan. Biarlah dana ini membuktikan orang Melayu juga pandai berniaga dan bukan hanya meminta belas kasihan daripada kerajaan semata-mata. Kesilapan kita pada tahun 1990an, ialah terlalu ghairah mengujudkan kumpulan elit peniaga yang diharapkan menitipkan sedikit rezeki mereka yang mereka perolehi kepada perusahaan kecil.

Rupa-rupanya harapkan pagar, pagar makan padi. Kerajaan dan rakyat pula yang terpaksa menanggung beban untuk menampung hutang-hutang mereka yang bernilai berbilion ringgit itu. Saya harap dana ini tidak menjadi satu lagi alasan untuk membayar hutang para peniaga besar yang gagal mengemudi perniagaan mereka dengan baik.

Kita tidak boleh sentiasa menjadi penyelamat atau ceti untuk mereka. Lebih baik wang itu digunakan untuk para pengusaha kecil yang tidak berangang-angan besar tetapi realistik dalam menjalankan perniagaan mereka secara sederhana. Sebenarnya dana ini boleh memainkan peranan yang ditinggalkan oleh UDA. Dahulu UDA ditugaskan untuk menjaga kepentingan komersial bumiputera, terutama dari segi hartanah di bandar-bandar.

Namun, semenjak ianya diswastakan, UDA semacam melepas batuk di tangga. Ia gagal melaksanakan tanggung jawabnya yang terdahulu. Sebaliknya terlalu mementingkan keuntungan. Kini UDA menjadi sasaran syarikat-syarikat besar yang dahagakan tanah dan mengidam memiliki bank-bank tanah yang dipunyai oleh UDA. Bahkan ini disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi. Kita tidak harus membiarkan kepentingan bumiputera terus digondol oleh peniaga ligat yang ingin kaya cepat. Bank-bank tanah bumiputera harus dikendalikan dengan penuh tanggung jawab dan keuntungan harus juga mengambil kira kepentingan umum.

Tanggung jawab kerajaan bukanlah untuk memastikan sesetengah *corporate riders* ini berjaya. Tetapi masyarakat secara amnya, juga mendapat nikmatnya. Oleh itu, kita wajib melihat semula peranan UDA dalam memartabatkan ekonomi bumiputera. Tanah yang diberikan kepada UDA telah dianugerahkan dengan harga yang murah dan tidak patut dijual kepada segelintir pihak demi keuntungan mereka sahaja. Taksiran nilai hartanah UDA harus mengambil kira pelepasan dan diskaun premium yang banyak diberikan oleh kerajaan dahulu.

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Omar.

Dato' Omar bin Faudzar: Saya tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Puad tadi mengenai harta Bumiputera ini. Mungkin ya, mungkin di setengah-setengah negeri seperti Johor, kita tidak timbul apa-apa masalah sebab kita ada tanah-tanah rizab Melayu. Kalau katakan sekarang kita jual, kita ada UDA, kita ada Yayasan. UDA khususnya UDA, di Pulau Pinang, saya ambil contohnya, kita bangunkan rumah-rumah kos rendah.

Akhirnya, rumah-rumah ini dah naik harga dengan begitu tinggi ya? Tujuan utama UDA tadi adalah untuk membantu orang Melayu. Tapi disebabkan harga melambung begitu tinggi, orang-orang Melayu jual tanah-tanah. Jual rumah-rumah mereka. Macam mana kita hendak pastikan bahawa harta-harta ini tak lari? Tujuan utama UDA untuk membantu orang Melayu itu akan kekal selama-lamanya? Kalau tidak sekadar dia buat rumah jual, syarat untuk bantu orang Melayu sudah selesai. Tapi akhirnya, masih lagi orang Melayu tak dapat memegang harta-harta yang telah dijual dan objektif kerajaan tadi tak tercapai juga. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya menyokong. Menyokong keputusan kerajaan untuk menghidupkan balik peranan UDA seperti asal setelah UDA yang ada sekarang ini dan sebelum ini dikorporatkan kemudian diswastakan yang disebut oleh Menteri tadi. Saya menyokong penubuhan satu Yayasan yang baru, yang khusus yang mempunyai satu dana yang besar untuk memastikan bahawa orang Melayu khususnya di kawasan bandar tidak tertinggal daripada pemilikan hartanah ini.

Saya harap Yayasan ini juga memberikan tumpuan khususnya di negeri-negeri seperti di Pulau Pinang yang tidak ada tanah yang disebut sebagai *reserve* Melayu dan sebagainya. Tetapi penubuhan yayasan ini memang cukup penting kerana sebelum ini

apabila peranan UDA itu sudah lari, bahkan ada pula tanahnya yang dibeli oleh syarikat-syarikat asing yang memang berminat untuk melakukan dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *penetration.....*

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad: Minta laluan Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Maka inilah yang menyebabkan saya merasakan bahawa penubuhan yayasan ini adalah merupakan satu perkara yang perlu disokong, cuma ia mestilah diurus dengan penuh amanah. Jangan berlaku lagi nanti seperti mana yang berlaku sebelum ini penyelewengan, salah guna dan sebagainya. Silakan.

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi. Saya kalau tidak salah, UDA ditubuhkan pada tahun 1971 bulan Oktober atau November macam itulah, dengan tugas asalnya untuk *restructure society urban areas*, dengan izin, tugas mutlaknyanya. Itu aktanya. Ia boleh *declare* satu *urban development area*, dengan izin. Adakah yayasan amanah sekarang yang menggantikan tempat UDA mempunyai tugas sedemikian rupa *restructure society urban areas*. Itu matlamat asalnya tahun 1971 yang mana ditubuhkan pada masa itu oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri, Tun Haji Abdul Razak pada masa itu kalau tidak salah saya.

Jadi sekarang kalau sekiranya kita lihat masa UDA tubuh dahulu tahun 1971 hinggalah tahun 1985, perkembangan UDA sangat hebat. Ia boleh buat Taman Tun Dr. Ismail, Subang Jaya, macam mana kita bina Pertama Kompleks di tengah-tengah bandar, kota raya di bandar raya Kuala Lumpur, macam Taman UDA di Johor dan kita juga bangunkan projek-projek baru. Itu tugas UDA. Ia beli tanah, ia ambil tanah daripada kerajaan bangunkan untuk beri kepada rakyat-rakyat berbilang kaum. Macam Pudu Raya dibina oleh UDA juga. Di situ kita letakkan usahawan-usahawan dengan 70-30 yang mana usahawan bumiputera berganding bahu dengan kaum *non* bumiputera dan mereka berhasil dalam kejayaan perniagaan mereka. Adakah yayasan yang dimaksudkan untuk ditubuhkan itu iaitu Yayasan Amanah tadi mempunyai kuasa sebagaimana UDA dahulu. Apa pandangan Yang Berhormat dalam hal ini? Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, itulah sebenarnya yang dijanjikan oleh pihak kerajaan dan itulah yang disebutkan dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini bahawa memang penubuhan yayasan itu ialah untuk

mengembalikan peranan UDA yang asalnya setelah UDA yang ada sekarang ini telah diswastakan dan lari daripada peranan yang telah membawa banyak kejayaan seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi iaitu seperti Bandar Baru UDA dan sebagainya. Memang banyak kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita wajar mempertahankan nilai-nilai DEB ataupun matlamat DEB walaupun diasak arus globalisasi kerana yang kita hadapi daripada AFTA, WTO dan kehendak perjanjian-perjanjian perdagangan bebas dengan negara asing wajar ditangani dengan mengambil kira keperluan dalaman. Banyak negara yang menyesali penjualan aset negara kepada orang asing termasuk di rantau ini. Indonesia sebagai contoh menghadapi tekanan IMF untuk menjual aset negara dan kini ribuan pekerja dibuang. Thailand merasakan impak yang sama dan pemilihan kerajaan Thaksin Shinawatra ialah reaksi kepada semangat jati diri rakyat Thailand yang menolak penjualan aset kepada perusahaan asing.

Oleh itu, kita tidak boleh mengambil ringan desakan beberapa pihak yang mahukan penjualan aset negara dinilai dengan kaca mata kepentingan dalaman. Kita perlu ingat bahawa kebanyakan aset yang dijual adalah aset yang didirikan atas dasarnya merupakan keperluan negara. Kerajaan mengorbankan hasil cukai dan keuntungan demi membina aset ini. Bila pengkorporatan dan penswastan berlaku, aset-aset ini dengan mudah pula dijual dengan harga yang murah. Seharusnya kita sedar dalam menghadapi bajet defisit harta negara sebegini sukar untuk diwujudkan semula.

Saya merasakan syarat-syarat FIC sudah mencukupi tetapi terlalu banyak pengecualian yang dibuat. Ini mengakibatkan dasar FIC cuma menjadi satu panduan kosong yang tidak mampu melindungi kepentingan negara. Saya mengesyorkan Kementerian Kewangan dan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) mengkaji semula garis panduan FIC yang dikeluarkan. Lebih penting lagi saya mengesyorkan agar keputusan-keputusan FIC dinilai semula dan pengecualian ditimbang dengan lebih terperinci.

Liberalisasi ekonomi adalah baik tetapi kita jangan lupa bahawa di negara-negara maju pun kepentingan negara dikawal. Amerika Syarikat contohnya, adalah satu kuasa ekonomi yang sangat liberal tetapi masih mempertahankan *unocal* daripada pembelian oleh CNOIC, sebuah syarikat milik kerajaan China.

Di Senate Australia, pembelian saham syarikat telekomunikasi dan penerbangan oleh perusahaan milik individu dan kerajaan asing diperdebatkan dengan panjang dan

serius sebelum keizinan diberikan. Oleh itu kita jangan terlalu mengambil mudah perkara ini hingga anak cucu kita nanti menyesal di kemudian hari. Syarikat-syarikat GLC misalnya, banyak dikendalikan oleh profesional, tetapi mereka tidak pula dikawal oleh pengarah-pengarah bukan eksekutif yang mempunyai latar belakang yang memastikan kepentingan negara terjamin.

Sebaliknya ramai pengarah ini diganti oleh profesional juga. Kadangkala mereka ini hanya mempunyai pengalaman bekerja di pusat-pusat perniagaan antarabangsa tetapi tidak pernah bekerja dalam negara. Contohnya, pengarah dan ketua jabatan dalam Khazanah Nasional yang diambil daripada kalangan profesional yang tidak ada pengalaman bekerja dalam negara. Adakah ini wajar sedangkan mereka seharusnya diberikan pengalaman dalam negara terlebih dahulu sebelum dilantik ke jawatan-jawatan tinggi sebegini.

Kita semacam menganaktirikan mereka yang mempunyai pengalaman tempatan dan cuba menukar secara borong dengan cara yang moden kononnya daripada luar negara. Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Minta laluan Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya, silakan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik tadi dengan ucapan Yang Berhormat iaitu syarikat-syarikat GLC ini dibeli oleh orang yang tidak berpengalaman. Adakah perkara berat sebegini kebanyakan syarikat GLC seperti saya hendak bagi misalan , MAS, MRCB, Renong yang mana kerajaan memberi kemudahan kepada korporat-korporat Melayu untuk menjalankan tanggungjawab sebagai perniagaan, tetapi mereka ini telah gagal ataupun seperti kata Yang Berhormat tadi menyalahgunakan dana yang diberikan oleh kerajaan.

Tetapi yang menghairankan kita, kenapa mereka ini masih bebas tidak ada tindakan yang diambil seperti MAS. Sehingga sekarang MAS mengalami kerugian kerana apa? Kerana diswastakan kepada satu orang. Jadi ini adalah punca-puncunya. Saya setuju Yang Berhormat tadi, kerajaan sudah melalui pengalaman tetapi masih lagi tidak ambil tindakan. Jadi saya haraplah pada ucapan Yang Berhormat tadi diambil perhatian dalam Dewan ini. Banyak kali kita sudah bercakap tentang syarikat ini tetapi kerajaan tidak ambil berat. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya tidak menentang primadona korporat ini diberi peranan untuk

memegang GLC-GLC yang ada di negara kita ini. Tetapi biarlah berpada, biarlah seimbang. Biarlah maksudnya kita mengadunkan antara yang lama dengan yang baru supaya mereka yang memimpin GLC ini tidak lupa kepada tanggungjawab sosialnya iaitu jangan hanya memikirkan keuntungan tetapi akhirnya soal tanggungjawab sosial juga dilupakan. Ini sebenarnya yang ingin saya bangkitkan bila menyentuh soal GLC tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah tajuk “Rumah Selesa Keluarga Bahagia” dalam Bajet 2006, kerajaan ada menyebut telah memperuntukkan RM1.1 bilion untuk pembinaan 26,000 *quarters* polis dalam tahun 2006. Langkah ini amat wajar sekali sebagai penghargaan rakyat kepada pihak polis yang menjalankan tugas harian mereka melindungi rakyat daripada segala gejala jenayah.

Namun saya masih teringat kepada skandal kuarters dan ibu pejabat polis yang terbengkalai termasuklah bangunan Ibu Pejabat Polis Daerah Perak Tengah. Kejadian-kejadian seperti ini amat mendukacitakan terutama apabila ia menyulitkan pihak polis dalam menjalankan tugas mereka dengan sempurna. Kita tidak mahu kerajaan sebagai tidak prihatin kepada mereka yang telah mendedikasikan hidup dan kerjaya mereka dalam membantu rakyat.

Saya difahamkan sebanyak 12 kuarters polis bernilai RM500 juta dibiarkan terbengkalai pada tahun yang lalu. Jikalau kelemahan kedudukan kewangan kontraktor adalah puncanya, maka apakah kerajaan prihatin dengan keadaan ini untuk mengelakkan pisang berbuah dua kali. Jangan diberi peluang, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan jangan diberi peluang lagi kepada kontraktor-kontraktor yang tidak bertanggungjawab untuk merosakkan kehidupan para pegawai dan staf polis yang bertungkus-lumus menjalankan tugas mereka. Kerajaan harus tegas dalam menapis kelayakan kontraktor-kontraktor berkenaan dan memastikan tidak ada pengulangan berlaku. Misalnya masalah seperti PSCI yang gagal melaksanakan janji-janjinya walaupun menerima imbuhan berbilion ringgit daripada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa gusar melihat di dada akhbar betapa banyaknya rumah kos rendah dan sederhana yang dilelong. Kebanyakannya dibina dengan subsidi kerajaan dan hanya dijual dengan harga puluhan ribu ringgit lebih murah daripada sebiji Proton Iswara. Penjualan ini rata-rata hasil rampasan bank daripada peminjam yang berketurunan Melayu. Kadangkala kita lihat pendapatan peminjam ini terlalu sedikit hinggakan pinjaman dan milikan terpaksa dikongsi dua atau tiga nama itu

pun mereka masih tidak mampu membayar ansuran bulanan yang angkanya tidak sampai RM500 pun sebulan.

Penjualan lelong ini semakin menyedihkan bila rumah tersebut dibeli pula oleh sindiket-sindiket yang menggunakan nama sesetengah pekerja bumiputera untuk mendapatkan hartanah tersebut melalui cara lelongan mahkamah. Kemudian rumah-rumah kos rendah ini disewakan balik kepada pemilik asalnya ataupun pendatang tanpa izin yang menjadikannya rumah kongsi. Keadaan ini sangat membimbangkan kerana lama-kelamaan masyarakat yang diharapkan mendapat manfaat daripada dasar-dasar kerajaan untuk menggalakkan pemilikan rumah persendirian akhirnya menjadi penghutang tegar dan kehilangan tempat berteduh.

Saya rasa sudah tiba masanya kita menilai semula peranan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam hal ini. Kementerian tersebut seharusnya lebih peka terhadap milikan rumah kos rendah baik oleh bumi ataupun bukan bumi. Pembayaran ansuran kepada bank-bank merupakan satu beban yang tidak wajar dipikul oleh mereka yang tidak mampu kerana undang-undang negara boleh mengasak mereka ke arah situasi bankrap. Sebaliknya kementerian dan juga pihak-pihak berkuasa tempatan boleh memainkan peranan untuk memastikan keadaan ini tidak berlaku. Saya mengesyorkan bahawa unit kaunseling perumahan kos rendah diwujudkan untuk memastikan segala pinjaman yang diberikan adalah berbaloi dengan pendapatan mereka yang memohon pinjaman tersebut.

Selain itu kita sepatutnya menimba pengalaman dari Singapura di mana rumah-rumah kos rendah dan sederhana yang didirikan oleh HDB (*Housing Development Board*) tidak boleh digadaikan atau dicagar kepada bank yang akan melelong hartanah tersebut. Sebaliknya jika peminjam gagal untuk melangsaikan hutang mereka, maka hartanah tersebut menjadi milik pihak berkuasa tempatan yang terus mengutip sewa daripada penghuni dengan memastikan kepentingan bank dan rakyat terpelihara. Hartanah di HDB ini tidak boleh dilelong dan mereka menjadi bankrap tidak akan kehilangan hartanah HDB, sebaliknya ia terus menjadi tempat keluarga berteduh. Ini merupakan pendekatan yang lebih berperikemanusiaan dan sesuai dengan matlamat kerajaan untuk mengangkat golongan miskin tegar daripada penghidupan yang mereka hadapi sekarang.

Kementerian Perumahan seharusnya lebih fokus terhadap menjadikan rakyat mampu memiliki rumah sendiri. Kerajaan negara-negara jiran dan juga negara maju dalam menyediakan perumahan mampu adalah satu matlamat yang wajar kita contohi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang isu Bank Islam. Fokus Bajet 2006 terhadap pembinaan insan adalah sangat dialu-alukan. Bajet 2006 ada menyebut tentang penubuhan institut pengurusan bertaraf dunia. Saya ingin melihat penglibatan yang lebih intensif dalam mencantumkan industri kewangan dengan nilai-nilai murni agama Islam sebagai pelopor industri perbankan Islam, Malaysia menjadi ikutan dunia dalam memperkenalkan perbankan Islam yang menarik. Selain itu kita telah membuka pintu kepada penglibatan bank-bank asing yang berlandaskan syariah untuk bergerak dalam negara ini sama ada melalui perbankan runcit mahupun perbankan pelaburan.

Saya mengalu-alukan langkah Bajet 2006 untuk menggalakkan lagi industri perbankan Islam ini. Namun apa yang kurang ialah kewujudan golongan profesional perbankan Islam yang dicerna oleh negara kita sendiri. Saya melihat hanya segelintir nama yang mendapat penghormatan daripada luar negara sedangkan banyak makalah serta fatwa-fatwa yang masih divedok daripada cendekiawan luar terutama daripada Timur Tengah selain daripada Amerika Syarikat.

Saya ingin mengesyorkan kewujudan Institut Perbankan Islam yang melatih teknokrat untuk menjadi pelopor industri ini di peringkat antarabangsa. Untuk memastikan mereka ini benar-benar berwibawa, saya ingin mencadangkan supaya para pelajar institut ini hanya diambil daripada kalangan graduan bidang-bidang berkaitan seperti undang-undang, ekonomi, perakaunan dan pentadbiran perniagaan sahaja yang harus mempunyai wawasan untuk menjadi setaraf dengan *Harvard Business School* bagi dunia perbankan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit dalam soal pendidikan. Pendidikan terus menjadi fokus kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan untuk itu kita harus berterima kasih. Pelepasan cukai RM4000 yang diberikan secara automatik bagi setiap anak yang belajar di IPTA yang diiktiraf adalah wajar sekali. Ini termasuk pelepasan cukai bagi anak kurang upaya yang menuntut di peringkat pengajian tinggi mulai tahun hadapan.

Saya juga amat gembira melihat peruntukan untuk pembangunan sektor pendidikan negara telah bertambah kepada RM5 bilion dalam Bajet 2006 berbanding

dengan RM4.3 bilion dan RM3.4 bilion pada tahun-tahun yang sebelumnya. Tetapi pertambahan ini masih belum mencukupi sebenarnya, perjalanan kita masih jauh, isu pendidikan bertaraf dunia atau *world class* sepatutnya tidak hanya tertumpu pada pengajian tinggi sahaja, tetapi kita juga wajib mewujudkan pendidikan bertaraf *world class* di peringkat sekolah rendah dan menengah. Oleh itu jangan ada sesiapa yang cuba mempersoalkan agenda memartabatkan sekolah kebangsaan yang sering disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dalam hal ini kaedah pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris mesti ditingkatkan.

Kerajaan perlu memikirkan bagaimanakah para pendidik kita benar-benar memenuhi kualiti tinggi untuk mengajar mata pelajaran berkenaan di peringkat sekolah rendah dan menengah. Oleh itu kerajaan wajar memberikan perhatian serius ke atas cadangan yang sudah pun diulang-ulang beberapa kali, iaitu menubuhkan segera beberapa sekolah elit seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Sains dan Teknologi untuk dijadikan sebagai *frontier* untuk kita menyediakan para pelajar daripada peringkat awal lagi yang sudah berminat, dan dijuruskan untuk menjadi kumpulan elit muda untuk mengeksplorasi teknologi tinggi di luar negara dan memindahkan teknologi tinggi tersebut ke negara kita.

Kita jangan lagi hanya menjadi pengemis minta orang pindahkan teknologi tinggi ke negara kita sehingga kita wujudkan HICOM buat kereta sendiri, tetapi akhirnya teknologi tidak juga berpindah dan kita hanya menjadi alat sahaja pengeluar kereta-kereta atas nama jenama Malaysia. Yang lebih malang akhirnya kita sendiri bergaduh sesama sendiri tuduh menuduh dan bertengkar mengenai IT bukannya berbahas mengenai industri automatik negara dan bagaimana teknologi automotif dapat dipindahkan ke negara kita.

Di samping itu pendedahan oleh Menteri Pelajaran mengenai masalah sekolah-sekolah kebangsaan di luar bandar yang masih jauh ketinggalan dari segi kemudahan prasarana amat membimbangkan.

Oleh itu di Dewan yang mulia ini, saya ingin tahu apakah tindakan yang sudah diambil untuk mengatasi masalah 794 buah sekolah kebangsaan yang tidak mempunyai bekalan elektrik awam, dan 1,555 buah sekolah yang tidak mempunyai bekalan air awam yang didedahkan sendiri oleh Menteri Pelajaran ketika berucap di Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini. Kita juga pernah dikejutkan oleh isu sekolah yang usang

dan perlu segera di baik pulih. Saya mengambil contoh Tuan Yang di-Pertua, Sekolah Kebangsaan Bukit Soga di Batu Pahat, jaraknya cuma 3 kilometer daripada pusat bandar. Sekolah ini didirikan pada tahun 1921, ia dikelilingi oleh taman-taman perumahan yang tumbuh seperti cendawan, tetapi yang menyedihkan ialah sekolah ini sudah usang. Mereka telah memohon bangunan baru kerana jumlah pelajarinya terlalu ramai iaitu 1,028 orang sedangkan jumlah bilik darjah jauh daripada mencukupi. Pihak PIBG telah pun menghantar memorandum tetapi belum ada sebarang tindakan diambil hingga ke hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita digemparkan pula kerana *ranking* Universiti Malaya dalam senarai *Times Higher Education Supplement* (THES) telah jatuh daripada nombor 89 kepada 160. Kejutan ini perlu ditangani dengan serius, ada pihak yang mempersoalkan apakah perlu kita mengambil berat senarai yang sebenarnya tidak begitu cocok sebagai kayu pengukur kemantapan sesebuah IPT terutama di rantau Asia ini. THES adalah lebih bermakna kepada universiti-universiti negara maju. Kesedaran ini tidak mengambil kira faktor setempat terutama faktor kekurangan sumber di negara-negara membangun. Sebenarnya jika kita telus dan ikhlas kita tidak wajar melihat isu ini daripada perspektif pengajian tinggi sahaja.

Bagaimana dengan sekolah rendah dan menengah, apakah kualiti yang ada di sekolah rendah ataupun di peringkat rendah dan menengah tidak mempengaruhi kemerosotan kedudukan IPT kita dalam *ranking* dunia sekarang ini. Kita juga mesti melihat isu ini daripada kaca mata yang berbeza. Tahun 1197 sewaktu negara mengalami krisis ekonomi kita terpaksa mengurangkan banyak biasiswa ke luar negara. Kos perbelanjaan pendidikan luar negara menjadi terlalu mahal dan lebih logik jika kita membelanjakan wang ini dalam negara demi menaikkan kualiti IPT tempatan supaya pelajar dapat menikmati mutu pendidikan yang setaraf dan boleh didapati di luar negara. Sayangnya, melalui kedudukan THES ini nampaknya kita masih belum berjaya meningkatkan mutu pendidikan di IPT tempatan, jadi di manakah wang yang diijamatkan daripada biasiswa yang dikurangkan itu. Adakah ianya hilang ditelan angin? Sepatutnya wang itu dilaburkan ke arah meningkatkan mutu pendidikan IPT dalam negara.

Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin bangkitkan di sini ialah, kita sudah pun mengkorporatkan universiti. Apakah hasilnya sekarang ini? Saya yakin sudah sampai masanya kerajaan mewujudkan satu atau dua universiti elit di negara ini.

Ini tidak bermakna kita akan meninggalkan universiti-universiti awam yang lain, Tujuannya hanyalah untuk mewujudkan persaingan dalam usaha mendapatkan tajaan syarikat-syarikat besar untuk penyelidikan dan pembangunan, tenaga kerja antarabangsa serta para penyelidik yang bermutu. Kita boleh bermula dengan Universiti Malaya sebagai asasnya, Universiti Malaya patut diletakkan di aras yang berlainan dengan matlamat khusus untuk menjadi universiti elit negara ini.

Syarat kemasukan perlu diperketatkan, jumlah pelajar pasca siswazah dipertingkatkan dan sekolah-sekolah khusus untuk pengajian elit yang didasarkan atas institusi seperti *The John F. Kenedy School of Government di Harvard* atau *Eco Nationally the Administration di Southbound* perlu diasaskan. Saya juga merasakan kita perlu membuang tradisi yang sudah tidak relevan, antaranya termasuklah pelantikan canselor yang bersifat *honorific* di banyak universiti di Amerika, malah di Britain canselor atau presiden universiti sudah mula dipilih daripada kalangan orang-orang yang mampu menumpukan sepenuh masa terhadap usaha membangunkan universiti termasuk mencari dana, tajaan dan menawan hati para akademik bertaraf antarabangsa, bukan hanya sebagai simbol seperti di negara kita. Kita tidak lagi mampu menyerahkan tugas ini kepada naib-naib canselor semata-mata yang lebih cenderung terhadap penyelenggaraan rutin harian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang pembangunan keluarga. Saya harap Kementerian Wanita, Pembangunan Keluarga dan Masyarakat memberikan perhatian kepada unit kaunseling bahagian rumah tangga wajar diwujudkan apa yang dikatakan sebagai penggerak keluarga di setiap DUN atau kawasan Parlimen di mana mereka ini boleh bertugas sebagai seorang kaunselor rumah tangga yang bekerja rapat dengan NGO-NGO yang berkaitan. Tetapi mereka ini mestilah dilantik di kalangan mereka yang berpengalaman, berkelayakan dan komited. Sekarang ini kita berhadapan dengan pelbagai isu yang memeningkan kepala, seperti lelaki kahwin lelaki, perempuan kahwin perempuan atau lelaki tukar jantina jadi perempuan kemudian kahwin dengan lelaki.

Saya bimbang gejala ini akan menular hingga keluar bandar. Kalau sekarang kita masih ada rasa jijik, terkejut dan hairan terhadap gejala tersebut, tetapi percayalah 10 tahun akan datang mungkin pula ada NGO dan pihak-pihak tertentu yang akan menyokong secara terbuka terhadap fenomena baru ini. Lihat sahaja di akhbar-akhbar kita sudah banyak agensi-agensi mencari jodoh yang wujud, lebih membimbangkan lagi

sudah wujud iklan-iklan yang menawarkan secara terbuka melalui akhbar-akhbar utama mengenai perkhidmatan kepada sesiapa sahaja yang ingin mencari pasangan kerana kesunyian, bosan di rumah dan keluar malam untuk bersosial. Jangan nanti kita jadi macam di Indonesia Tuan Yang di-Pertua, wujud secara bebas akhbar-akhbar tabloid yang menawarkan perkhidmatan seks secara terbuka siap dengan gambar wanita yang berpakaian bikini tanpa segan silu. Apakah gejala ini sesuai dengan budaya kita dan mahu dibiarkan berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin membangkitkan isu yang berkaitan dengan golongan yang dikenali sebagai ibu tunggal. Di tempat saya sudah ada persatuan ibu tunggal yang aktif. Dengan adanya persatuan mereka sendiri di kalangan ibu tunggal ini, mereka dapat menghindarkan diri mereka daripada rasa sunyi, terpinggir dan tertekan. Apa yang membanggakan ialah mereka ini cukup aktif termasuk mengadakan aktiviti sosial, diskusi, kebajikan, kunjung mengunjungi dan bantu-membantu di kalangan ahli-ahli yang bermasalah. Baru-baru ini sempena Aidilfitri Persatuan Ibu Tunggal mengadakan kunjungan marhaban ke rumah saya dengan dua buah bas, rupanya ramai ibu tunggal Tuan Yang di-Pertua di tempat saya. Yang menjadi masalah ialah mereka ini perlukan bantuan khususnya bantuan kewangan untuk menjalankan aktiviti.

Oleh itu saya harap Kementerian Wanita Pembangunan Keluarga dan Masyarakat dapat mengiktiraf penubuhan persatuan seperti ini sebagai satu NGO yang mendapat geran untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan kekeluargaan. Kita kena terima hakikat bahawa mereka ada tanggungjawab, ada bebanan dan banyak masalah. Cuma Tuan Yang di-Pertua, selama pergaulan dan percampuran saya dengan persatuan ibu tunggal ini barulah saya faham bahawa sebenarnya ibu tunggal ini ada 4 kategori.

Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk menyatakan kategori-kategori tersebut:

- (i) mereka ini menjadi janda kerana faktor kematian suami sama ada kerana sakit, kemalangan jalan raya dan sebagainya. Mereka ini saya anggap sebagai ibu tunggal *genuine* dan masih menaruh harapan untuk berkahwin lagi;
- (ii) mereka ini menjadi janda kerana faktor perceraian. Majoriti daripada menjadi janda kerana mangsa kezaliman kaum lelaki, diceraikan atau ditinggalkan atau terpaksa minta cerai semata-

mata suami tidak jujur, kahwin lain, tidak bertanggungjawab, suka berjudi dan sebagainya. Golongan ini juga masih bersedia untuk mendapat suami baru jika ada jodoh;

- (iii) ibu tunggal - Ini adalah golongan yang bertekad tidak mahu kahwin lagi lantaran serik dan takut dipermainkan lagi oleh kaum lelaki. Ada juga yang lebih suka untuk terus hidup menjanda kerana mahu memberi tumpuan kepada pendidikan anak-anak yang sudah membesar dan dewasa atau malu kepada anak-anak, keluarga atau masyarakat jika mereka kahwin lagi.
- (iv) ibu tunggal - Ini adalah janda yang kalau kita kahwin pun tidak membawa sebarang makna kerana mereka sudah menopause, sudah terlalu dingin dan tidak ada *feeling*. Mereka ini sendiri tidak berminat untuk kahwin lagi kerana mereka sendiri sudah maklum bahawa segala-galanya udah tertanggal.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Minta laluan Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ini nak marah ke apa?

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa yang diungkapkan dalam perbahasan oleh Yang Berhormat Dr. Puad tadi. Saya cuma nak tahu, Ibu Tanggal ini Yang Berhormat Dr. Puad dah kenal pasti ke yang mereka ini memang dah menopause?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ini kerana saya Tuan Yang di-Pertua memang banyak membantu ibu tunggal dan banyak bergaul, berhubung berbincang dengan mereka ini jadi sebab itulah saya dapat mengenal pasti ini kerana untuk menjadi hujah bahawa mereka ini perlu mendapat bantuan dan geran daripada kementerian sebenarnya supaya mereka dapat berperanan. Sebenarnya di tempat saya contohnya Tuan Yang di-Pertua, PDK (Pusat Dalam Komuniti) banyak menerima bantuan daripada Persatuan Ibu Tunggal ini sebenarnya dalam keadaan hendak mencari dana pun susah tetapi kadang-kadang mereka memberi bantuan kesukarelaan sebenarnya dalam

memastikan aktiviti yang saya lakukan melalui PDK ini mendapat bantuan daripada mereka secara percuma.

Ini yang ingin saya perhujahkan sebenarnya kenapa kerajaan harus memberi perhatian bahawa mereka mesti dilihat sebagai NGO yang berperanan sebenarnya iaitu untuk membela Ibu Tunggai, Tunggai, Tunggai dan Tunggai ini.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Yang Berhormat minta laluan. Saya nak memperbetulkan ayat Ibu Tunggai itu yang sebenarnya itu patut dipanggil Ibu Bijak bukan Ibu Tunggai dia serik dah kerana perbuatan orang lelaki. Yang keduanya tentang menopause itu mana ada menopause sekarang ada HRT. Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, tetapi ada satu lagi golongan lain yang juga kita perlu beri perhatian iaitu golongan wanita profesional yang tidak berkahwin. Apakah kementerian ada formula untuk menangani gejala ini walaupun jodoh di tangan Tuhan. Semalam pun kita baca satu rencana yang ditulis oleh isteri kepada Timbalan Perdana Menteri kita. Sekurang-kurangnya perlu difikirkan agar ia tidak melarat dan membawa kesan sosial yang lain. Saya berani bertaruh mereka ini sebenarnya bukan tidak mahu berkahwin tetapi mereka berhadapan dengan masalah kesukaran untuk mencari suami ataupun pasangan hidup.

Berdasarkan pergaulan saya dengan mereka, wanita profesional ini sebenarnya masih bersedia untuk dimadu tetapi dasar lelaki mereka lebih suka mencari isteri tambahan di kalangan anak dara puteri, ibu tunggal lagi tak masuk kepala. Macam saya ini pula Tuan Yang di-Pertua yang sudah pun ada lapan orang anak dan seorang isteri memang tidak ada keinginan untuk berpoligami. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*it is never in my agenda but always in my mind*". Cuma saya ingin memberi nasihat kepada kaum wanita. Ketika suami masuk ke umur 40 tahun.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Yang Berhormat minta laluan, *I like your last statement tadi it always in my mind tadi you* katakan? Adakah Yang Berhormat itu golongan di antara orang yang 3T? Maksudnya 'teringin tetapi takut'.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Lebih kurang begitulah Yang Berhormat. Tetapi bukan takut kepada isteri takut tidak mampu memikul tanggungjawab. Saya ingin memberi nasihat kepada golongan wanita kaum wanita terutama yang mudalah, ketika suami masuk ke umur 40 tahun berhati-hatilah. Bagi kaum lelaki dengan izin, *life begins at 40*. Ketika itu jiwa dan fikirannya memberontak menjadi terlalu muda sama ada dia menggoda atau dia digoda. Nasihat saya kepada kaum wanita ialah.....

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Yang Berhormat minta laluan. *Life begin at 40* itu tidak benar Yang Berhormat, kami telah pergi kursus oleh Dr. Ismail Tambi. Dia kata orang lelaki yang sebenarnya ego yang mana 40 tahun ini dia pun dah tak boleh pakai lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Terus Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Saya tak ada komenlah Tuan Yang di-Pertua. Cuma ini nasihat kepada kaum wanita, nasihat saya kepada kaum wanita ialah ketika suami berada di peringkat umur tersebut, tumpukan kepada rumah tangga. Makan kena sedap, *make up* kena tebal, bercakap jangan menengking, jangan melawan cakap suami, pakaian di rumah biarlah seksi sedikit. Pastikan anak-anak di rumah, pastikan anak-anak kita sentiasa bermanja dengan suami. Terus kanlah amalan ini sampai umur suami menjejaki kepada 49 tahun. Kalau ketika itu dia masih ok, insya-Allah selepas itu dia akan terus ok.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada isu wanita profesional yang tidak berkahwin, ini gejala yang perlu diberi perhatian serius. Saya ingin memetik pandangan Datin Seri Maznah Rais mengenai isu ini. Kata beliau, golongan wanita profesional sukar mencari suami kerana terlalu menumpukan perhatian mereka kepada bilik kuliah sehinggalah ke peringkat latihan profesional dan waktu untuk membina karier hidup.

Sejak dari tahun pertama di universiti hingga sampai dapat kerja termasuklah latihan profesional biasanya akan memakan masa antara enam hingga tujuh tahun. Jika masuk universiti pada umur 19 tahun maka pada umur 25 atau 26 tahun barulah seseorang itu akan mendapat pekerjaan profesional penuh. Untuk sampai ke paras umur tegap ekonomi biasanya pula pada usia 28 hingga 30 tahun. Ketika itu masalah mencari pasangan hidup yang sesuai sudah muncul.

Lelaki bukan profesional pula biasanya tidak berani merapati atau intim dengan wanita profesional atas alasan enggang sama enggang, pipit sama pipit. Amat sukar mencari wanita profesional berkahwin dengan lelaki yang lebih rendah tarafnya, ada memang ada. Contohnya saya pernah berjumpa seorang doktor wanita berkahwin dengan seorang pemandu bas yang kebetulan menjadi pemandu bas untuk membawa doktor-doktor pelatih bertugas semasa doktor itu menjalankan *housemen ship* nya dengan izin tetapi cinta itu buta dan ini amat jarang berlaku. Masalah ini bertambah buruk kerana jumlah penduduk wanita lebih ramai daripada penduduk lelaki.

Oleh itu apakah yang boleh dilakukan oleh kementerian untuk mengatasi fenomena ini. mereka adalah golongan profesional yang banyak menyumbang kepada pembangunan negara bahkan negara akan mengalami kerugian besar kerana kalau mereka terus membujang, negara akan kehilangan zuriat yang berpotensi cerdik dan profesional.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh sedikit tentang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya berharap kementerian ini benar-benar memberikan perhatian kepada isu landskap di negara kita ini. Saya mengambil contoh walaupun saya tidak pernah ke Shang Hai saya diberitahu bahawa penanaman pokok di Shanghai itu jauh begitu hebat berbanding dengan negara kita. Oleh sebab itulah saya berharap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini memastikan bahawa kita mempunyai dana yang mencukupi untuk membangunkan landskap di negara kita seperti penanaman pokok dan sebagainya. Baru-baru ini kita mengadakan kempen penanaman bunga raya sebagai bunga kebangsaan kita ini.

Tetapi saya tidak tahu apa terjadi selepas daripada itu. Apakah kempen ini benar-benar berlaku ataupun tidak dan sebab itulah saya berharap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jangan sebegitu mudah menolak sebarang cadangan untuk kita membina lebih banyak pusat rekreasi khususnya di kawasan luar bandar. Saya membangkitkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah kerana saya mencadangkan untuk membangunkan satu kawasan sungai di tempat saya itu sebagai tempat rekreasi untuk kemudahan orang ramai dan sebagainya untuk beriadah untuk melakukan aktiviti-aktiviti yang merapatkan lagi hubungan sesama masyarakat di kawasan berkenaan.

Walaupun majlis perbandaran memperakukan cadangan tersebut tetapi ditolak dengan begitu mentah oleh kementerian dan sampai sekarang ini pun hendak berjumpa Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sampai dua tahun, sudah memohon *appointment* sampai sekarang pun tidak dapat.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang ingin saya bahaskan di dalam perbahasan perbekalan ini. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Dato' Dr. Chin Fook Weng untuk berucap.

3.31 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam Akta Perbekalan 2006 ini. Tuan Yang di-Pertua, apabila perbekalan ini dibentangkan di satu sidang yang dihadiri bersama Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara itu, maka kita telah mendengar Perdana Menteri menyatakan empat strategi yang telah dicadangkan itu memandangkan bajet ini sudah menjadi bajet yang pertama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan juga kita sudah sampai ke satu tahap di mana sudah masuk ke fasa yang kedua Wawasan 2020 itu.

Jadi kita tidak ada banyak masa untuk mencapai apa yang telah dihasratkan dan oleh kerana itu, maka empat tumpuan yang telah diberikan itu adalah amat tinggi dan ini termasuk mengambil atau melaksanakan langkah proaktif kerajaan ke arah memesatkan kegiatan ekonomi dan pagi tadi kita telah mendengar apakah pelan-pelan dan juga rancangan-rancangan bagi mencapai strategi ini.

Yang kedua ialah tentang menyediakan persekitaran mesra perniagaan dan ini pun satu perkara yang akan menggalakkan lebih ramai orang datang ke Malaysia untuk berniaga dan juga akan memberi peluang-peluang tempatan kepada rakyat kita untuk masuk menceburi diri dalam sektor-sektor yang penting. Tidak lupa juga strategi yang ketiga iaitu tentang modal insan atau *human capital*, Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat setuju bahawa dalam sesuatu negara itu, maka modal insan itu sangat penting dan cara-cara untuk memperbanyakkan lagi modal ini adalah sangat sesuai.

Yang keempat ialah tentang meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat. Bagi saya, keseluruhan ini yang melibatkan rakyat secara berterusan dan secara langsung ialah strategi yang keempat iaitu *enhancing well being and quality of life of the rakyat*.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai hasrat-hasrat ini, maka kerajaan telah memberi 39 insentif yang penting. Saya ingin menyentuh tentang beberapa daripada insentif ini sahaja kerana saya ada beberapa komen.

Yang pertama ialah tentang lanjutan tempoh permohonan untuk galakan bagi kawasan yang digalakkan. Setahu kita, idea ini diperkenalkan memandangkan kawasan-kawasan seperti Kelantan, Terengganu, Pahang, daerah Mersing di Johor, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan itu adalah tempat-tempat yang mana tidak dapat menarik begitu ramai pelabur, khususnya pelabur asing. Oleh kerana itu,

maka ada galakan dan mengikut dasar yang sedia ada ini akan tamat pada penghujung 31 Disember tahun ini, Tuan Yang di-Pertua. Jadi cadangan yang dibentangkan ialah supaya ini dilanjutkan lima tahun lagi kepada 31 Disember 2010.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting adalah sama ada dalam masa lima tahun ini kerajaan telah membuat kajian. Kalau tiap-tiap kali sampai tamat tempoh kita lanjutkan, tanpa membuat kajian sama ada dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, dasar ini telah mencapai sasarannya. Sama ada kilang-kilang besar multinasional dan sebagainya telah melabur di tempat ini. Kalau mereka tidak berbuat demikian kenapa? Adakah kerana masalah-masalah yang dihadapi di tempat ini adalah kerana suasana perniagaan di tempat-tempat ini kurang sesuai dan sebagainya.

Kalau kita tidak membetulkan keadaan-keadaan pokok seperti saya sebutkan itu, maka sampai bila pun kita tidak dapat menarik. Baru-baru ini mungkin ada menyatakan, mungkin sudah sampai masa ditukarkan kerajaan dan sebagainya. Tetapi sama ada ini akan mengatasi masalah ini ataupun ini adalah satu perkara sementara sahaja dan mereka ini masih tidak berminat sungguhpun dengan insentif-insentif yang telah diberikan itu.

Tuan Yang di-Pertua, lebih baik kalau kerajaan memberi kita sedikit maklumat tentang berapa banyak dalam masa lebih kurang lima tahun kebelakangan ini, berapa banyak pelaburan telah berlaku di tempat-tempat yang telah disebutkan sebagai kawasan galakan. Adakah ini telah mengikut sasaran kerajaan dan apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka yang ingin ke tempat ini? Apakah dasar seperti ini telah sedikit sebanyak menjejaskan kilang-kilang dan para pekerja di tempat-tempat yang maju seperti Selangor dan negeri-negeri di Pantai Barat Semenanjung. Jadi kita kena buat satu kajian sebelum kita cadangkan bahawa dasar ini dilanjutkan. Saya berharap dalam jawapan nanti, maka sedikit maklumat tentang ini akan diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi cadangan ialah layanan cukai ke atas anggaran kerugian bagi projek perumahan kos rendah. Dalam cadangan ini, Tuan Yang di-Pertua, apa yang dimaksudkan ialah kalau projek pertama ialah membina rumah kos rendah dan projek itu telah mengalami kerugian, maka projek yang kedua mungkin mendirikan rumah mewah dan ada banyak keuntungan. Jadi keuntungan daripada projek yang kedua itu boleh diguna untuk *offset* kerugian daripada projek pertama.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya cadangan ini amat sesuai dan harus diberi sokongan, tetapi saya hanya ada sedikit pertanyaan tentang apakah syarat yang

ditetapkan. Adakah projek yang pertama iaitu satu projek perumahan kos rendah itu mesti siap, mesti diserahkan selepas mendapat sijil penghunian dan sebagainya sebelum layak diberi pengecualian dalam kerugian itu dan boleh diganti daripada projek yang kedua. Ini patut dijelaskan supaya mereka ini tidak mengambil kesempatan dan mula dengan projek kos rendah lepas itu kata sudah mengalami banyak kerugian, tak boleh siap dan kemudian telah minta supaya keuntungan dari projek itu diguna untuk mengatasi kerugian yang sudah dialami pada projek yang pertama. Bagi saya pengawasan yang ketat harus dilakukan oleh pihak berkuasa berkenaan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi insentif yang telah dicadangkan di antara 39 yang saya sebutkan itu ialah tentang memperluaskan skop galakan bagi aktiviti multimedia. Tuan Yang di-Pertua, sekarang syarikat-syarikat MSC yang beroperasi di bandar raya Cyber, seperti Cyberjaya, Kuala Lumpur City Center, Teknologi Park Malaysia, Bayan Lepas, Kulim Hi-Tech Park dan juga fakulti-fakulti multimedia di IPTA dan juga IPTS di luar daripada kawasan ini layak diberi bantuan. Apa yang telah dicadangkan ialah supaya syarikat-syarikat yang ditubuhkan tetapi tidak ditempatkan di tempat-tempat yang saya sebutkan itu, juga layak menerima galakan untuk aktiviti mereka tetapi ada dua syarat yang penting. Satu ialah ia mesti diperakukan oleh MDC atau Perbadanan Pembangunan Multimedia, itu bagi saya tidak ada masalah Tuan Yang di-Pertua.

Tetapi syarat yang kedua ialah mereka ini hanya layak menerima separuh daripada apa yang dinikmati oleh syarikat-syarikat lain, ini yang saya ingin tanya kenapa hanya separuh dan bukan keseluruhan seperti yang dinikmati oleh IPTA dan IPTS itu kerana ini juga diletak di luar daripada Cyberjaya dan mereka diberi kelonggaran khas, tetapi untuk kategori yang dicadangkan pada masa ini mereka tidak menerima apa-apa bantuan dan galakan, tetapi selepas ini akan diberi separuh daripada apa yang dinikmati oleh pihak pertama itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya memikirkan bahawa perkara ini harus dikaji dari skop aktiviti syarikat-syarikat ini, kalau aktiviti syarikat ini boleh menyumbang terus kepada pembangunan di negara kita, maka kita mesti memberi galakan sungguhpun mereka tidak meletakkan syarikat mereka dalam kawasan yang telah disebutkan itu. Mungkin dalam kawasan itu - semua tempat, semua tanah itu sudah diambil dan tidak ada tempat yang sesuai dan sama ada juga kita patut menumpukan semua pekerja itu dalam satu kawasan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, untuk satu lagi galakan ialah insentif tambahan untuk penggunaan gas asli bagi kenderaan. Tuan Yang di-Pertua, ini juga satu perkara yang sangat dialu-alukan oleh saya memandangkan subsidi yang begitu tinggi, yang diberi kepada kenderaan-kenderaan dan kalau mereka tukar kepada NGV, Natural Gas Vehicle maka kita akan menjimatkan, memandangkan begitu banyak kenderaan awam seperti bas, lori pengangkutan dan sebagainya yang boleh menikmati kemudahan ini. Tetapi selalunya apabila perkara ini diberikan satu daripada masalah ialah pembelian gas ini, kita masih kurang kemudahan kalau sesuatu kenderaan itu sampai ke Arau katanya dan tidak ada gas lagi.....

Tuan Ismail bin Kasim: Butterworth.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, Butterworth, dia kena bergerak ke Butterworth untuk mendapat ini dan ini adalah satu masalah yang menyusahkan. Kalau kita ada cadangan seperti ini Tuan Yang di-Pertua, kita juga harus mengkaji sama ada infrastruktur kita dalam pembekalan komoditi semacam gas ini boleh didapatkan di bandar-bandar kita, keseluruhan bandar kita dan ini akan sedikit sebanyak menggalakkan semua rakyat supaya tukar apa yang mereka guna sekarang kepada gas asli. Kalau kita tidak berbuat demikian, maka bagi saya galakan semacam ini tidak akan mendapat sambutan yang mesra dan akibatnya program ini akan gagal lagi. Mungkin hanya di tempat-tempat tertentu kita dapat memberikan kemudahan ini, tetapi di banyak tempat lain kita tidak ada langsung, dan kita mahu menggalakkan tetapi dari satu segi lain, kita tidak menyiapkan infrastruktur kita, kita tidak menghantar gas-gas ini ke depoh-depoh tertentu yang mana tuan-tuan punya kenderaan boleh membeli gas ini daripada tempat-tempat itu.

Jadi saya juga minta supaya apabila perkara ini dilaksanakan, perkara-perkara sampingan seperti saya sebutkan tadi juga diberikan perhatian, tanpa itu maka projek semacam ini tidak akan berjaya Tuan Yang di-Pertua. Sekarang saya ingin menyentuh tentang beberapa kementerian yang saya rasa ada perkara-perkara yang harus saya bangkitkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah peruntukan kepada kementerian-kementerian itu, maka RM81.12 bilion diperuntukkan dan semua ini diagihkan di bawah 60 buah tajuk. Tadi saudara saya atau kawan saya telah membahaskan tentang beberapa daripada tajuk ini dan saya mungkin juga ada sedikit pendapat tentang beberapa tajuk ini dan saya akan juga menyentuh beberapa tajuk baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya mula dengan Pengangkutan, kerana ini adalah satu perkara yang saya sering kali bangkitkan. Di bawah tajuk B.28 - Kementerian Pengangkutan, diperuntukkan RM808 juta telah diperuntukkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga faham bahawa kementerian ini memainkan satu peranan yang penting menambah infrastruktur, pelabuhan-pelabuhan, lapangan terbang dan sebagainya dan banyak daripada peruntukan ini akan digunakan untuk tujuan-tujuan sedemikian. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya hanya minta pada tahun yang lalu - pada sesi yang lalu itu bahawa satu peruntukan kecil diberi untuk satu stesen bas di Butterworth, Pulau Pinang yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang. Stesen bas itu terbakar empat tahun yang lalu dan sehingga hari ini, tidak ada apa yang telah dibuat. Tahun yang lepas kita diberi tahu bahawa rangka bangunan itu akan diruntuhkan dan sekarang kita lihat satu tanah kosong, saya jemput pegawai-pegawai atasan dan juga Menteri kalau boleh ke tempat ini untuk melihat begitu sedihnya keadaan di sana kerana semua bas itu datang ke tempat ini tetapi tidak ada perlindungan daripada hujan dan sebagainya dan itu merupakan pintu masuk ke pulau kerana itu di hadapan feri sahaja.

Kita diberi tahu pada awalnya bahawa perundangan kena dipinda dan kita di sini juga telah bekerjasama, kita pindah Dewan Rakyat, Dewan Negara, semua sudah buat, selepas itu kita diberi tahu bahawa dalam bulan Disember ini, maka kerja akan mula untuk membereskan perkara ini, tetapi sehingga sekarang tidak ada apa-apa perkembangan. Ini adalah satu janji kerajaan dan saya harap akan ditunaikan. Jangan kita dituduh janji-janji kerajaan itu tidak dilaksanakan apabila kita....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Minta laluan

Dato Dr. Chin Fook Weng: Kawan saya dari Pulau Pinang, sila.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan apa yang diucap oleh Yang Berhormat tadi iaitu tentang terminal bas di Butterworth.

Kita lihat baru-baru ini ada NGO telah pun memberi memorandum tentang laluan atau pun masalah-masalah kenderaan di Pulau Pinang. Saya ada satu masalah iaitu di Butterworth. Sebab kita lihat, empat tahun dahulu, telah mengalami kebakaran, tak silap saya Timbalan Menteri sendiri baru-baru ini telah berjanji bahawa beliau akan melaksanakan iaitu dalam ucapan dalam Dewan dijawab oleh Timbalan Menteri Pengangkutan bahawa beliau akan melaksanakan, tetapi sehingga sekarang kami, saya bagi pihak Pulau Pinang sedihlah, sebab di Pulau Pinang ini adalah kawasan

pelancongan, kita nak menarik pelancongan. Kalau kita nak menarik pelancongan, bas terminal sendiri pun tak ada, berselarak, bagaimana pelancong nak datang di Pulau Pinang. Ini akan merugikan Pulau Pinang.

Jadi, saya berharaplah kepada Kerajaan Pusat sendiri anjak birokrasi. Ha inilah, kadang-kadang kerajaan telah lulus perlaksanaannya tidak dapat dijalankan. Projek terbengkalai, kadang-kadang projek tidak dapat dilaksanakan dengan masa yang ditetapkan, ha..inilah masalahnya. Saya mintalah supaya perkara ini diselesaikan sebab kita tidak mahu lagi rakyat Pulau Pinang rasa bahawa mereka ini terpedaya. Sudahlah jambatan Pulau Pinang ditangguhkan, ini terminal bas yang harga begitu murah pun tak boleh dibuat.

Jadi, apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini bagi pihak Pulau Pinang.

Dato Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya amat bersetujulah bahawa satu perkara yang telah dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini telah diberi janji dan sebagainya masih tidak kelihatan. Nanti, saya harap, kawan saya dari PAS itu tidak tanyalah tentang perkara ini. Susah bagi kerajaan

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Ismail Kasim.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Dato' Dr. Chin. Saya difahamkan Penang Port Sdn. Bhd. mempunyai kedudukan kewangan yang agak stabil, agak kukuh dan kenapa - benda ini dia mempunyai rangkaian Pangkalan Ternoda, dia panggil stesen bas ini, saya tak ingat pasal terlalu lama dan saya pun pernah belajar di sana satu masa dulu. Jadi, kenapa sementara kita menunggu bajet yang tak cukup ni, inisiatif diambil oleh Penang Port untuk dibuat secara *design and build* dan apa saja bentuk yang boleh dijalankan segera supaya memberi keselesaan kepada penumpang yang merupakan pintu masuk utama ke Pulau Pinang seperti yang dijelaskan oleh Dato' Dr. Chin tadi. Apa pandangan Dato' berhubung perkara ini

Dato Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di Pertua, memanglah ini satu perkara seperti yang saya sebutkan tadi, telah banyak menyedihkan kita rakyat Pulau Pinang dan juga pelancong-pelancong dari negara luar. Apabila mereka datang ke tempat ini, tidak ada satu tempat selesa bagi mereka menaiki bas, apabila bas itu datang maka bahaya bagi mereka menaiki bas kerana bas itu tidak ada lorong, tidak ada apa

organisasi, seolah-olah itu adalah satu tempat pelarian, siapa yang lari cepat boleh naik bas dan ini sangat memalukan.

Perkara ini telah dibincangkan dan baru-baru ini tambang feri juga naik dan ini juga malu kepada Pengkalan Sultan Abdul Halim kerana dia di tepi saja dan kita lihat keadaan semacam ini empat tahun selepas kejadian itu tidak dipulihkan. Kalau tidak ada .kebakaran, tidak ada masalah. Sungguh pun dari segi undang-undang kita diberitahu bahawa Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang tidak berhak menjalankan satu perniagaan seperti mengendalikan stesen bas tetapi sejak saya budak-budak lagi dan selepas 60 tahun baru kata tak boleh. Saya pun tak faham kerana tempat ini terbakar.

Saya berharap dengan peruntukan RM808 bilion ini dia akan memberi semangat kepada Kementerian ini untuk menolong orang Pulau Pinang supaya dapat lihat satu stesen bas yang kita boleh banggakan dan apabila orang datang ke Pulau Pinang, pintu masuk ke Pulau itu bolehlah menjadi lebih menarik kepada semua yang datang.

Timbalan Yang di-Pertua: Dengan izin, Yang Berhormat.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh teruskan, apakah Yang Berhormat hendak kata, kalau mahu seribu daya, kalau tidak mahu seribu dalih, ya?
[Ketawa]

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih. Tadi, Yang Berhormat Puan Siti Zailah hendak tanya?

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya. Saya dengar sejak daripada Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad, dan saya memerhatikan bagaimana pembangunan yang ada dalam negara kita, masalah-masalah yang berlaku yang saya kira kalau kita meneliti dengan apa yang ada di depan kita, kalau digembar-gemburkan, dikatakan negeri yang diperintah oleh pembangkang, yang tidak maju, saya rasa dengan fakta-fakta yang Yang Berhormat sendiri sebut. Saya sengaja saya tidak ganggu sebab untuk kita sama-sama dengar dengan permasalahan kerugian yang ada dan kita sangat simpati dengan permasalahan yang berlaku di Pulau Pinang. Saya kiralah, kalau hendak cepat pembangunan itu, masuk pembangkang, masuk pilihan raya, Insya-Allah, cepatlah. Akan projek mee segera datanglah. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua, ini mungkin lambat lagi. Apa yang harus diberi ialah sokongan daripada Kerajaan Persekutuan dalam perkara ini. Memang kerajaan negeri telah menguruskan negeri itu dengan baik dan perkara ini telah banyak kali dibangkitkan, bukan sahaja di Dewan Undangan Negeri tetapi juga di Dewan yang mulia ini.

Ini hanya memerlukan satu semangat kerjasama yang lebih rapat di antara Kementerian Pengangkutan dengan pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang untuk membereskan ini kerana ini di bawah bidang kuasa mereka dan kerajaan negeri pun tidak dapat bertindak dalam perkara ini. Jadi apa yang saya harap selepas diluluskan peruntukan RM808 juta ini, maka projek ini akan disiapkan. Kalau tidak, bagaimana kita dapat mengguna RM808 juta? Asalkan satu projek yang kecil ini ambil masa satu tahun lebih, Tuan Yang di-Pertua. Ini satu perkara yang tidak patut berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Saya ingin bertanya sedikit. Sedangkan di negara kita Ahli-ahli dari Dewan Rakyat akan membangkitkan soal-soal kawasan, soal-soal mengikut kawasan masing-masing, mereka berpeluang memberi penekanan kepada masalah-masalah kawasan masing-masing. Dan dalam pengagihan kuasa, dalam kita mengamalkan falsafah perkongsian kuasa, kementerian pula diagihkan kuasa-kuasa mengikut parti-parti politik dan kuasa Yang Berhormat sebutkan itu menyentuh satu kementerian, maka satu parti politik tertentu.

Perkara yang Yang Berhormat sentuh sekarang ini dan pendekatan yang Yang Berhormat ambil sekarang ini adalah atas memberi penekanan kepada kepentingan sesebuah negeri yang memang menjadi satu daripada tanggungjawab utama Dewan Negara ini untuk memastikan bahawa prinsip-prinsip *federalism* kerana negara kita negara bersekutu diamalkan dan dihayati di mana dituntut oleh undang-undang, tidak kira di kawasan mana, parti siapa? Adakah itu yang Yang Berhormat hendak maksudkan?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya berharap ialah kita di negara ini ada satu sistem pengagihan kemudahan-kemudahan dan juga kewangan yang ada supaya ia dapat menampung keperluan di setiap kawasan dan juga mengambil kira faktor-faktor yang penting. Saya telah tanya beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini, tentang isu ini, sama ada kerajaan bercadang hendak kaji semula cara pengagihan kewangan negara ini kepada negeri-negeri kerana kita semua berada dalam satu sistem federalisme.

Dalam sistem ini juga ada sistem peruntukan seperti di Germany, Tuan Yang di-Pertua, di Germany, mereka ada negeri, mereka ada *federal*, tetapi mengikut Perlembagaan mereka, pengagihan setiap daripada Euro yang dikutip oleh kerajaan itu ada formula untuk pengagihan dan itu tidak mengira sama ada negeri itu diperintah oleh kerajaan yang memerintah di Persekutuan atau apa kerajaan pun kerana formula untuk pengagihan sudah ada. Tetapi saya diberi jawapan bahawa tidak ada cadangan.

Kita puas hati dengan pengagihan yang sedang dibuat pada masa ini dan akibat daripada itu, maka terpulanglah kepada kebijaksanaan kementerian-kementerian yang mendapat pengagihan itu untuk agih kepada negeri-negeri. Macam Perlis, mungkin Perlis tidak dapat banyak peruntukan sungguhpun mungkin sumbang banyak. Ini dari segi keadilan. Saya telah minta supaya sistem itu dikaji semula tetapi saya dapat jawapan, "No."

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Dato' Dr. Chin. Pada pandangan saya, peruntukan yang agak besar ini seperti mana kebetulan Dato' Dr. Chin bangkitkan tadi, kepada majlis kerajaan tempatan dan kebetulan projek ini juga terletak di bawah MPSB ya?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Bukan, di bawah Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

Tuan Ismail bin Kasim: Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang. Jadi, kalau kita lihat mungkin di sini terletak kebijaksanaan kepimpinan. Pandangan saya Dato' Dr. Chin, pandangan peribadi saya. Kalau kita mahu menyegerakan dan projek ini merupakan satu keperluan dan amat penting yang merupakan mercu tanda ataupun pintu masuk utama kepada pelancong-pelancong yang kita sedia maklum bahawa Pulau Mutiara ini adalah pulau yang menjadi tarikan yang saya rasa cukup ramai pelancong sama ada dalam ataupun luar negara yang merupakan pintu masuk utama melalui Pengkalan Tun Uda yang terbakar itu.

Jadi tidak boleh difikirkan untuk negeri membuat pinjaman melalui bank dan menyiapkan projek berkenaan dan kemudian kita boleh mendapatkan permohonan daripada Kerajaan Pusat kerana kita memberikan keperluan segera untuk kita menyiapkan projek ini. Apa pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, cadangan itu baik. Cadangan itu telah dikemukakan, tetapi telah ditolak kerana dikatakan ini hak Suruhanjaya Pelabuhan dan ini di bawah Kementerian Pengangkutan dan biar mereka

selesaikan perkara ini. Sungguhpun kami telah tanya supaya MPSB masuk *joint venture* dengan pihak ini, itu juga ditolak. So, semua itu ditolak atas alasan ini akan dikendalikan oleh Kementerian Pengangkutan. Kita tunggu empat tahun bagi maksud ini. Tuan Yang di-Pertua....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua tertarik juga tadi sahabat saya Yang Berhormat dari Pulau Pinang. Memang saya bersetuju Yang Berhormat tadi. Jadi masalahnya ialah masalah birokrasi di antara harta Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri. Suruhanjaya Kerajaan Pulau Pinang di bawah Kerajaan Pusat.

Memang kita ada cadangan MPSP, kerajaan negeri cuba hendak bangunkan tapi ditolak. Sebab itu baru-baru ini kita buat pindaan, saya ingat pindaan yang kita buat membolehkan terminal bas itu dibangunkan di kawasan itu. Padahal saya ingat masa saya belum lahir lagi bangunan itu sudah ada. Tapi kerana bangunan terbakar baru kita *overlook* bahawa pindaan tidak ada untuk membolehkan terminal itu atau bangunan itu dibangunkan untuk menjalankan perniagaan. Jadi inilah masalah Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dahulu apabila Yang Berhormat menjadi Ahli Majlis di Majlis Perbandaran Seberang Perai perkara ini sudah dibangkitkan. Sekarang sudah jadi Ahli Senate tapi masih belum selesai. Jadi kita akan tunggu. Saya berharap tidak lama lagi selepas diluluskan peruntukan ini ada semangat untuk menjalankan tugas ini. Tuan Yang di-Pertua, kita juga melihat di bawah tajuk.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kadang-kadang sebut perkara yang terpenting terlalu secara selamba. Sepintas lalu tadi Yang Berhormat sebut.....

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ada Tuan Yang di-Pertua, saya.....

Tuan Yang di-Pertua:harap bila sudah lulus peruntukan “ada semangat” Yang Berhormat sebut secara selamba. Padahal mungkin itu pokoknya. Bila ada semangat - jadi.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Saya tidak boleh kata, “insya-Allah” Tuan Yang di-Pertua.

[Dewan menjadi gamat dengan ketawa]

Tapi itulah maksud saya. Tuan Yang di-Pertua, di bawah Maksud B.26 - Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Lebih peruntukan daripada pengangkutan iaitu

RM1.621 bilion Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kita diberitahu banyak daripada peruntukan ini ialah untuk memastikan pelajar-pelajar MARA itu dengan biasiswa-biasiswa mereka dan sebagainya dapat diagihkan kepada pihak ini dan sebahagian lain, tetapi banyak daripada peruntukan ini ialah untuk tujuan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu begitu penting bantuan kerajaan kepada pelajar-pelajar dan sebagainya. Tetapi malangnya sistem bayar balik itu tidak ada. Tuan Yang di-Pertua, saya lihat RM1.621 bilion ini nanti separuh itu hilang lagi selepas diagihkan semua itu hilang Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita letak nama mereka di komputer di *airport* Tuan Yang di-Pertua supaya tidak dapat ke luar negeri. Kita iklankan nama mereka di surat khabar dan sebagainya. Baru-baru ini kita kata kalau mereka hutang, maka anak mereka tidak layak menerima bantuan daripada kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila perkara ini sudah berada dengan kita begitu lama dan sudah menjadi masalah yang begitu besar, maka tindakan-tindakan yang diambil itu nampaknya tidak sekeras-kerasnya seperti yang saya harapkan. Akhirnya mungkin daripada peruntukan yang akan diagihkan ini sebahagian besar akan kehilangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta semasa kita meluluskan ini bahawa Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi itu betul-betul mengambil berat tentang apa yang berlaku di bawah skim bantuan pelajar ini dan memastikan apa yang dipinjam itu mesti dibayar balik. Ini bukan satu biasiswa atau satu geran yang boleh diguna seperti itu sahaja. Ini adalah duit rakyat, duit petani kita, duit pekebun kecil kita, duit buruh kita yang susah payah telah membayar cukai dan kemudian diguna untuk tujuan itu tapi disalah guna.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa kita akan lihat satu budaya baru, silalah guna sebahagian daripada duit ini untuk menanam semangat baru di antara peminjam-peminjam itu. Gunalah duit ini, berusaha untuk mendedahkan mereka yang hutang banyak supaya pada akhirnya kita boleh dapat balik apa yang telah dipinjam kepada mereka. Kerajaan mempunyai hasrat yang baik untuk membantu ini tetapi nampaknya tindakan kerajaan tidak dihargai. Kita patutlah mengambil berat tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga melihat di bawah kementerian ini ada satu badan yang sangat penting iaitu CVLB (*Commercial Vehicle Licensing Board*) atau LPKP (Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan). Badan ini telah memberi laluan bas

dan sebagainya. Telah meluluskan lesen teksi dan juga mereka ada perundangan untuk pengawasan teksi-teksi dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, dari segi tindakan terhadap mereka ini yang telah dilesenkan oleh kementerian ini, tetapi tidak mengikut syarat-syarat LPKP seperti yang ditetapkan itu. Mereka dibebaskan dengan itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengambil contoh di Pulau Pinang, di bawah usaha kementerian ini teksi di Pulau Pinang tidak guna meter, tidak ada tindakan dan saya lihat tidak ada pembatalan lesen. Jadi kita ada tanggungjawab yang telah diletak di bawah LPKP itu. Kenapa pihak ini tidak bertindak dengan mengambil tindakan yang sesuai untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat di Pulau Pinang sekarang sistem pengangkutan awam sangat teruk. Di hadapan rumah saya yang patut tidak ada laluan bas, tapi bas masih datang. Jadi dari segi kawalan, dari segi pelesenan apa sudah terjadi kepada kementerian ini? Saya lihat bahawa ada banyak masalah nampaknya di bawah kementerian ini dari segi mereka yang pinjam tidak bayar balik, dari segi pengangkutan awam yang kurang selesa, dari segi teksi yang mengambil kesempatan untuk menyusahkan pengguna. Semua ini di bawah kementerian, tapi apa sudah berlaku?

Saya pun tidak faham Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya perkara ini dibiarkan tahun demi tahun. Bilakah kita akan mendapat atau melihat tindakan-tindakan yang sesuai terhadap perkara-perkara ini. Apa yang saya sebutkan adalah contoh sahaja Tuan Yang di-Pertua. Di tempat-tempat lain, di bandar-bandar besar lain mungkin masalah semacam ini juga kita lihat dan kerajaan ada di antara teras yang saya sebutkan tadi, iaitu teras strategi yang keempat untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat, telah menyatakan dia akan memperbaiki pengangkutan awam di Lembah Klang. Tuan Yang di-Pertua, kita dengar akhir tahun ini beberapa hari dari sekarang 250 buah bas baru akan diguna. 2006 tambah 600 buah bas baru, 120 bas yang sedia ada dibaik pulih, 10 laluan baru akan dicadangkan.

Tetapi semua di Klang Valley Tuan Yang di-Pertua di Lembah Klang. Jika di Pulau Pinang kita di tempat-tempat lain seperti Johor Bahru, di Ipoh macam mana? Kita tidak menikmati kemudahan ini, adakah kerajaan hanya membiarkan kami di tempat-tempat ini menderita sahaja. Tolonglah kami supaya kita juga di tempat-tempat ini dapat menikmati sedikit kemudahan sini 250 bas baru dalam bulan ini, 600 tahun hadapan, kita satu bas baru pun tidak ada Tuan Yang di-Pertua.

Adakah ini pengagihan secara adil mengikut keperluan-keperluan rakyat dan kalau hanya rakyat di Lembah Klang itu menikmati kehidupan yang lebih mesra kita jangan lupalah rakyat di tempat lain juga Tuan Yang di-Pertua. Kita juga melihat dalam perkara ini tiap-tiap kali kita bawa sama ada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi itu akan membantu kerajaan-kerajaan negeri untuk memperbaiki perkhidmatan bas mereka.

Selalunya jawapan ialah, "Oh ini adalah satu usaha kementerian. Kita sekarang kita puas hati dengan keadaan di tempat itu jadi kita memantau keadaan dan buat sementara waktu tidak payah buat apa. Tetapi kita melihat Tuan Yang di-Pertua bas-bas itu tengah jalan henti minta penumpang itu turun kata, "Saya tidak mahu teruskan perjalanan lagi kerana hanya dua tiga orang tinggal dalam bas sila turun saya hendak patah balik saya hendak ambil penumpang baru."

Kalau perkara ini diletak di bawah jagaan kerajaan negeri Tuan Yang di-Pertua, saya pasti ini tidak boleh berlaku kerana kalau ini berlaku orang yang menjaga pengangkutan di Pulau Pinang atau di Johor atau di mana-mana di negeri itu tentu akan menghadapi pemilih-pemilih mereka yang kurang puas hati Tuan Yang di-Pertua. Tetapi oleh sebab ini satu perkara kementerian maka kami di tempat-tempat itu tahu keadaan, tahu bahawa sistem pengangkutan awam begitu teruk tetapi tidak dapat membantu rakyat kita memperbaiki kehidupan.

Dalam strategi ini ada dikatakan kehidupan rakyat yang lebih mesra. Ini saya nampak tidak akan tercapai kalau kementerian berkenaan tidak bekerjasama lebih rapat dengan kerajaan-kerajaan negeri supaya memperbaiki sistem pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat Kementerian Kewangan untuk tajuk B.11 telah memohon RM17.462 bilion. Daripada amaun ini, separuh iaitu RM8.5 bilion ialah untuk subsidi diesel dan petroleum. Kita kata subsidi ini sudah begitu tinggi dan kerajaan tidak mampu lagi teruskan dengan subsidi sedemikian. Tetapi kalau pengangkutan awam itu tidak diperbaiki, rakyat tidak ada pilihan tetapi menggunakan kereta mereka lagi.

Kita mesti bagi mereka satu pilihan dan apabila pilihan itu sudah ada maka kita ambil tindakan yang tegas untuk bukan menghalang tetapi tidak menggalakkan mereka menggunakan kenderaan sendiri asalkan mereka bayar sama ada bayar cukai jalan yang tinggi atau bayar harga petroleum yang tinggi, baru memberi mereka peluang menggunakan kenderaan sendiri. Tetapi guna pengangkutan awam bagi LRT, MRT dan sebagainya kepada bandar-bandar ini bagilah satu perkhidmatan bas yang mencukupi,

selesa, bas yang bersih, berhawa dingin dan sebagainya dan menggalakkan rakyat menggunakan perkhidmatan ini supaya tidak perlu membawa kereta mereka.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekadar ingin mendapat penjelasan daripada yang senator tentang dari segi isu yang dibangkitkan perhatikan dari segi koordinasi. Walaupun Yang Berhormat menyentuh dari segi peranan Kerajaan Pusat tetapi masalah-masalah isu yang dibangkitkan tadi merupakan masalah di peringkat negeri di mana pentadbir negeri sama ada Ketua Menteri ataupun Menteri Besar boleh menyelaraskan kerana di peringkat negeri mempunyai agensi-agensi cawangan pusat di negeri. Kalau masalah pengangkutan ada Jabatan Pengangkutan Jalan yang untuk menguatkuasakan kalau masalah-masalah dibangkitkan begitu juga dengan LPKP ada *branch* nya di Pulau Pinang. Saya rasa perkara itu peringkat negeri kepimpinan negeri harus menyelaras memonitor dan apa-apa masalah boleh disalurkan mengikut prosedur. Terima kasih apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Datuk Yaakob ini memanglah cara yang kita guna pada permulaan pejabat penguatkuasaan ada di Sungai Petani. Kita selalu menghubungi mereka. JPJ diberi kuasa untuk *enforcement*, penguatkuasaan, kita ada mesyuarat dengan mereka, kita ada perbincangan mereka pun datang untuk membantu kami dalam hal teksi yang tidak mengguna meter. Tetapi malangnya bilangan kakitangan sangat terhad dan mereka bukan sahaja terjadi kawasan utara dari Perlis sampai ke Perak.

Mungkin boleh datang satu jam dalam satu minggu dan ini tidak berkesan. Apa yang berkesan hanya pada pendapat sayalah ialah pihak berkuasa yang boleh batalkan lesen dan sebagainya sekiranya tidak mematuhi syarat lesen itu. Adalah diberi kuasa ini sama ada diberi kepada kerajaan negeri ataupun kuasa itu sungguhpun masih dipegang oleh Kerajaan Persekutuan tetapi kerajaan negeri dilantik sebagai agen atau apalah untuk mengawasi perkara ini. Jadi kalau.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat saya teringat bila mendengar hujah Yang Berhormat khusus hujah yang baru diperdengarkan tadi terhadap apa yang kita kadang-kadang baca di dalam akhbar mengenai orang Malaysia bila ada jamuan *buffet* dia timbun pinggan dia banyak-banyak dan dia makan hanya separuh kerana dia tidak mampu makan kerana dia tamak. Tidakkah ini juga unsur perangai sebahagian besar

orang Malaysia tamak pada kuasa tetapi tidak tahu dan tidak mampu mengendalikan kuasa.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Itu satu bandingan yang sangat tepat, Tuan Yang di-Pertua. Sangat tepat, sangat tepat. Kita sudah kata semua kuasa diletakkan di Kuala Lumpur sekarang di Putrajaya, semua kuasa terletak di Putrajaya dan di sini diletakkan di Kuala Lumpur ini kalau kementerian masih ada dekat sini.

Semua kuasa itu di sini tetapi masalah berlaku di tempat jauh. Mereka yang boleh bantu ada kuasa untuk membantu hanya boleh buat laporan, bila buat laporan panggil Sungai Petani, Sungai Petani kata "Oh, peronda saya sudah keluar tidak ada apa lagi, tunggu minggu depan atau 10 hari dari sekarang telefon lagi" Itu ialah jawapan. Kita nampak teksi ini tidak mahu guna meter, penumpang yang duduk di dalam bas dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang bayar RM27 - dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang RM27. Dari Sungai Nibong ke KOMTAR itu 11 kilometer, diminta bayar RM30 sampai RM50. Kalau guna meter Tuan Yang di-Pertua, tidak sampai RM10, tidak ada pilihan lapor kepada JPJ, pihak penguat kuasa.

Kita tidak ingat bila kita diguna di Pulau Pinang dan bas-bas sekarang satu daripada syarat untuk keluarkan lesen bas ialah mereka yang memiliki lesen itu mesti mengendalikan dan menjalankan servis, itu ialah di bawah Akta CVLV yang kita luluskan di Dewan pada tahun 1987, Akta CVLV 1987 yang menyatakan siapa yang mohon lesen mesti mengendalikan bas itu. Kalau ke Pulau Pinang siapa yang kendalikan bas itu? Itu *driver* semua, syarikat itu sewa bas kepada *driver* "You sewa bas ini RM200 sehari, bayar saya RM200 sehari you pergi guna bas ini" dan bas ini lari ke sini lari ke sana bila nampak satu penumpang sahaja dalam bas suruh dia turun "Please turun, saya tidak mahu ke destinasi akhir, saya hendak patah balik"

Perkara ini telah dilaporkan pada LPKP, kepada pihak penguat kuasa tetapi malangnya tidak ada apa yang berlaku dan ini semua nampaknya di bawah kementerian ini dan apa yang disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi tepat, banyak kuasa dipegang tetapi tidak dapat menunaikan semua hasrat.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi patutkah kita marah yang kita baca dalam *internet*, Malaysia - *it is in numerable laws and regulations, questionable track record of enforcement*, kita harus marah atau tidak?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Kita harus bukan marah sahaja.....

Tuan Yang di-Pertua: [*Menyampuk*]

Dato' Dr. Chin Fook Weng:marah tidak cukup Tuan Yang di-Pertua. Kita harus tanya di forum macam ini Tuan Yang di-Pertua kenapa ini telah berlaku, siapa yang salah, apa tindakan yang harus diambil untuk memperbaiki keadaan, sama ada kita patut mengkaji semula.

Kita kata mahu memperbaiki pengangkutan awam kerana subsidi petroleum RM8.5 bilion baru-baru ini di dalam bajet tambahan satu kita sudah luluskan subsidi lagi. Sekarang mahu minta RM8.5 bilion daripada RM17 bilion yang diperuntukkan kepada Kementerian Kewangan di bawah tajuk B.11 dan itu untuk subsidi tetapi kalau pengangkutan awam itu diperbaiki kita rancangkan sesuatu, saya yakin ini tidak perlu. Daripada RM8.5 juta yang akan diguna sebagai subsidi bagilah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang RM500 juta sudah cukup untuk kami mengendalikan pengangkutan awam untuk keselesaan rakyat. Ini adalah satu janji dalam bajet ini, Tuan Yang di-Pertua.

Itu yang kami minta kenapa bagi semua subsidi ini, kenapa tidak bagi, tidak agih apa yang akan diguna sebagai subsidi untuk memperbaiki pengangkutan bas, pengangkutan awam di tiap-tiap negeri supaya rakyat tidak perlu - macam saya Tuan Yang di-Pertua, bila saya datang ke Kuala Lumpur saya tidak payah guna kenderaan saya kerana saya tahu guna *Star, Monorail, Putra, Komuter, Bas Rapid, Omni Bas*, semua saya tahu guna jadi saya tidak perlu guna itu. Bila saya tiba di satu destinasi kawan saya yang guna kenderaan belum tiba lagi kerana tidak ada kesesakan dan saya tidak payah cari tempat letak kereta, dia *round, round, round* bangunan letak kereta tidak dapat cari satu ruang kosong. Itu adalah masalah, siapa mahu buat demikian kalau kita ada pilihan lain, Tuan Yang di-Pertua.

Dalam tajuk ini, tiga kementerian yang saya sentuh pengangkutan untuk satu stesen bas yang selesa, pembangunan usahawan dan koperasi supaya memperbaiki perkhidmatan bas, perkhidmatan teksi dan sebagainya dan kewangan supaya jangan selalu guna subsidi, subsidi untuk mengatasi masalah, carilah jalan lain kerana subsidi ini tidak akan habis, Tuan Yang di-Pertua. Tiap-tiap tahun kita akan memungut, mungkin dalam tahun depan sekarang di pohon RM8.5, tetapi mungkin tahun depan pohon lagi RM8.5, jadi sudah mungkin jadi RM17 bilion untuk subsidi kepada diesel dan petroleum sahaja.

Di bawah perkara yang sama tetapi di bawah kementerian lain iaitu B.25 Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, dia dapat RM1.622 bilion. Satu daripada masalah yang besar yang dihadapi oleh kementerian ini ialah diesel yang telah

diberi subsidi oleh kerajaan itu disalahgunakan tetapi baru-baru ini nampaknya apabila harga diesel itu sudah naik, maka mungkin insentif bagi mereka mengambil diesel yang diberi subsidi itu untuk diguna di kilang-kilang itu sudah kurang. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita ada teknologi yang baru dan kita boleh guna cara *doping of diesel*. Saya dengar baru-baru ini kerajaan sudah mula dengan cara ini di mana sedikit *chemical* dimasukkan ke dalam tiap-tiap tangki, tiap-tiap lori yang akan membawa diesel ini ke stesen-stesen minyak dan apabila sampai ke sana mereka boleh tahu kalau diesel ini diguna untuk tujuan-tujuan lain seperti dalam kilang dan sebagainya. Kerana apabila mereka dapat kesan itu mereka dapat cari tetapi kalau ia diguna untuk maksud seperti oleh nelayan dan pihak-pihak pengangkutan bas dan sebagainya yang layak menerima subsidi ini maka tidak ada masalah.

Tetapi dari segi kawalan Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu di Kajang, Petronas depot di Kajang di mana lori-lori ini semua mereka perlukan 12 pekerja dan tugas mereka ialah letak satu kaca, satu botol yang mengandungi *chemical* ini dalam tangki itu, tiap-tiap lori yang nak keluar kalau bawa diesel yang ada subsidi itu mereka letak satu dan ini memerlukan 12 pekerja, 24 jam untuk mengendali. Ini satu daripada banyak depot yang ada di negara kita. Tuan Yang di-Pertua kalau kita berterusan dengan perkara ini, berapa ribu pekerja kita perlukan untuk memasukkan satu botol kecil dalam diesel itu, dan lepas itu kita kena hantar penguat kuasa ke kilang-kilang ambil sampel, cek sama ada diesel dari tangki itu sudah sampai ke kilang itu kerana kilang itu tidak layak dapat subsidi semacam ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidakkah boleh kita mencari satu jalan untuk mengatasi masalah ini yang lebih murah, lebih efektif dan tidak perlukan begitu ramai orang untuk mengendalikannya, dan adakah ini akan berterusan beberapa tahun atau buat sementara waktu sahaja? Ini adalah satu perkara yang harus diberi perhatian oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam isu subsidi kepada diesel ini, kalau tidak maka banyak daripada peruntukan ini akan diguna untuk tujuan-tujuan yang tidak mendapat apa-apa manfaat yang berteknologi tinggi atau sebagainya kepada kita. Tugas orang berkenaan ialah hanya letak satu *valve* yang mengandungi *chemical* dalam tangki dan lori yang keluar dari depot di Kajang itu mungkin ada beberapa *compartment* Tuan Yang di-Pertua, kerana bukan semua isi dengan diesel, mungkin ada *regular petrol* ada *premium petrol*, ada diesel dan sebagainya. Dia cari *compartment* yang berkenaan dan letak tiub ini.

Ini ialah satu skim kajian sama ada akan dilaksanakan di semua tempat, tetapi kalau akan dilaksanakan kita mesti mengkaji implikasi kos dan keberkesanan skim semacam ini, sama ada akhirnya patutkah kita meneruskan dengan ini ataupun kita kena cari satu lagi jalan keluar.

Di bawah Maksud B.25 Tuan Yang di-Pertua, kita juga diberitahu bahawa 745 anggota baru akan dilantik dan bilangan besar daripada 745 anggota baru yang akan dilantik di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, ialah mereka yang akan mengawasi dan mengambil tindakan tegas ke atas peniaga-peniaga yang selalu mengaut keuntungan berlebihan pada musim-musim perayaan dan itu ialah dari Oktober 2005 sehingga Februari 2006, kita akan menghadapi masalah semacam ini dan orang-orang ini diberi tugas supaya buat pemeriksaan harga dan sebagainya supaya peniaga-peniaga itu tidak mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu tindakan yang baik dan mungkin untuk mengatasi atau mengurangkan masalah ini kita patut mendedahkan berapa banyak kes yang telah didenda, berapa banyak telah dibawa ke mahkamah dan sebagainya supaya perkara ini diambil berat oleh para peniaga, kalau tidak tiap-tiap musim perayaan kita menghadapi masalah yang sama dan dengan tambahan bilangan anggota baru 745 orang ini, adakah ini akan mengatasi masalah atau masalah akan merebak dan kita perlu mengambil tindakan yang lain untuk mengatasinya. Saya berharap maklumat akan diberi kepada Dewan yang mulia ini tentang perkara ini, dan apakah keyakinan kita bahawa dengan pengambilan 745 anggota baru itu masalah ini akan diatasi, kalau tidak maka ini sia-sia sahaja dan kita membazirkan lagi satu perkara. Di dalam sistem 'dobbing' diesel itu kita telah melantik beberapa ratus atau ribu orang untuk mengendalikan itu dan kemudian ini lagi satu bil yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian saya ke tajuk B.4 - Suruhanjaya Pilihan Raya yang minta RM7.76 juta baru-baru ini di Pengkalan Pasir kita masih mendengar.....

Tuan Yang di-Pertua: 70 atau 30?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: RM30.76 juta dan kita juga dengar pada Pilihanraya Kecil Pengkalan Pasir baru-baru ini bahawa masalah *phantom voters* masih wujud dan pada Pilihanraya Umum Ke-11, yang berlangsung pada bulan Mac tahun 2004, kita juga dengar banyak masalah yang dihadapi oleh Suruhanjaya Pilihan Raya ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan peruntukan RM30.76 juta ini saya berharaplah bahawa satu laporan yang terperinci tentang apa tindakan yang telah diambil oleh suruhanjaya ini dalam mengatasi masalah-masalah yang telah dibangkitkan lebih kurang satu tahun yang lepas, iaitu pada bulan tiga kita telah bangkitkan banyak masalah bukan sahaja pihak pembangkang, tetapi Barisan Nasional juga membangkitkan banyak masalah, tetapi selepas itu kita tidak diberi maklum balas oleh suruhanjaya ini, apakah tindakan yang telah diambil oleh mereka untuk meyakinkan rakyat kita supaya sistem yang diamalkan di negara kita adalah satu sistem yang adil dan tidak dapat dipermainkan oleh mana-mana pihak.

Ini yang penting Tuan Yang di-Pertua. Jangan terima semua kritikan dan kemudian simpan maklum balas itu sahaja. Eloklah suruhanjaya ini bertindak dan kemudian *accountable* supaya mereka bagi satu laporan yang lengkap, terperinci tentang isu-isu yang telah dibangkitkan dan kemudian, apakah tindakan yang diambil oleh mereka dalam mengatasi masalah ini. Selepas bulan tiga tahun 2004, sekarang sudah Disember 2005 dan kita masih mendengar kekurangan-kekurangan seperti yang telah disuarakan dalam tahun 2004.

Tuan Yang di-Pertua, ini pada pendapat saya tidak patut berlaku lagi. Rakyat mesti penuh dan berkeyakinan bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya ini telah mengendalikan bisnes mereka dengan baik, telah menjalankan tugas tanpa apa prasangka daripada rakyat dan kita tidak harus tuduh menuduh. Ini kerana, apabila kita ada tuduhan seolah-olah pengundi-pengundi itu yang tidak layak telah juga diberi peluang untuk mengundi, maka ini akan merosakkan imej negara dan juga akan merosakkan keyakinan rakyat kita terhadap suruhanjaya. Ini kerana, mereka adalah satu badan bebas, satu badan yang diberi penuh tanggungjawab dan keyakinan untuk mengendalikan pilihan raya dalam setiap kawasan dan saya berharap semua perkara yang telah dibangkitkan khasnya tuduhan-tuduhan itu dapat dijawab dalam satu laporan oleh suruhanjaya pilihan raya itu.

Tuan Yang di-Pertua, kemudian saya ingin menyentuh B.49 iaitu Kementerian Pengajian Tinggi di mana diperuntukkan RM5.615 bilion. Kita telah mendengar bahawa dalam usaha meningkatkan bilangan pelajar dari luar negara, maka beberapa tindakan telah diambil dan pada masa sekarang, ada lebih kurang 40,000 pelajar dari luar negara yang belajar di Malaysia dan sebilangan itu belajar di IPTA.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya IPTA ini adalah untuk rakyat kita. Pelajar luar negara itu patut digalakkan ke Malaysia untuk masuk ke IPTS dan ini disebabkan mereka ini layak membayar yuran atau *fee* yang lebih tinggi dan subsidi dan geran yang diberi kepada IPTA itu harus diguna untuk rakyat kita. Saya diberitahu juga bahawa di antara mereka yang datang ke IPTA ini ada golongan daripada tajaan kerajaan iaitu kerajaan kita sekarang mampu membantu kerajaan-kerajaan dunia ketiga khasnya supaya dapat latihan dan juga kemahiran di negara kita.

Oleh kerana itu, mereka ditempatkan di IPTA. Tetapi sebahagian daripada tempat yang ada di IPTA kononnya 5% diagihkan kepada mereka yang tidak di bawah skim anjuran kerajaan dan sebagainya. Adakah kerajaan membenarkan IPTA ini Tuan Yang di-Pertua sekiranya dirasakan bahawa 5% ini yang datang ke IPTA akan memperkayakan lagi pengalaman pelajar-pelajar tempatan kerana ada peluang untuk bersama-sama pelajar dari luar itu.

Adakah mereka ini dikenakan bayaran berlainan daripada bayaran yang dikenakan kepada pelajar kita? Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita harus mengenakan bayaran yang lain. Kalau rakyat kita ke Australia untuk belajar Tuan Yang di-Pertua, kita kena bayar *fee* yang lebih tinggi sebagai orang bukan rakyat Australia. Sepatutnya di Malaysia kita harus juga mengamalkan cara yang sama. Kalau orang itu bukan rakyat kita dan ingin masuk ke IPTA, maka mereka harus dikenakan *fee* yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengar bahawa 5% orang ini hanya dihadkan masuk ke kursus-kursus yang tidak diminati oleh rakyat kita. Saya pun hairan Tuan Yang di-Pertua. Kalau di IPTA ada kursus-kursus yang tidak diminati oleh rakyat kita, kenapa diteruskan dengan kursus ini? Kenapa kita membazirkan kemudahan-kemudahan kita untuk menggalakkan rakyat kita menyertai kursus-kursus yang tidak ada apa-apa tarikan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya.....

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, laluan. Kalau boleh saya bertanya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, apakah yang dimaksudkan dengan kursus-kursus yang tidak disukai oleh pelajar-pelajar tempatan tetapi diberikan peluang kepada pelajar-pelajar asing untuk belajar. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Itu pertanyaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi di bawah B.49 ini. Saya difahamkan bahawa kursus-kursus macam perubatan,

pergigian, itu tidak menerima pelajar dari luar negara kecuali mereka yang masuk mungkin di bawah tajaan kerajaan. Yang lain itu semua tidak layak. Tetapi untuk kursus-kursus yang orang kita kurang berminat kerana ada tempat, ini diisi dengan orang-orang dari luar negara. Ada dua aspek Tuan Yang di-Pertua. Adakah kita adil kepada orang ini yang datang minta dia belajar satu kursus yang kita sendiri tidak minat? Kalau kita berbuat demikian, adakah tindakan kita akan dilihat sebagai satu tindakan seolah-olah kita tidak peduli apa yang akan berlaku kepada orang ini selepas dia habis pengajian.

Pelajar kita sendiri tak minat dan kenapa kalau mereka tak minat mungkin dari segi pekerjaan tak minat selalunya, sebabnya ialah lepas berijazah mungkin tak boleh dapat pekerjaan, jadi tak minat. Kalau senang dapat pekerjaan mungkin ramai berminat dalam kursus tersebut Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau demikian kenapa kita tak batalkan kursus-kursus semacam ini dan tumpukan kemudahan

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Sila.

Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin. Dalam kajian ataupun pemantauan Dato' Dr. Chin, apakah bidang ataupun disiplin pembelajaran yang popular di kalangan pelajar antarabangsa yang belajar di negara kita ini? Adakah itu menyebabkan kesusahan bagi penuntut dalam negeri untuk masuk ke sini?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad. Dalam maklumat yang diberi kepada kami Tuan Yang di-Pertua oleh Kementerian Pengajian Tinggi tentang isu ini, tidak disebutkan kursus-kursus itu, apa yang kita diberitahu ialah daripada golongan orang dari negara-negara lain yang datang ke Malaysia untuk belajar di IPTA, satu kumpulan ialah ditaja oleh kerajaan kita kerana membantu negara-negara dunia ketiga dalam usaha pembangunan negara itu ialah satu kumpulan, tapi 5% itu dihadkan kepada kursus-kursus yang tidak diminati oleh rakyat kita.

Kursus-kursus yang popular seperti perubatan, pergigian, *accountancy* dan sebagainya tidak ditawarkan oleh pihak ini. Jadi saya ingin mengaitkan perkara ini dengan apa yang berlaku di Kementerian Sumber Manusia nanti, kerana isu itu adalah sama Tuan Yang di-Pertua. Dalam perkara ini, pertanyaan saya ialah kalau kursus itu

tidak diminati oleh rakyat kita, kenapa kita masih teruskan dengan kursus itu? Setahu saya Tuan Yang di-Pertua, semasa saya bertugas sebagai pensyarah di USM, kita selalu semak kursus-kursus berkenaan, kita selalu ada pertanyaan-pertanyaan di kalangan majikan sama ada sesuatu kursus itu mencapai sasaran majikan itu dan telah memenuhi keperluan-keperluan mereka. Kalau tidak maka kita selalu kaji semula kursus itu dan mungkin rombak semula kursus itu atau batalkan terus kursus itu. Ada juga satu syarat di universiti yang menyatakan kalau satu kursus itu kurang daripada lima orang pelajar, maka kursus itu tidak akan ditawarkan.

Jadi kalau perkara semacam ini berlaku, kenapa kita tak guna kebijaksanaan kita supaya mengkaji semula kesesuaian kursus berkenaan dan jangan mengambil kesempatan supaya isi dengan pelajar dari luar negara untuk menambah bilangan pelajar dalam kursus ini. Bagi saya kita melakukan ketidakadilan kepada kawan-kawan yang hantar anak mereka ke negara kita untuk mendapatkan pendidikan dan kita kata, kita mahu menjadikan Malaysia sebagai satu pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini.

Saya fikir ini tak harus berlakulah dan saya minta kementerian ini mengkaji semula, apakah sebabnya perkara ini berlaku dan apakah tindakan yang sesuai. Saya buat pengiraan Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ada 200 ribu pelajar di IPTA kerana sudah ada 17 IPTA. Kalau kita ada 200 ribu pelajar dan kalau kita kata 50% itu merupakan 10 ribu, jadi 10 ribu tempat dalam universiti kita yang dibiayai oleh kita semua yang ada dalam Dewan ini, kalau tempat ini diagihkan kepada rakyat negara asing, dan tidak dikenakan *fee* atau bayaran yang lebih daripada apa yang dibayar oleh rakyat kita, adakah ini patut dilakukan? Dan saya tak mahu lihat duit yang kita akan luluskan ini oleh kementerian itu digunakan untuk tujuan-tujuan yang tidak mendatangkan manfaat kepada rakyat kita khususnya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mengikut hujah Yang Berhormat ini tapi saya masih rasakan ada sesuatu yang tersirat Yang Berhormat nak katakan, tapi tidak gamak katakan. Sebab itu saya tak suka memahami rasional kerana pertamanya, pada umumnya, kadang-kadang kita memang kena buat benda orang yang tak suka misalnya kita kena buat penjara, kita semua tak suka penjara pada prinsip umumnya. Maka menjurus kepada pengajian tinggi pula, kita sedar ada kemungkinan sesebuah IPTA itu terpaksa mengadakan bidang-bidang pengajian yang perlu, namun tidak popular di sisi permintaannya atas pertimbangan-pertimbangan tertentu, walaupun dari aspek universiti

itu sendiri hanya mahu menarik minat. Jadi apakah sebenarnya perkara Yang Berhormat nak ambil isu di sini?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara yang saya sedang soalkan dalam isu semacam ini. Satu ialah kemasukan ke IPTA, kerana di negara kita, kita menggalakkan IPTS dengan maksud IPTS itu akan membantu rakyat yang tidak sempat dapat masuk ke IPTA. Itu satu daripada aspek, jadi kalau dia tak sempat masuk maka dia ke IPTS. Dan apabila mereka ke IPTS, mereka sudah tahu implikasi ke IPTS, *fee* itu tentulah lebih mahal kerana IPTS itu bukan satu badan kebajikan, bukan akan dikenakan *fee* yang rendah, ia ialah satu institusi yang akan mengaut keuntungan. So itu adalah satu aspek, dan aspek yang kedua ialah peranan yang disuruh atau dimainkan oleh IPTA.

Apakah sebenar dalam dasar kerajaan dan peranan yang diharapkan kepada IPTA? Kalau kita tidak ada IPTS, Tuan Yang di-Pertua, itu cerita lain, tapi kita menggalakkan dan pada satu ketika Tuan Yang di-Pertua, kita ada 600 lebih institusi pengajian yang di bawah gelaran IPTS, dan mungkin banyak dari itu telah menderita, telah menghadapi masalah kewangan dan sebagainya disebabkan oleh kekurangan pelajar, dan banyak lagi yang kita dengar dalam Dewan yang mulia ini, yang dianjurkan oleh pengurusan bumiputera itu telah gulung tikar kerana bilangan pelajar begitu kurang dan kalau demikian, tidakkah kita memikir bagaimana pelajar-pelajar dari luar ini boleh digalakkan supaya menyertai kursus-kursus yang ada di sana, dan biarlah pelajar kita masuk ke IPTA sepenuhnya dan belajar di sini kecuali pelajar-pelajar yang ditaja oleh Kerajaan Malaysia, itu mana pun kena bayar, Kerajaan Malaysia pun kena bayar, masuk IPTA Kerajaan Malaysia juga kena bayar, IPTS pun kena bayar, hantar ke mana pun serupa.

Tetapi ini adalah satu kumpulan yang ditaja oleh Kerajaan Malaysia kerana hubungan kita yang baik dengan negara-negara dunia ketiga dan kerana kita menjadi Pengerusi OIC, NAM, ASEAN dan sebagainya. Itu bagi kita adalah memainkan satu peranan yang berlainan.

Tuan Yang di-Pertua: Makna masih ada ruang untuk penyelarasan yang lebih jitu oleh Kementerian Pengajian Tinggi terhadap kewujudan kursus-kursus di antara IPTS dan IPTA supaya penyelarasan yang lebih jitu dilakukan, dan hanya kementerian yang boleh melakukannya.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Betul, di bawah akta itu Tuan Yang di-Pertua, semua kuasa untuk kelulusan dan sebagainya di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Oleh kerana itu, maka pihak-pihak universiti sama ada IPTA, IPTS mereka tidak berkuasa untuk menukar keadaan, cuma kementerian yang boleh menentukan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh baru-baru ini Kementerian Pengajian Tinggi telah buat keputusan bahawa beberapa kursus di UPM, Universiti Putra Malaysia tidak sesuai diajar di universiti itu, dan kena dikeluarkan dari universiti itu dan diajarkan oleh universiti lain dan apabila Naib Canselornya tanya, apakah rasional, apakah falsafah, mengapa UPM tidak dibenarkan mengajar kursus ini? Ha, dia disalahkan. Seolah-olah dia mempersoalkan arahan daripada Lembaga Universiti sehingga dia menjadi satu isu dalam negara sama ada dia mencabar kuasa Menteri Pengajian Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, itu menunjukkan kuasa terletak di kementerian dan dalam meluluskan sesuatu kursus, Kementerian Pengajian Tinggi ada satu badan untuk IPTS yang dipanggil LAN, Lembaga Akreditasi Negara yang menguruskan kesesuaian dan sebagainya, tetapi pada masa sekarang tidak ada satu badan yang sama menyelia IPTA. Jadi, kalau ada kononnya kursus-kursus yang tidak diminati oleh rakyat Malaysia, maka sampailah masa untuk kementerian mengkaji perkara ini dan kemudian hentikanlah kursus-kursus demikian dan bukan diisi dengan pelajar-pelajar luar negara, itu dari segi tidak sesuai dan tidak patut dilakukan oleh kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah maksud....

Tuan Yang di-Petua: Yang Berhormat saya ingin bertanya Yang Berhormat, Yang Berhormat memerlukan berapa lama, berapa banyak masa lagi?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Petua, saya ada beberapa tajuk lagi dan mungkin saya cuba habiskan 5.30.

Tuan Yang di-Petua: Adakah pasti Yang Berhormat boleh habiskan 5.30 atau Yang Berhormat nak tamatkan, nak sambung hingga besok?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Saya boleh sambung, dan saya boleh habis, terpulang kepada keputusan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Petua: Ini keputusan Yang Berhormat di peringkat ini. Adakah Yang Berhormat nak tamatkan pada pukul 5.30?

Dato';Dr. Chin Fook Weng: Ha, kalau ada masa lagi saya akan menyambung esok, terima kasih.

Tuan Yang di-Petua: Maka Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin sedia untuk berucap esok.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di bawah Maksud B.41 - Kementerian Pelajaran, ini selalunya, ialah satu kementerian.

Tuan Yang di-Petua: Tapi jangan pulang lagi, nanti Yang Berhormat tiba-tiba berhenti, tiada siapa yang nak berucap.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tak adalah, tak ada, saya tak akan berhenti Tuan Yang di-Pertua..

Di bawah Tajuk Kementerian Pelajaran – B.41, kita diminta meluluskan peruntukan sebanyak RM17.543 bilion, ini yang paling tinggilah untuk kementerian dan ini adalah melebihi 20%, melebihi 20% daripada jumlah yang dipohon itu.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi usaha Kementerian Pelajaran, kita sangat mengharapkan bahawa mereka yang melalui Kementerian Pelajaran ini khasnya mereka dari sekolah rendah, sekolah menengah dan akhirnya politeknik dan sebagainya, sekarang ada kolej komuniti dan sebagainya, semua itu apabila mereka datang diberi pendidikan yang mencukupi dan kebelakangan ini Tuan Yang di-Pertua, satu isu yang telah banyak dibahaskan di negara kita ialah tentang pelajaran atau pengajian Sains dan Matematik dalam sekolah rendah.

Tuan Yang di-Pertua, kita sudah tiga tahun selepas melaksanakan dasar ini, bolehkah kementerian memberi kita maklum balas tentang pencapaian rancangan ini kerana kita diberi tahu bahawa semasa dasar ini dilaksanakan, maka ia akan diberi pemantauan yang mencukupi dan kemudian tindakan-tindakan yang sesuai atau perakuan-perakuan yang sesuai akan dibuat oleh kementerian ini. Jadi, sudah sampai masa bagi kita mendapat maklumat dan dari pengajian atau dari penyiasatan dan juga pengumpulan data di kementerian ini, bolehkah kita diberi tahu atau sama ada skim ini telah berjaya, sama ada kementerian ingin membuat sebarang perubahan kepada skim ini, dan apakah faktor-faktor baru yang mungkin diperkenalkan untuk menguatkan lagi kejayaan skim ini? Saya harap, maklumat macam ini diberi tahu kepada negara kita, supaya persoalan-persoalan tentang isu ini jangan dipolitikkan Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya, ini adalah satu isu profesionalisme dan satu isu pendidikan dan tak patut dipolitikkan oleh sesuatu pihak untuk kepentingan mereka sendiri.

Jadi adalah lebih baik kalau kementerian ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini baik hujah ini. Selalu kita dengar banyak pihak menyatakan jangan mempolitikkan sesuatu, jangan mempolitikkan tanpa mengupaskannya dengan lebih terperinci. Tapi dalam bidang pelajaran dan pengajian tinggi ini, bila kita kata jangan mempolitikkannya, adakah kita maksudkan mempolitikkannya demi kepentingan kaum atau mempolitikkannya demi kepentingan parti atau mempolitikkannya demi kepentingan daerah dan sebagainya? Di sini Yang Berhormat menyentuh aspek yang mana satu?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini, kerana perkara ini telah diminati oleh begitu ramai orang dan di kalangan Barisan Nasional juga. Ada komponen-komponennya, ada pendapat masing-masing tetapi akhirnya satu kompromi telah dilaksanakan dengan satu kefahaman bahawa satu tinjauan seperti saya sebutkan itu selalu dibuat dan akibatkan atau keputusannya akan diumumkan dan kita akan menggunakan faktor yang dikumpul itu untuk membuat keputusan selanjutnya. Jadi, dalam keadaan sedemikian inilah kita juga ada NGO dan sebagainya.

Dan baru-baru ini satu daripada NGO ini telah menjemput beberapa badan NGO juga untuk menghadiri satu mesyuarat di mana isu ini dibahaskan, dibincangkan dan sebagainya. Apa yang penting Tuan Yang di-Pertua ialah supaya kita tidak membenarkan keadaan semacam satu yang akan menjejaskan kepentingan skim ini merebak tanpa sebab-sebab yang munasabah. Mungkin hanya mengikuti emosi tiap-tiap pihak ini. Dan mungkin mereka salah menggunakan.....

Tuan Yang di-Pertua: Pada pemahaman saya kita sudah '*jammed*' sistem. Telefon-telefon mudah alih ini, saya rasa mungkin sistem ini tidak berfungsi, sebab itu saya dengar. Kita memang jam di dalam Dewan dan di sekitar Dewan. Minta disemak sama ada *system jamming* itu masih berfungsi?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, itulah selalunya masalah negara kita. Kita mula-mula memakai teknologi....

Tuan Yang di-Pertua: Mula-mula kita minta pihak patut, tapi tak patut - kita *jam* terus.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Kita *jam*, sepatutnya *jam* akan berterusan. Tetapi *jam* sudah menjadi kaya, selepas itu sudah dimakan dan selepas itu tak ada lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, "kaya" itu perkataan Hokkien, perkataan Melayunya "seri kaya".

Dato' Dr. Chin Fook Weng: *[Ketawa]* Seri kaya? Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dalam perkara ini, kalau kita tidak mengawasi, kalau kita tidak mengawasi keadaan kerana kerajaan telah janji bahawa kita akan melaksanakan semua dasar dengan satu cara yang terbuka, telus dan sebagainya. Jadi untuk mengelakkan mana-mana pihak mempolitikkan isu ini, sama ada dari segi parti, dari segi daerah, dari segi masyarakat, dari mana segi kita harus mendapat cara profesional maklumat daripada kementerian. Kerana kementerian diberi kuasa mengendalikan skim ini.

Dan kemudian membuat laporan kepada negara. Itu yang saya minta. Adakah Kementerian Pelajaran sekarang bersedia untuk memberi laporan kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara? Adakah mereka bersedia? Kalau tidak bersedia, maka bila? Bila akan bersedia? Kerana apabila skim ini dilaksanakan, kita akan diberitahu. Ini adalah satu skim, akan dilaksanakan, akan ditinjau, maklumat akan dikumpul, rakyat akan diberitahu. Tuan Yang di-Pertua, kalau ada masalah dalam pelaksanaan ini, sama ada nak guna bahasa Inggeris, nak guna bahasa ibunda dan sebagainya, kalau ada masalah, kita patut mengambil tindakan untuk mengatasi ini.

Kita jangan simpan perkara ini kerana akhirnya ia akan menjejaskan anak kita. Budak-budak itu mengikuti sistem dan kalau pelajaran mereka itu terjejas, maka ini akan menjadi isu dalam negara. Dan selepas enam tahun, untuk membetulkan mungkin terlalu lambat. Kita juga diberitahu apabila ini dilaksanakan tentang peperiksaan, Tuan Yang di-Pertua semasa itu ditanya peperiksaan, jawapan soalan, jawapan dalam bahasa Inggeris atau jawapan dalam bahasa yang diguna oleh aliran sekolah itu. Jawapan pada masa itu, oh! Belum putus lagi, kita tunggu. Belum sampai masa untuk membuat keputusan ini. Tuan Yang di-Pertua, sudah tiga tahun.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, isu bahasa Inggeris yang diajar dalam mata pelajaran Sains dan Matematik saya rasa bukan satu isu Tuan Yang di-Pertua. Ia adalah merupakan satu dasar yang telah diterima dengan sepakat, kesepakatan, semangat kongsi kuasa.

Yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat tadi, memperlihatkan perkara ini hanya dibangkitkan oleh pihak-pihak tertentu. Kerana untuk meninjau atau menilai sesuatu dasar itu berjalan dengan baik, ia memerlukan satu tempoh waktu yang praktikal. Pastikan anak-anak yang diajar sudah pasti dalam dua mata pelajaran tersebut akan berhadapan dengan masalah.

Tapi pokoknya, pokoknya Tuan Yang di-Pertua, dan mungkin pandangan Yang Berhormat. Ini bukan isu. Sebenarnya ini memerlukan satu kajian dan pihak Kementerian Pelajaran harus kita adil kepada mereka untuk mereka meninjau kembali masalah-masalahnya. Soal itu berpatah balik sama ada menggunakan soal ibunda, bahasa ibundanya tidak timbul.

Dan seharusnya Yang Berhormat Senator Dato' Chin ini adalah soal dasar, saya kira pihak yang sepatutnya tidak membangkitkan perkara ini, sepatutnya tidak membangkitkan kerana ianya bukan soal isu? Seharusnya ianya dikaji, ditinjau apa masalah untuk diperbaiki untuk masa hadapan. Sekian, apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bukan menyatakan ini menjadi isu sama ada nak kaji semula. Saya tidak, saya tidak Tuan Yang di-Pertua. Kepada perbahasan saya setakat ini, apa yang saya menyoalkan ialah tentang soal pelaksanaan. Pelaksanaan satu dasar yang telah diterima sebagai satu kompromi. Itu menjadi pokok saya. So, Yang Berhormat Datuk Yaakob jangan salah faham ya? Saya bukan persoalkan itu. Tuan Yang di-Pertua pun mengikuti hujah-hujah saya. Saya tak kata ini patut dihentikan atau apa? Tapi dalam peruntukan pelaksanaan dasar ini juga ada satu peruntukan tentang apabila sampai masa untuk menduduki peperiksaan..

Tuan Yang di-Pertua: Jadi jelas di sini, bila dasar itu hebat, tapi kalau pelaksanaannya meleset dia akan timbul masalah. Kerana orang tak puas hati, orang akan mempersoalkan dasar. Jadi semua pihak harus maklum, yang buat dasar dia tak ada silap. Tapi kerana yang kesilapannya banyak yang melaksanakan, bebanannya dipikul ke atas bahu si pembuat dasar. Jadi kita perlu jelas dalam perkara ini. Isunya, adalah isu pelaksanaan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Bukan, bukan mempersoalkan soal dasar Tuan Yang di-Pertua. Kita tak mahu....

Tuan Yang di-Pertua: Dengan itu Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingin bertanya siapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercadang nak bercakap esok? So, satu, Datuk M. Ratnam, Tuan Wan Nordin, Yang Berhormat Haji Tajul, Dato' Musa, Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad, dan Tuan Chiw ya? Terima kasih.

DN.12.12.2005

(105)

Ahli-ahli Yang Berhormat masa cukup. Mesyuarat ditangguhkan. Dewan akan bersidang pukul 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.